

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KESEBELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KEDUA**

---

---

<b>Bil. 41</b>	<b>Rabu</b>	<b>5 Julai 2006</b>
----------------	-------------	---------------------

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Halaman 26)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) 2006	(Halaman 27)
Rang Undang-undang Pelindung 2006	(Halaman 41)
<b>USUL:</b>	
Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah P.M. 16(3)	(Halaman 94)
<b>UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:</b>	
<b>Keutamaan Peruntukan Kemudahan Awam Di Luar Bandar</b> - <i>Y.B. Datuk Madius Tangau (Tuaran)</i>	(Halaman 94)
<b>Pembinaan Rumah Sampah Berdekatan Kawasan Perumahan</b> <b>Membimbangkan Penduduk</b> - <i>Y.B. Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)</i>	(Halaman 98)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT**

**Rabu, 5 Julai 2006**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**1. Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]** minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang lebih proaktif telah diambil oleh kerajaan untuk memastikan segala dasar, strategi, program dan penguatkuasaan undang-undang serta peraturan dilaksanakan dengan berkesan sama ada di peringkat Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan program-program pada peringkat nasional. Antara lain beberapa kursus ini sedang diadakan melibatkan pegawai-pegawai pelaksana dalam beberapa kementerian untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam pengurusan dan pemantauan projek.

Pada masa yang sama kerajaan telah menubuhkan Badan Bertindak Pelaksanaan Negara dengan izin *National Implementation Task Force* di bawah Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab untuk memantau projek-projek yang terpilih. Juga kerajaan telah pun menitikberatkan penilaian impak dalam pelaksanaan program-program Rancangan Malaysia Kesembilan. Ini bermakna selain daripada pengukuran perbelanjaan, peruntukan badan-badan pelaksana juga terus mengukur kesan dan manfaat kepada rakyat daripada program masing-masing.

Jika langkah-langkah ini didapati berkesan untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan, ia mungkin akan diaplikasikan pada tahap pentadbiran negeri dan juga Kerajaan Tempatan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberikan jawapan tadi.

Saya ada dua soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama, apakah jaminan kerajaan bahawa Badan Bertindak Pelaksanaan Negara atau BBPN benar-benar dapat memastikan penyelarasan pelaksanaan projek Rancangan Malaysia Kesembilan dapat dilakukan di semua peringkat sama ada di peringkat pusat, di peringkat negeri, daerah dan juga Kerajaan

Tempatan agar tidak timbul masalah pelaksanaan di peringkat awalan atau pertengahan yang boleh mengakibatkan sesuatu projek terbengkalai dan tidak dimanfaatkan oleh rakyat.

Soalan tambahan yang kedua. Seperti kita sedia maklum bahawa Kerajaan Tempatan merupakan kerajaan yang sangat penting dan paling berkuasa di peringkat akar umbi selain daripada Pejabat Daerah dan Tanah. Jadi, selalu diperkatakan masalah *delivery system* dengan izin, soal ketidakcekan jabatan dan agensi dan pegawai serta perkhidmatan yang tidak memuaskan dan lemah dalam menguatkuasakan undang-undang.

Selalunya isu-isu ini dikaitkan dengan perbuatan penyalahgunaan kuasa dan rasuah dan seperti yang kita dengar baru-baru ini Ketua Pegawai Penguat kuasa Majlis Perbandaran Ampang Jaya telah dihadapkan ke mahkamah dan kita ada dengar pegawai-pegawai PBT, pegawai-pegawai Pejabat Tanah dan Daerah sering melancong keluar negara dan ditaja oleh pihak-pihak yang tertentu.

Saya hendak tahu daripada kerajaan apakah langkah-langkah untuk mengatasi untuk memantau dan menangani masalah-masalah yang boleh menjejaskan kejayaan Rancangan Malaysia Kesembilan. Terima kasih.

**Datuk M. Kayveas:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Badan Bertindak Pelaksanaan Negara (BBPN) diumumkan bagi memastikan semua projek dan program di peringkat persekutuan, negeri dan juga kerajaan tempatan. Ini dilaksanakan secara bersungguh-sungguh, cekap dan juga berkesan.

Selain itu, BBPN juga untuk memantau dan menyelaras pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan khususnya projek yang mempunyai impak tinggi kepada rakyat. BBPN meluluskan pengawalan suatu sistem baru di kenali sebagai Sistem Pengurusan Projek dan Program ataupun PPP yang inovatif yang membolehkan pemantauan projek secara tepat atau dengan izin *real time*.

Membolehkan memantau atau mengurus projek ini mengikut status dan juga perkembangan sesuatu projek atau program di bawah dengan izin *supervision* masing-masing pada setiap masa iaitu 24 jam sehari.

Dan juga sistem PPP akan menghubungkan setiap komponen dalam rangkaian pelaksanaan bermula dari peringkat perancangan sehingga ke peringkat penyerahan projek.

Untuk makluman Yang Berhormat, komitmen tinggi yang ditunjukkan kepimpinan kerajaan melalui keyakinan dan kepantasan bertindak adalah isyarat kesungguhan untuk melihat kejayaan RMK-9. Walaupun masih terlalu awal untuk mengukur keberkesanan sistem baru ini, komitmen tinggi yang ditunjukkan oleh kepimpinan kerajaan melalui keyakinan dan kepantasan mereka bertindak perlu dilihat sebagai satu isyarat nyata dan tegas mengenai kesungguhan untuk melihat kejayaan Rancangan Malaysia Kesembilan, selaras hasrat rakyat yang mahukan taraf hidup mereka lebih baik dan kehidupan lebih selesa.

Berkaitan dengan soalan kerajaan tempatan, saya sudah beberapa kali sebagai ketua parti saya, apabila saya dapat peluang pada masa ucapan dasar, saya bangkit beberapa isu berkaitan dengan kes-kes rasuah ataupun *delivery system* di peringkat PBT. Berkaitan dengan kes MPAJ, saya salah seorang *victim*. Apabila kes ini dapat *publicity* yang meluas dalam surat khabar, apabila kita dicabar untuk beri nama penguat kuasa yang berkaitan, lepas nama itu diberi daripada pihak kementerian, pada masa itu saya di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, lepas itu saya pula jadi seorang *victim*.

Apabila kes itu dibawa ke mahkamah, kita nampak peguam dan juga orang kena tuduh (OKT) itu tiap-tiap kali bangkitkan nama saya. Macam saya adalah seorang OKT. Inilah masalah yang kita dapati di mana tidak dapat orang yang hendak tampil ke hadapan untuk memberi keterangan, maklumat berkaitan dengan rasuah ataupun perkara-perkara lain yang tidak baik di peringkat PBT. Tetapi mengikut hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, beliau amat serius dalam membanteras rasuah, di mana beliau mahu setiap anggota pentadbiran atau menteri komited dan bekerjasama membanteras rasuah.

Dalam hubungan ini saya telah menerima seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam usaha membanteras rasuah dengan menamakan penerima rasuah apabila saya telah dicabar menerusi media publisiti dalam kes itu. Sekarang kes itu diteruskan dan saya dipanggil sebagai saksi. Apabila saya pergi ke mahkamah jadi lain isu pula. Saya tidak tahulah mereka sebenarnya perlukan saya sebagai saksi ataupun tidak, tetapi saya berani pergi ke mahkamah untuk menghadapi mereka dan memberi apa-apa jawapan yang mereka perlu.

Selain daripada itu, mereka putar belit kes itu macam saya .....

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Menyampuk]*

**Datuk M. Kayveas:** Apa you punya masalah?

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Jawab habislah.

**Datuk M. Kayveas:** *Why?*

*[Dewan gamat seketika]*

**Datuk M. Kayveas:** *What's your problem?*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ini mengenai memastikan keberkesanan.

**Datuk M. Kayveas:** Sekarang kita dapati apabila kes bermula mereka kata saya dapat RM50,000 untuk *fix-up*, dengan izin, OKT tersebut tetapi tidak ada apa-apa *evidence* di dalam kes itu. Tidak ada satu sen pun kita ambil tetapi kes itu macam itu juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik Yang Berhormat, faham.

**Datuk M. Kayveas:** Itulah keterangan bagi kes itu.

Selain daripada itu, soalan lagi satu yang diminta iaitu ada penguat kuasa-penguat kuasa daripada PBT yang keluar pergi luar negara, kita dapat maklumat bahawa ada penguat kuasa yang keluar negara tiap-tiap minggu, untuk main golf di Medan, Hadyai dan macam-macam tetapi

kita perlu saksi untuk tampil ke hadapan, berani untuk memberi keterangan kalau kita perlu ambil tindakan.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor berminat!

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Okey! Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sebenarnya menumpukan mengenai kegagalan kerajaan kini ini untuk, dengan izin, *walk the talk*, mengenai dasar-dasar, strategi-strategi, mengenai jaminan-jaminan bahawa akan mengadakan reformasi dalam 32 bulan ini. Sebagai contohnya dua hari dahulu dalam *online* media ada laporan satu *line* sahaja.

*“On the other hand, it’s real Malaysia. It is still a regional foster-child for crony capitalism and related forms of corruption.” “Malaysia is still a regional foster-child for crony capitalism and related form of corruption.”*

Selepas 32 bulan janji bahawa akan ada perubahan atau ada kempen yang serius untuk memerangi rasuah. Bukankah ini menunjukkan bahawa *walk the talk*, sudah gagal dan perlulah satu usaha, satu strategi *high profile* untuk melaksanakan dasar-dasar ini. Kalau ini tidak akan, dengan izin, *fizzle out*, mungkin di*hijack* oleh bekas Perdana Menteri. Masa bekas Perdana Menteri sifatkan semacam ini bahawa adalah *poster-child* untuk *crony capitalism and related form of corruption* masa pentadbiran bekas Perdana Menteri kita faham, tetapi kenapa sekarang masih dianggap sebagai begitu.

**Datuk M. Kayveas:** Yang Berhormat, apa yang Yang Berhormat kata – ini kita tahulah ada beberapa orang keluarkan dalam *internet* dan ada surat-surat layang yang keluar. Kalau ada *evidence*, kalau ada keterangan berilah kepada kita dan boleh juga buat laporan yang tertentu, spesifik, kita boleh ambil tindakan. Selain daripada itu, Yang Berhormat kata kita belum *walk the talk*, Yang Berhormat kata tidak ada strategi yang *high profile*. Saya cadangkan di sini, oleh sebab Yang Berhormat adalah Ketua Pembangkang, bolehlah Yang Berhormat sendiri beri cadangan secara bertulis atau suatu projek *paper* yang strategik *high profile*. Apa maksudnya, apa caranya beri kepada kita, kita akan baca dan teliti cadangan Yang Berhormat. Terima kasih.

**[Soalan No. 2 – Y.B. Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan (Keningau) tidak hadir]**

3. **Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan adakah kementerian sedar tanggapan negatif sesetengah pihak yang menyatakan misi pelaburan yang dibuat keluar negara tidak menguntungkan. Berapakah jumlah misi pelaburan yang melibatkan Kerajaan Persekutuan dan negeri yang telah dibuat dalam tahun 2001-2005. Berapakah perbelanjaan yang terlibat berbanding dengan jumlah pelaburan yang dapat ditarik ke negara ini.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]:** Tuan Yang di-Pertua, misi galakan perdagangan dan pelaburan adalah satu program penting dalam menyalurkan maklumat mengenai peluang-peluang

pelaburan yang terdapat di Malaysia dan mewujudkan *networking* dengan bakal-bakal pelabur yang menjadi sumber pelaburan utama Malaysia.

Sebanyak 35 misi galakan perdagangan dan pelaburan luar negara telah dianjurkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri bagi tempoh 2001 hingga 2005. Jumlah perbelanjaan bagi menganjurkan 30 misi galakan perdagangan dan pelaburan bagi tempoh tersebut adalah RM30.15 juta. Bagi tempoh 2001 hingga 2005 – jumlah pelaburan asing yang telah diluluskan bagi projek pengilangan adalah sebanyak RM77.1 bilion. Sumber utama pelaburan asing bagi tempoh tersebut adalah:

<b>Negara</b>	<b>Jumlah (RM) bilion</b>
Amerika Syarikat	14.5
Jerman	12.9
Jepun	9.9
Singapura	8.9
United Kingdom	4.4

Selain daripada negara-negara utama ini Malaysia juga telah berjaya menarik pelaburan daripada:

<b>Negara</b>	<b>Jumlah (RM) bilion</b>
Emirate Arab Bersatu Korea	3.9
Republik Rakyat China	3.5
Taiwan	3.4
	2.8

Mereka juga adalah merupakan negara-negara yang menjadi tumpuan misi galakan perdagangan dan pelaburan yang telah dianjurkan oleh kementerian ini.

Bidang-bidang utama pelaburan asing dan produk elektronik dan elektrik, produk petroleum dan petrol kimia, logam asas, peralatan pengangkutan kertas, percetakan dan penerbitan dan kimia dan produk kimia. Usaha menghantar misi pelaburan ini dilakukan secara berterusan bagi memastikan pelabur-pelabur asing terus melabur akan meningkatkan lagi pelaburan mereka di Malaysia.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Saya ingin ambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada kerajaan melalui MITI yang telah mempromosikan negara kita termasuk perindustrian ini di luar negara. Yang melibatkan Menteri, Timbalan Menteri, pegawai-pegawai kerajaan MATRADE, MIDA dan juga agensi-agensi lain termasuk swasta. Sepanjang maklumat saya, ramai daripada pengusaha-pengusaha individu yang turut dijemput untuk bersama dalam mengesani pelaburan di luar negara.

Soalan tambahan saya, berapa ramai dalam Rancangan Malaysia Kelapan, pengusaha-pengusaha individu yang telah terlibat dengan misi pelaburan ini dan berapakah pecahan mereka mengikut kaum. Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, saya perlu notis nanti, kerana saya tidak mempunyai maklumat tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah sebab misi pelaburan kita yang gagal atau mundur dan langkah untuk memperbaiki dan dari yang kita difahamkan, 30 misi itu mana yang berjaya dan mana yang tidak berjaya? Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah memberi statistik tadi mengenai dengan jumlah pelaburan yang meningkat di negara kita dari tahun ke tahun. Sebagai contoh pada tahun lalu, FDI kita telah meningkat dari segi yang diluluskan kepada USD4.7 bilion. Satu peningkatan yang begitu besar. Jadi tidak timbul bahawa misi tersebut adalah misi yang gagal. Di samping itu, tadi saya menyatakan bahawa misi pelaburan kita bukan misi pelaburan yang terhad kepada pelaburan semata-mata.

Misi tersebut juga merupakan misi perdagangan untuk tujuan kajian kos analisis Yang Berhormat, dari segi perdagangan. Seperti mana dinyatakan, kos pada tahun 2005, yang terlibat untuk misi perdagangan dan pelaburan adalah sebanyak RM6.881 juta dan kita buat perbandingan dari segi jualan yang terbit, yang dijana dengan izin, *immediate sales* adalah sebanyak RM559.7 juta. *Potential sales*, bermakna jualan yang perlu dirundingkan adalah sebanyak RM1.27 bilion. Ini meletakkan banyak syarikat-syarikat kita sebagai syarikat-syarikat besar.

Sebagai contoh, syarikat yang dahulu, *Top Glove* umpamanya yang empat tahun dahulu merupakan syarikat yang jual di pasaran domestik. Bila dibawa dalam misi perdagangan, pada tahun lalu sahaja, jualan di peringkat antarabangsa lebih daripada RM400 juta. Jadi maknanya, kalau kita lihat dari segi statistik pelaburan dan juga dari statistik perdagangan, misi yang kita lakukan ini telah membawa kejayaan besar kepada negara ini.

4. **Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan sejauh manakah produk Industri Makanan Luar Bandar Bumiputera dapat menembusi pasaran antarabangsa. Jika ada, nyatakan bilangannya.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Khamsiyah binti Yeop]:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian sememangnya melaksanakan pelbagai program dan pendekatan bagi mempromosikan produk Industri Kecil Dan Sederhana bumiputera, sama ada bagi pasaran tempatan mahupun luar negara. Promosi produk yang dimaksudkan ialah

termasuk produk-produk makanan yang dihasilkan dari luar bandar serta produk satu daerah satu industri.

Sehubungan dengan itu, MECD telah pun mengadakan beberapa program promosi di luar negara seperti di Kumin dan Shanghai di China, London, Dublin, South Afrika dan sedang merancang mengadakan promosi di *Dubai International Halal Showcase* yang dijadualkan pada bulan September 2006 serta *Jepun International Seminar One Village One Product* pada Oktober 2006. Semua produk yang dipromosikan telah mendapat sambutan dan tempahan di negara-negara berkenaan. Secara keseluruhannya, sebanyak 15 produk makanan di luar bandar telah mendapat tempat di luar negara. Antaranya ialah seperti kerepek ubi, perencah makanan, kuih tradisi seperti rempeyek, kuih karas dan baulu.

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniahlah kepada kementerian yang telah dapat membawa produk makanan luar bandar ke pasaran antarabangsa. Soalan tambahan saya, apakah rancangan kementerian untuk terus mempertingkatkan dan mempertahankan pasaran ini supaya kekal dan berdaya saing seperti mengadakan kerjasama dengan jabatan ataupun kementerian-kementerian yang lain.

Contohnya, MITI untuk terus membuat promosi yang lebih kerap di luar negara. MARDI misalnya untuk dalam bentuk R&D. SIRIM misalnya dalam bentuk-bentuk *certified quality* ataupun mutu dan jabatan-jabatan yang lain, yang berkaitan supaya produk ini apabila dihantar ke luar negeri akan terus mendapat sambutan dan berkualiti tinggi. Terima kasih.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian, MECD sememangnya bekerjasama dengan agensi-agensi di kementerian yang lain seperti SIRIM, MARDI, MITI dan FRIM sendiri. Jadi untuk meningkat kualiti produk kita, supaya ianya lebih perkasa, kita adakan satu program yang kita panggil program '*Groom Big*'.

Dalam program ini kita dedah dan kita khususkan kepada pengusaha-pengusaha Industri Kecil dan Sederhana bagi meningkatkan kualiti mereka, bagi memenuhi piawaian standard yang diperlukan untuk menembusi pasaran *supermarket* ataupun *hypermarket* dalam negeri dan luar negeri seperti *Good Manufacturing Practice (GMP)*, *Good Hygiene (GHP)*, *have served* dan juga halal. Kita juga tidak ketinggalan terus dari semasa ke semasa memberi peningkatan dalam segi pembungkusan, pelabelan dan jenama agar ianyi boleh bersaing di peringkat antarabangsa.

Insyallah, kementerian telah pun mengenal pasti beberapa tempat di dunia bagi kita mengadakan produk-produk luar bandar, mengadakan *trading house* di luar-luar negara, seperti di London, di Dublin, di....

**Tuan Yang di-Pertua:** Dublin.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Dublin, London dan juga di beberapa negara lain yang telah kita kenal pasti dan kita berhasrat untuk mengadakan produk-produk kita seperti juga China Town yang ada di seluruh dunia pada hari ini. Terima kasih.

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan syabas, tahniah kerana dari dahulu kita cerita macam mana kita hendak pasarkan barang-barang tempatan dan permintaan pengguna, pengetahuan pengguna tentang kandungan yang kita gunakan dan sebagainya telah dapat kita tepati dan sasarkan. Kita seronok bila barang kita dapat dijual di luar negara.

Soalan saya, selepas kita selesai fasa ini, ada satu lagi tentangan yang terpaksa kita hadapi iaitu bagaimana kita dapat membantu supaya produk-produk ini dapat kita hasilkan secara konsisten dan berterusan kerana kita dapati barang-barang ini sukar didapati di kedai-kedai runcit, di 7 Eleven dan sebagainya untuk bersaing dengan produk-produk yang biasa kita lihat.

Jadi saya kluatir apabila kita membuat satu *penetration* dengan izin ke luar-luar negara, tetapi kita gagal untuk memastikan keluaran produk-produk IKS ini dapat bersaing dalam keluaran yang berterusan. Ia akan menjejaskan nama baik negara, nama baik usaha ini kerana kita tidak dapat menyediakan permintaan yang semakin meningkat. Jadi apa langkah kerajaan untuk mengatasi fasa kedua ini? Terima kasih.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Muar. Kekangan atau masalah tetap ada di kementerian kerana kita kadang-kadang, kita bawa promosi produk kita bila dia minta *container by containers* untuk dipasarkan. Di situ kita menghadapi masalah yang mana mereka tidak mendapat bekalan yang mencukupi. Dengan sebab itu, langkah kita yang kedua, sebab itu kita adakan program di peringkat daerah yang kita panggil Program Usahawan Daerah untuk kita dapat kerjasama dengan setiap daerah bagi mempromosi atau produk-produk yang kenal pasti.

Kalau kita kata kita kekurangan produk bahan mentah umpamanya, tanaman i yang diperlukan seperti kopi dan sebagainya, kita minta kerjasama dengan pihak FAMA kita, kerjasama dengan pihak Pertanian untuk mereka turut menanam apa juga produk-produk yang kita perlu bagi menghasil, bagi membolehkan usahawan-usahawan kita dapat dengan mudah produk yang kita ada. Kita juga dari semasa ke semasa, kita buat *outsourc*e kepada pihak *Tesco*, *supermarket* dan *hypermarket* menerangkan, menjelaskan di setiap kursus yang kita adakan bagi mereka mendedahkan bagaimana membolehkan usahawan IKS kita masuk di pasaran tempatan dan luar negara. Terima kasih.

**5. Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan adakah rancangan kementerian untuk mewujudkan kembali seksyen-seksyen yang berkaitan dengan perlindungan kanak-kanak dalam Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 yang telah dimansuhkan setelah Akta Kanak-kanak 2001 dikuatkuasakan dan apakah seksyen-seksyen tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengalu-alukan

keprihatinan Ahli Yang Berhormat berkaitan dengan kebajikan dan hal-ehwal kanak-kanak di negara ini kerana perkara ini adalah selaras dengan konvensyen mengenai hak kanak-kanak atau dengan izin, *Convention on The Rights of The Child (CRC)* yang telah diratifikasi oleh Malaysia pada tahun 1995.

Oleh yang demikian, pihak kerajaan komited dalam memberi tumpuan terhadap kebajikan dan kehidupan kanak-kanak yang menjurus kepada kehidupan, perkembangan, perlindungan dan penyertaan kanak-kanak. Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 telah dimansuhkan bersama-sama dengan Akta Juvana dan Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 setelah Akta Kanak-kanak 2001 dikuatkuasakan.

Secara umumnya, AKK 2001 diwujudkan bagi menyatukan undang-undang yang berkaitan dengan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kanak-kanak dan untuk memasukkan peruntukan-peruntukan baru yang lebih baik supaya kanak-kanak diberi perlindungan dan bantuan yang diperlukan. Sehubungan itu, seksyen-seksyen yang berkaitan dengan perlindungan kanak-kanak di bawah Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 tidak perlu diwujudkan semula memandangkan peruntukan berkaitan perlindungan kanak-kanak yang terkandung di dalam AKK 2001 adalah menyeluruh.

Pada masa sekarang, kementerian ini sedang menimbang cadangan meminda Akta Kanak-kanak 2001 bertujuan menambah baik peruntukan sedia ada bagi menjaga kepentingan kanak-kanak selaras dengan konvensyen mengenai hak kanak-kanak yang telah diratifikasi oleh Kerajaan Malaysia pada tahun 1995. Sekian, terima kasih.

**Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen atas jawapan yang jelas. Saya bangkit soalan ini atas sebab di bawah Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973, ia mempunyai satu seksyen yang menyatakan bahawa sesiapa yang melakukan kesalahan seks ke atas kanak-kanak boleh dihukum dengan denda atau penjara atau kedua-duanya. Selepas Akta itu di mansuhkan, pendakwa raya hanya dapat bergantung pada Kanun Keseksaan untuk mengambil tindakan terhadap pesalah seks ini.

Secara spesifik saya merujuk kepada kes rogol atau pun dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *statutory rape*. Buat masa ini, seorang yang berumur di bawah 18 tahun umpamanya 16 tahun, jika melakukan hubungan seks secara suka sama suka dengan seorang gadis yang juga berumur di bawah 16, jika disabitkan kesalahan ia akan dihukum secara mandatori lima tahun minimum hingga 20 tahun maksimum.

Ini akan timbul situasi di mana oleh sebab satu kesilapan hidup, kesilapan budak lelaki di bawah 16 tahun itu..

**Tuan Yang di-Pertua:** 16 atau 18?

**Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]:** 16.

**Tuan Yang di-Pertua:** 16 ya.

**Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]:** Hidup pesalah juvana itu akan musnah akibat hukuman minimum lima tahun ini. Oleh itu, apakah rancangan kementerian untuk melindungi juvana-juvana di dalam kes seperti ini iaitu hubungan seks secara suka sama suka di antara mereka yang berumur 16 tahun ke bawah ini? Terima kasih.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Penampang. Sebenarnya kementerian kita akan beri perlindungan kepada semua kanak-kanak yang di bawah umur 16, tetapi seperti apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi semua kesalahan-kesalahan dan hukuman in terhadap kanak-kanak di bawah 16 tahun yang telah melakukan seks dengan teman wanita, gadis berumur di bawah 16 ini, saya anggap ini telah diambil kira oleh *select committee* dan akan dimasukkan di dalam *Penal Code* yang akan dibentangkan tidak lama lagi. Oleh itu, perlindungan akan diberikan . Terima kasih.

**Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyatakan jumlah bilangan anak yatim di negara kita dan memandangkan Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak atau *Convention on the Right of the Child* menekankan kanak-kanak mempunyai hak hidup dan juga membesar dengan sihat, menikmati taraf hidup dan pemeliharaan yang sempurna serta kasih sayang dalam suasana kekeluargaan.

Jadi apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk memastikan anak yatim di negara kita dapat perlindungan kasih sayang dalam suasana kekeluargaan.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Tebrau. Memandangkan kita tidak ada kajian yang terperinci mengenai bilangan anak-anak yatim di negara kita, data mengenai anak yatim adalah terhad kepada anak yatim yang berada di bawah perlindungan penyeliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat sahaja. Sehingga kini bilangan anak yatim terdapat di sembilan buah rumah kanak-kanak di bawah kelolaan JKM seluruh Malaysia adalah seramai 1046 orang. Manakala di tujuh buah rumah Tunas Harapan terdapat sejumlah 240 orang anak yatim.

Selain itu terdapat sejumlah 3154 orang anak yatim yang berada di 79 buah pusat jagaan kanak-kanak yang dikendalikan oleh pertubuhan sukarela kebajikan yang berdaftar dengan JKM bagi tahun 2005. Jumlah anak yatim secara keseluruhan yang terdapat di dalam daftar JKM adalah 4440 orang. Mengenai apakah langkah kita untuk memastikan anak yatim akan dibesarkan di bawah suasana kekeluargaan, langkah yang telah diambil oleh kementerian salah satu ialah kita telah mewujudkan tujuh buah Rumah Tunas Harapan yang mana Rumah Tunas Harapan ini adalah dikendalikan oleh pasangan suami dan isteri dan anak-anak yatim yang ditempatkan di Rumah Tunas Harapan ini mereka akan tinggal dengan keluarga pasangan ini.

Dan mereka juga akan panggil pasangan ini sebagai ibu bapa dan mereka akan dibesarkan di dalam satu suasana kekeluargaan. Di samping itu, kementerian juga menggalakkan kepada keluarga yang sanggup menerima kanak-kanak daripada institusi atau

kanak-kanak lain yang memerlukan penjagaan mengikut tafsiran perundangan. Dan kadarnya sebanyak RM250 hingga ke RM500 sekeluarga sebulan akan diberi kepada keluarga ini untuk sebagai bantuan mereka menjaga anak-anak yatim ini. Sekian terima kasih.

6. **Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]** minta Perdana Menteri menyatakan kriteria yang digunakan untuk penganugerahan gelaran Datuk, Tan Sri dan Tun sempena hari keputeraan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong setiap tahun.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]:** Tuan Yang di-Pertua, setiap tahun Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong akan menganugerahkan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan sempena hari keputeraan rasmi baginda. Terdapat enam kategori Darjah Kebesaran Persekutuan yang membawa gelaran seperti berikut.

Pertama, dua darjah yang membawa gelaran Tun iaitu Darjah Kebesaran Seri Maharaja Mangku Negara (SMN) dan Seri Setia Mahkota (SSM). Kedua, dua darjah yang membawa gelaran Tan Sri iaitu Darjah Kebesaran Panglima Mangku Negara (PMN) dan Panglima Setia Mahkota (PSM). Ketiga, dua darjah yang membawa gelaran Datuk iaitu Darjah Kebesaran Panglima Jasa Negara (PJN) dan Panglima Setia Diraja (PSD). Pengurniaan Darjah-darjah Kebesaran tersebut kepada penerima-penerima yang memenuhi kriteria khusus seperti berikut:

- (i) Satu, Darjah Kebesaran Seri Maharaja Mangku Negara (SMM) gelaran kehormat Tun. Darjah ini dikurniakan kepada mereka yang telah membuktikan ketokohan di dalam pelbagai bidang termasuk memberi sumbangan yang cemerlang dengan penuh tanggungjawab kepada negara. Mereka ini mempunyai kedudukan yang tinggi di dalam negara dan mempunyai pengaruh yang luas.
- (ii) Kedua, Darjah Kebesaran Seri Setia Mahkota (SSM) gelaran kehormat Tun. Darjah ini dikurniakan kepada mereka yang telah banyak membuat jasa yang cemerlang dengan penuh rasa tanggungjawab kepada negara. Mereka ini mempunyai taraf kedudukan yang tinggi dan pengaruh yang luas.
- (iii) Ketiga, Darjah Kebesaran Panglima Mangku Negara (PMN), gelaran kehormat Tan Sri. Darjah ini dikurniakan kepada mereka yang tinggi taraf kedudukannya dan terkenal kerana perkhidmatan yang cemerlang kepada negara di dalam pelbagai bidang. Mereka yang dikurniakan Darjah Kebesaran PMN ini mempunyai pengaruh yang luas dan telah memanfaatkan pengaruhnya dengan bersungguh-sungguh-sungguh untuk kepentingan negara.

- (iv) Darjah Kebesaran Panglima Setia Mahkota (PSM) yang membawa gelaran Tan Sri. Darjah ini dikurniakan kepada mereka yang mempunyai taraf kedudukan yang tinggi serta terkenal kerana khidmat kerana sumbangan cemerlangnya kepada negara;
- (v) Darjah Kebesaran Panglima Jasa Negara (PJN) gelaran kehormat Datuk. Darjah kebesaran ini dikurniakan sebagai menghargai jasa dan perkhidmatan cemerlang dan dedikasi yang tinggi kepada negara; dan
- (vi) Darjah Kebesaran Panglima Setia Diraja (PSD) gelaran kehormat Datuk. Darjah yang amat dihormati Setia Diraja merupakan kurnia Diraja yang dianugerahkan kepada mereka yang telah mempersembahkan perkhidmatan cemerlang dan taat setia kepada Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.

Selain itu kriteria umum turut digunakan untuk pertimbangan calon-calon bagi semua penganugerahan darjah kebesaran. Bintang dan Pingat-pingat Persekutuan seperti berikut:

- (i) Hendaklah dianugerahkan kepada mereka yang benar-benar layak untuk dipertimbangkan bagi penerimaan mana-mana anugerah. Mereka yang berkenaan ialah individu yang telah banyak membuat jasa dengan cemerlang dan penuh tanggungjawab kepada negara. Bagi kakitangan kerajaan mereka hendaklah terdiri daripada kakitangan yang telah menjalankan tugas dengan dedikasi dan menghasilkan mutu kerja yang tinggi;
- (ii) individu yang telah menunjukkan kejayaan cemerlang dan membawa kepada kejayaan negara;
- (iii) seseorang yang telah mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa;
- (iv) seseorang yang telah berbakti kepada masyarakat melalui pertubuhan atau persatuan dan sentiasa cergas memberi sumbangan sukarela tanpa mengira masa dan keturunan; dan
- (v) kakitangan kerajaan yang telah sanggup menjalankan tugas-tugas lebih daripada tugas biasa.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada asas-asas di atas, kriteria-kriteria berikut juga diambil kira:

- (i) berumur melebihi 40 tahun bagi lelaki dan 35 tahun bagi wanita;
- (ii) kakitangan kerajaan yang telah lama berkhidmat iaitu melebihi 18 tahun;

- (iii) calon-calon yang belum pernah menerima apa-apa penganugerahan serta satu jangka masa pengurniaan;
- (iv) kepimpinan yang boleh diteladani; dan
- (v) berkhidmat di tempat yang terpencil.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Tanjong.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, kita mendapati ada beberapa gelaran seperti Tan Sri dikurniakan kepada penjawat perkhidmatan awam yang masih berkhidmat misalnya KSU kementerian dan sebagainya. Memandangkan setengah-setengah penjawat perkhidmatan awam ini mempunyai gelaran Tan Sri yang dianggap lebih tinggi daripada sesetengah Menteri dan Perdana Menteri sendiri.

Apakah logiknya dan sama ada kerajaan akan menimbang semula untuk memberi gelaran Tan Sri kepada penjawat perkhidmatan awam yang masih berkhidmat. Kalau mereka sudah bersara dan berkecimpung dalam sektor-sektor lain memang untuk menghargai jasa mereka, saya rasa ini memang satu perkara yang baik tetapi jika mereka masih berkhidmat memandangkan menteri-menteri sendiri pun tidak dapat gelaran Tan Sri ini, adakah ini wajar?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah beri asas yang begitu banyak tentang kita memberi anugerah ini tetapi adalah lebih baik kita anugerahkan kepada mereka yang masih hidup. Adalah tidak eloklah orang yang telah mati baru kita hendak bagi anugerah ini kerana itu pun ada yang meninggal dunia kita bagi anugerah ini.

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua yang dibangkit oleh Yang Berhormat tadi kita sekarang kerajaan sekarang menjalankan dasar yang telah ditetapkan iaitu jawatankuasa sebenarnya yang menguruskan penganugerahan ini ada dua:

- (i) Jawatankuasa Khas yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara; dan
- (ii) Jawatankuasa Tetap yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Jadi, pada pandangan kerajaan adalah tidak munasabah kita yang menguruskan perkara itu kita kemudian bagi kepada diri kita sendiri. Sebab itulah *Cabinet Ministers* tidak diberi anugerah ini. Ini adalah kerana dasar kerajaan sekarang dan kita akan meneruskan dasar ini dan apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi KSU, Tan Sri, *Minister* tidak ada Tan Sri. Ini tidak timbul sebab mereka di dalam kementerian itu berkhidmat atas kapasiti jawatan Menteri dan KSU masing-masing punya peranan masing-masing bukan kerana dapat Tan Sri dan sebagainya akan menimbulkan masalah ini tidak. Ini adalah dianugerahkan kepada khidmat mereka kepada negara yang saya sebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan saya mudah sahaja. Adakah pihak kerajaan menetapkan bilangan pemegang-pemegang

gelaran-gelaran Tun, Tan Sri dan Datuk tadi pada masa hidupnya. Contohnya Tun, hari ini ada berapa pemegang gelaran Tun. Maknanya kalau *the next* Tun nak masuk kena tunggu satu Tun meninggal dulu, baru Tun ini masuk. *[Ketawa]* Adakah kerajaan menetapkan bilangan-bilangan pemegang gelaran ini? Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua memang kerajaan menetapkan jumlah sebahagian daripada gelaran-gelaran itu dan ada juga tidak ditetapkan tetapi saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat, jika Yang Berhormat berminat untuk mendapat jumlah itu setakat ini untuk DKM had lantikan ialah 10, untuk DMN had lantikan ialah 30, bagi SMN had lantikan ialah 25, SSM 35 dan panjang lagilah Tuan Yang di-Pertua kalau saya nak sebutkan di sini. Maknanya ada hadlah dan setakat ini jumlah yang kita anugerahkan tidak melebihi atau masih kurang dari had yang telah saya sebutkan tadi.

7. **Tan Sri Dato' Hew See Tong [Kampar]** minta Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan menyatakan implikasi-implikasi positif dan negatif ke atas para pembeli tentang program penjualan rumah setelah siap dibina.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Azizah binti Mohd. Dun]:** Tuan yang di-Pertua, secara umumnya konsep penjualan rumah yang telah siap dibina mempunyai implikasi-implikasi positif dan negatif. Di antara implikasi positif adalah seperti berikut:

- (i) menghindarkan pembeli dari mengeluarkan wang simpanan dan juga meminjam wang dari bank terlebih dahulu untuk membeli rumah kerana pembayaran cuma akan dibuat setelah rumah-rumah telah disiapkan oleh pemaju;
- (ii) mengurangkan bebanan kewangan pembeli dari terpaksa membuat dua pembayaran secara serentak iaitu sewa rumah yang didudukinya dan juga pembayaran ansuran pinjaman bank;
- (iii) pembeli berupaya untuk meneliti rumah yang akan mereka miliki terlebih dahulu dan boleh membuat keputusan yang bijak. Secara tidak langsung, boleh menurunkan bilangan aduan yang banyak yang sering diterima oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan seperti masalah kecacatan rumah, kelewatan pengeluaran CF, isu bekalan air dan elektrik, masalah infrastruktur dan sebagainya;
- (iv) membantu menurunkan kadar pinjaman tidak terbayar yang mungkin dihadapi oleh pembeli atau pemaju perumahan;
- (v) merencanakan lagi pembinaan industri perumahan dan mewujudkan daya saing dalam penggunaan teknologi pembinaan terkini serta dapat

memberi jaminan terhadap kualiti rumah yang dibina dan tempoh penyiapan projek mengikut jadual.

Manakala implikasi-implikasi negatif adalah seperti berikut:-

- (i) harga rumah dijangka akan meningkat lebih tinggi daripada harga sekarang, berdasarkan kenaikan kos pengeluaran, kos kewangan dan risiko kredit;
- (ii) boleh mewujudkan kalangan *speculators*, dengan izin, yang tinggi;
- (iii) dikhuatiri akan memberi kesan penguncupan kepada sumbangan sektor perumahan dalam KDNK dan juga kesan yang besar kepada pekerja-pekerja sedia ada termasuk golongan profesional dalam bidang perumahan dan juga kontraktor-kontraktor;
- (iv) boleh memberi kesan penguncupan kepada banyak subsektor kerana sektor perumahan memberi nilai tambah kepada hampir 150 industri dan perkhidmatan hiliran dan huluran yang berkaitan;
- (v) dikhuatiri boleh menyebabkan peningkatan kadar inflasi negara kesan penguncupan sektor perumahan;
- (vi) pihak bank dijangka bersifat lebih memilih dalam memberikan sebarang pinjaman kepada pemaju memandangkan wujudnya elemen spekulasi; dan akhirnya
- (vii) pemaju kurang berminat dalam pembinaan rumah-rumah kos rendah sekiranya tidak ada syarat atau kuota yang mewajibkan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya hendak tanya pihak kementerian soal kes buat dulu dan siap kemudian jual, sudah lama kita bincang dan saya pun banyak kali mengajukan soalan-soalan ini. Tetapi jawapan daripada pihak kementerian kita akan mengkaji, sedang mengkaji dan bila kajian ini akan selesai.

Yang keduanya, kerana pembeli tunggu Tuan Yang di-Pertua, tunggu bila...bila...bila...

**Seorang Ahli:** Biasalah itu.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Biasa, ya? Jadi, yang keduanya saya bersetuju mungkin kos dari segi pembinaan, *interest* dan sebagainya, tetapi dia sama juga, kalau kos faedah bank itu dikenakan kepada pembeli, penjual boleh *transfer* kos itu kepada pembeli apabila rumah itu siap. Boleh diberikan. Jadi, apakah pihak kerajaan tidak boleh menyelesaikan masalah ini, kerana kes rumah yang tidak siap ini masih lagi berleluasa dan kita tengok dalam kaca TV Tuan Yang di-Pertua, setiap kali pembeli terkena dan tertipu. Jadi, sampai bila Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah, saya faham.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Keduanya, terima kasihlah kita punya Timbalan Menteri ini pakai baju pun warna yang cukup elok, itu warna pilihan saya, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. *[Ketawa]*

**Datuk Azizah binti Mohd. Dun:** Terima kasih, ini baju lama ini. Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat di atas soalan tadi. Saya inginlah dengan sukacitanya memaklumkan bahawa kajian sudah pun selesai dibuat oleh kementerian dan Kabinet telah meluluskan cadangan kita untuk membina kemudian jual ini pada 7hb Jun yang lalu. Secara dasarnya Majlis Nasional Kerajaan Tempatan juga telah bersetuju untuk mengguna pakai sistem ini pada 22hb Jun yang lalu dan sistem ini akan digunakan secara selari bagi peringkat interimnya selama dua tahun bermula, Insya-Allah pada awal tahun hadapan iaitu pada Januari tahun hadapan, setelah segala-galanya selesai kita muktamadkan. Jadi tidak ada masalah lagilah, Insya-Allah. Itulah jawapannya.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat beritahu adakah bila sesuatu pembinaan rumah dibina dan disiap diperlukan mengambil lesen untuk membinanya. Baru-baru ini saya difahamkan di Thailand, di mana masa untuk membina rumah itu telah dikurangkan dari 24 bulan ke 12 bulan. Walhal regulasi-regulasi di Malaysia masih terikat dengan 24 bulan dan tempoh *warranty* pun masih 24 bulan sahaja. Jadi, adakah apa-apa yang akan diambil untuk memberi lebih perlindungan kepada pembeli-pembeli dalam hal ini.

**Datuk Azizah binti Mohd. Dun:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Kita akan menggunakan sistem bukan 100% bina kemudian jual, tetapi kita telah bersetuju untuk menggunakan 10-90 ataupun 10-90, dengan izin, oleh kerana itu, pemaju-pemaju yang akan melaksanakan sistem ini masih lagi perlu untuk mendapatkan lesen daripada kita. Tujuannya ini adalah untuk memastikan semua pihak akan terpelihara kebajikannya kerana mereka akan perlu mentaati undang-undang yang ada dalam negara kita. dan

Dalam masa interim ini, kerana dijalankan secara selari kita juga akan meneliti, sekarang ini pun sedang dalam proses meneliti undang-undang Akta Pemajuan Perumahan kita, untuk memastikan segala-galanya diperketatkan lagi untuk memastikan tidak akan timbul lagi masalah-masalah yang menjadi kompelin kepada pembeli-pembeli rumah kita dan rakyat kita keseluruhannya pada masa ini.

8. **Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah peruntukan kewangan yang telah dibelanjakan setakat ini untuk penubuhan (*Malaysia Maritime Enforcement Agency*), termasuk nilai aset yang telah diambil alih daripada Polis Marin. Sejauh manakah agensi yang baru ini telah didapati berkesan dalam pencapaian objektifnya?

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]:** Tuan Yang di-Pertua, semenjak penubuhan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), jumlah peruntukkan kewangan yang telah dibelanjakan oleh kerajaan sehingga Mei 2006 yang lalu adalah sebanyak RM176 juta, dengan pecahan seperti berikut:

Perbelanjaan	Peruntukan (RM)	2005 (RM)	2006 (RM)
Mengurus	132 juta	64 juta	67 juta
Pembangunan	44 juta	29 juta	15 juta

Jumlah keseluruhan nilai aset yang diambil daripada Polis Marin ialah sebanyak RM194 juta, iaitu nilai aset semasa, 15 buah kapal peronda PZ berjumlah RM118 juta dan alat ganti bernilai RM14 juta.

Secara umumnya objektif APMM adalah untuk menentukan zon maritim Malaysia selamat dan aman untuk pengguna. Justeru itu, apabila memulakan operasinya pada 30 November 2005 yang lalu tumpuan operasi adalah di Selat Melaka, iaitu laluan yang sentiasa menjadi tumpuan komoditi maritim antarabangsa, di mana wujud persepsi bahawa terdapat kegiatan pelanunan yang menakutkan para pelaut. Untuk makluman, sepanjang tempoh APMM beroperasi, tiada kes pelanunan direkodkan di kawasan perairan Malaysia.

Keupayaan aset APMM untuk menjalankan fungsi penguatkuasaan di zon maritim Malaysia amat terhad. Walaupun demikian, ianya tidak menghalang APMM untuk berfungsi di kawasan selain daripada perairan Selat Melaka. Rondaan telah pun diadakan di kawasan Pantai Timur Semenanjung, khususnya bagi mencegah kemasukan nelayan asing. Mulai 21 Jun 2006 yang lalu, operasi penguatkuasaan maritim telah diperluaskan ke perairan negeri Sabah. Di samping tugas rondaan, aset APMM telah turut serta membantu Agensi Penguatkuasaan Maritim yang lain dalam tugas mencari dan menyelamat.

**Tuan Alexander Nanta Linggi [ Kapit ]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, dengan adanya Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia ini, bagaimanakah dengan peranan Angkatan Tentera Laut di-Raja Malaysia? Sila nyatakan bagaimana kedua-dua badan ini Tentera Laut dan APMM boleh bekerjasama dan di mana mereka mungkin ada percanggahan atau pertindihan dalam bidang tanggungjawab masing-masing?

Yang kedua, dan mengapa semenjak kewujudan APMM di Selat Melaka, Selat Melaka ini masih kekal diiktiraf sebagai *Worried Zone* atau juga sebagai *Terrorist Operational Area* oleh *Joint War Committee for Purposes of Worried 'Insurgence' London*. Dan, apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan Malaysia untuk memperbaiki imej yang negatif ini memandangkan Selat Melaka ini adalah sungguh penting kepada pembangunan ekonomi negara kita. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak ada percanggahan di antara agensi-agensi kerajaan apabila APMM ini ditubuhkan. Sebaliknya kita bertugas secara saling melengkapi di antara satu sama lain. Jadi tidak ada masalah percanggahan dari segi tugas dan kalau kita lihat dari segi tujuan asal APMM ini ditubuhkan ialah untuk menyelaraskan kerana kalau kita lihat pada masa yang lalu umpamanya sebagai contoh pihak Marin Polis menangkap sesuatu kes yang berkaitan dengan penyeludupan maka ia akan serah kepada pihak Kastam untuk membawa kes ini ke pihak pengadilan tetapi oleh kerana adanya APMM ini, APMM sendiri boleh bawa dan menguruskan kes itu sehingga kepada peringkat mahkamah untuk diselesaikan oleh APMM sendiri, tidak payah lagi kita lepas kepada orang lain tanggungjawab itu Tuan Yang di-Pertua.

Mengenai soal yang ditimbulkan, sebenarnya mengikut rekod yang ada pada kita, dari segi lanun ini sudah menurun. Kalau kita lihat pada tahun 2004, ada 34 kes dan tahun 2005, 5 kes sebelum tarikh operasi APMM pada 30 November tetapi pada hari ini, sehingga hari ini belum lagi ada kes yang direkodkan. Satu lagi saya ingin maklumkan kepada Dewan ini bahawa kita kena faham bahawa Selat Melaka ini khususnya di kawasan Utara untuk masuk daripada Utara ini oleh Indonesia, dan Malaysia kita hanya boleh menjaga kawasan kita tetapi kawasan Indonesia bukan bidang kuasa kita tetapi ada kerjasama di antara kita dengan pihak Indonesia, itu pertama.

Yang keduanya kalau kita lihat, umum menganggap bahawa sebarang kejadian di laut itu adalah lanun, sebenarnya tidak. Kita kena faham kategori mereka kerana sekarang ada juga yang pergi merompak, umpamanya merompak kapal, curi ikan, rompak tali, rompak pukot, itu perompak, bukan lanun. Ini kita kena ingat. Lanun ini mereka tawan kapal yang lalu di dalam kawasan-kawasan yang berkenaan sebab kalau rompak ini di darat pun banyak, kita kena faham perkara ini. Jangan semuanya kita anggap lanun. Jadi *attempt* atau cubaan pun begitu juga....*[Dewan riuh dengan ketawa]*

Jadi itulah saya hendak maklumkan supaya kita jangan terus anggap perkara ini tetapi pihak lain daripada negara kita, kita tidak fahamlah kenapa mereka menganggap Selat Melaka sebagai satu kawasan yang..., memang sibuk tetapi ialah kawasan yang selamat sekarang ini. Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa, nampak daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, matlamat penubuhan Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia ini sebahagiannya telah tercapai di mana tidak ada lagi aktiviti pelanunan. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan di Dewan ini, adakah agensi ini berjaya menghalang penyeludupan di perairan Selat Melaka ataupun di sebelah Pantai Sabah dan Sarawak kerana kita tahu penyeludupan terutamanya penyeludupan dadah masih berlaku di negara kita. Jadi saya hendak minta

penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kejayaan agensi ini dalam menangani kegiatan pambaneras penyeludupan ini. Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat telah membuat satu soalan andaian adanya berlaku penyeludupan dan sebagainya tetapi yang sebenarnya, kalau seperti rekod yang saya sebutkan tadi bahawa sejak adanya APMM ini kita telah dapat mengurangkan kejadian-kejadian yang tidak kita ingini tetapi ini tidak bermakna juga bahawa kerana adanya APMM ini kita telah, ini secara ikhlas saya cakap, kita telah dapat mengelakkan perkara-perkara seperti ini tetapi ini adalah hasrat kerajaan untuk memperbaiki supaya perairan kita bukan sahaja dikawal dari segi agensi-agensi yang lain tetapi di bawah APMM ini kita akan memastikan ianya selamat dan sebab itu untuk makluman Dewan ini kita kena faham bahawa APMM ini baru sahaja beroperasi November tahun lalu. Jadi kita dapat kapal-kapal baru daripada pihak-pihak yang lain.

Jadi untuk makluman juga kita belum lagi 100 peratus dia punya pelaksanaan dari segi kapasiti, dari segi pengisian jawatan dan sebagainya belum lagi 100 peratus termasuklah kita macam mana pun berusaha, termasuk kita sudah pun ke Sabah. Jadi Yang Berhormat dari Sarawak tadi, insya-Allah dalam bulan Ogos yang akan datang kita akan tempatkan lagi satu, untuk Sarawak juga supaya ia kita dapat cover seluruh negara dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

9. **Dato' Seri Diraja Syed Razlan Ibni Syed Putera Jamalullail [Arau]** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan apakah kerajaan memberikan insentif cukai kepada individu atau syarikat-syarikat yang terlibat untuk mencipta bahan bakar alternatif yang lebih efisien dan bersih seperti teknologi pembelahan hidrogen.

**Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan Yang Berhormat bagi Padang Serai pada 11 Julai 2006 kerana perkara yang dibangkitkan adalah mengenai isu yang sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, boleh.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Berhubung dengan soal oleh Yang Berhormat bagi Arau, saya ingin memaklumkan bahawa setakat ini kerajaan melalui kementerian belum memberi insentif cukai kepada individu atau syarikat-syarikat yang terlibat untuk mencipta bahan bakar alternatif yang lebih efisien dan bersih seperti teknologi penghasilan hidrogen. Ini adalah kerana teknologi penghasilan hidrogen sebagai sumber tenaga alternatif masih di peringkat pengujian kajian makmal.

Sehingga kini kos teknologi penghasilan hidrogen masih amat tinggi. Usaha sedang diambil untuk membangunkan teknologi yang boleh diterjemahkan kepada pengurangan kos teknologi hidrogen, penghasilan hidrogen supaya teknologi ini boleh diperluaskan penggunaannya secara komersial.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memaklumkan bahawa pelbagai insentif cukai disediakan semenjak tahun 2001 kepada syarikat-syarikat yang terlibat dalam penjanaan tenaga daripada sumber yang boleh diperbaharui seperti biomas, kuasa hidro tidak melebihi 10 megawatt dan kuasa suria. Insentif-insentif ini termasuklah taraf perintis, elaun cukai pelaburan, pengecualian duti import dan cukai jualan untuk peralatan yang digunakan oleh syarikat-syarikat yang menjana tenaga daripada sumber boleh diperbaharui.

Di samping itu kerajaan juga telah memperkenalkan galakkan cukai berbentuk elaun modal dipercepatkan atau *accelerated capital allowance* dengan izin,, antara empat hingga lapan tahun kepada satu tahun bagi syarikat-syarikat yang menjana tenaga daripada sumber tenaga boleh diperbaharui untuk kegunaan sendiri di bawah bajet tahun 2005. Sehingga kini sebanyak 36 buah syarikat telah diluluskan taraf perintis atau elaun cukai pelaburan bagi melaksanakan projek-projek penjanaan tenaga, menggunakan sumber tenaga boleh diperbaharui. Terima kasih.

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putera Jamalullail [Arau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, adakah peruntukan disediakan oleh kementerian untuk membangun dan meningkatkan penggunaan tenaga alternatif ini serta agensi atau agensi-agensi manakah yang dipertanggungjawabkan. Terima kasih.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Dewan, pada masa ini kementerian tidak menyediakan sebarang peruntukan kerana bidang ini terletak di bawah Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi. Saya difahamkan peruntukan ada, di bawah kementerian ini dan agensi yang terlibat untuk mengendalikan penggunaan tenaga alternatif khususnya tenaga boleh diperbaharui adalah Pusat Tenaga Malaysia iaitu PTM dan mereka ini bekerjasama rapat dengan universiti-universiti yang ada terutamanya Universiti Teknologi Malaysia dan juga Universiti Kebangsaan Malaysia. Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat menerangkan bahawa pelbagai insentif cukai diadakan sejak 2001. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan nama syarikat yang berjaya di dalam tenaga alternatif ini dan berapa sumbangan dari segi kilowatt.

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** *[Menyampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** KW itu, Yang Berhormat bagi Arau tidak tahu, Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan kilowatt. Masalah dia, dia tanya sahaja. *[Ketawa]* Saya berharap Yang Berhormat dapat menerangkan nama syarikat sebab Tuan Yang di-Pertua, daripada 36 yang lulus ini, kalau tidak silap saya, tidak sampai 10% yang berjaya mengeluarkan tenaga alternatif ini. Dengan demikian, Tuan Yang di-Pertua, apakah terjadi dengan industri atau syarikat untuk *biofuel* kita atau *biodiesel* kita?

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih. Saya yakin Yang Berhormat bagi Arau lebih memahami soalan ini kerana soalan ini berbentuk teknikal berbanding dengan doktor kulit yang kurang faham saya rasa. *[Ketawa]* Berhubung dengan 36 syarikat yang saya nyatakan tadi, saya mintalah kebenaran daripada Dewan supaya memberi saya satu notis kerana soalan ini spesifik dan saya akan bagi secara terperinci kepada Yang Berhormat bagi Kepong. Terima kasih.

10. **Tuan Billy Abit Joo [Hulu Rajang]** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah kementerian berpuas hati dengan pencapaian akademik sekolah luar bandar di Sarawak. Apakah keputusan Ujian Penilaian Surat khabar Rendah (UPSR), Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di kawasan Hulu Rajang untuk tahun 2004 dan 2005 (khususnya dalam Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik).

**Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jika perbandingan dibuat mengenai pencapaian akademik antara sekolah bandar dengan sekolah luar bandar termasuk di Sarawak, sememangnya pencapaian akademik di sekolah luar bandar masih rendah. Oleh sebab yang demikian, Kementerian Pelajaran Malaysia memberi tumpuan dan perhatian khusus kepada sekolah-sekolah tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, prestasi sekolah-sekolah luar bandar di Sarawak, khususnya di Hulu Rajang tidaklah ketinggalan terlalu jauh jika dibandingkan dengan sekolah-sekolah luar bandar yang lain. Malahan terdapat beberapa mata pelajaran dalam peperiksaan UPSR, PMR dan SPM yang mengatasi prestasi nasional sekolah-sekolah luar bandar termasuklah mata pelajaran Bahasa Inggeris, Matematik dan juga Sains. Sebagai contoh, peratus kelulusan murid di Hulu Rajang bagi SPM 2005 dalam mata pelajaran Sains mengatasi peratus kelulusan nasional di luar bandar. *[Tepuk]* Terima kasih.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Bagaimana cara pembahagian pendapatan guru-guru yang berkelulusan cemerlang yang dibuat untuk bertugas di Sarawak, Sabah dan Semenanjung supaya pendapatan ini lebih adil kepada sekolah-sekolah di luar bandar. Penempatan, *sorry!*

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Penempatan guru? Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, salah satu matlamat Kementerian Pelajaran ialah untuk membezakan jurang luar bandar dan dalam bandar supaya pelajar-pelajar mendapat pendidikan yang sama rata. Untuk mencapai matlamat itu, bukan sahaja kita akan tumpu kepada prasarana sahaja, tetapi juga agihan pendapatan guru di mana kita mulai tahun hadapan kita akan memastikan guru-guru yang keluar daripada maktab-maktab ini akan ditempatkan di kawasan-kawasan pedalaman dan kita juga sedar bahawa hari ini daripada perangkaan kita, misalnya di Sarawak saya ambil contoh, memang masih berlaku kekurangan guru, lebih-lebih lagi di kawasan-kawasan pedalaman. Untuk itu kita akan berusaha melengkapkan prasarana di luar

bandar dan juga dari segi keselamatan perumahan dan juga kemudahan asas supaya dapat memberi keselesaan kepada guru-guru apabila bertugas di kawasan pedalaman. Terima kasih.

11. **Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]** minta Menteri Pelancongan menyatakan usaha-usaha yang telah dibuat bagi memajukan industri pelancongan di Pulau Redang, Terengganu dan apakah kemudahan-kemudahan yang akan dibuat di Jeti Merang bagi dan sebagai kemudahan kepada pelancong-pelancong dan pengusaha tempatan ke destinasi tersebut.

**Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Donald Lim Siang Chai]:** Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, pelbagai kemudahan yang telah disediakan di Jeti Merang menggunakan peruntukan dana Persekutuan berjumlah sebanyak RM1.2 juta. Projek ini telah pun disiapkan sepenuhnya. Kemudahan pelancongan yang dibangunkan adalah seperti tandas awam, bekalan elektrik dan air serta bangunan wakaf untuk memberikan keselesaan kepada para pelancong di jeti berkenaan.

Bagi meningkatkan lagi kemudahan kepada para pelancong, kementerian akan menaik taraf kemudahan yang sedia ada agar pelancong-pelancong rasa lebih selesa untuk datang ke Pulau Redang. Selain itu Kementerian Pelancongan menerusi agensinya, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia akan meneruskan usaha pelancongan, khususnya untuk mempertingkatkan promosi lokasi-lokasi pelancongan yang sedia ada dan baru di seluruh Malaysia termasuk Pulau Redang untuk menarik lebih ramai pelancong datang bagi menjana pendapatan kepada negara. Sekian.

**Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Seharusnya kita rasa cukup bangga kerana pelancongan merupakan sumber pendapatan negara yang kedua. Namun begitu apabila berfokus kepada pelancongan di Pulau Redang, dalam soalan saya yang berkaitan dengan pengusaha-pengusaha tempatan, saya melihat bahawa bot-bot pelancong daripada Kuala Nerang, begitu juga feri daripada Kuala Terengganu, mereka datang ke Pulau Redang secara berterabur, tidak ada tempat secara berfokus. Contohnya satu *one stop*, satu tempat supaya dapat kita memberi peluang kepada masyarakat tempatan untuk sama-sama terlibat dalam perniagaan dan sebagainya.

Justeru itu kita melihat sistem ataupun kaedah pelancongan di Pulau Redang ini tidak banyak memberi keuntungan kepada masyarakat tempatan. Begitu juga kita melihat di Kuala Nerang, tempat-tempat penjualan barang-barang *souvenir* dan sebagainya dalam keadaan yang berterabur, tidak menggambarkan satu kaedah pelancongan yang terbaik dalam negara kita. Mohon pandangan.

**Dato' Donald Lim Siang Chai:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah kepada Yang Berhormat bagi Setiu yang membangkitkan isu atau masalah bot atau feri yang tidak berfokus di Pulau Redang dan juga pulau-pulau yang lain. Untuk makluman Yang Berhormat, pelancong

yang pergi ke Pulau Redang untuk tahun 2005, pelancong asing adalah 4,808 orang, pelancong tempatan adalah 69,713 orang.

Mengenai isu yang dibangkit oleh Yang Berhormat, isu itu memang isu tempatan, kita akan bincang dengan kerajaan tempatan dan juga Kerajaan Negeri Terengganu supaya kita dapat selesaikan masalah itu, memang Yang Berhormat boleh turut hadir. Kita bincang macam mana kita boleh selesaikan masalah ini.

**Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terlebih dahulu sebelum soalan tambahan, timbalan menteri saya ucapkan tahniah kerana pasukan pilihannya, Itali, menang semalam. *[Disampuk]* Yang Berhormat bagi Kepong mana tahu main bola.

Ada laporan, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, soalan saya tidak di Setiu tetapi ada kaitan dengan Kementerian Pelancongan. *[Disampuk]* Tidak terkeluar tetapi ada kaitan dengan kepentingan negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau ada kaitan, teruskan.

**Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang ada kaitan, Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini kita terperanjat dan marah kerana ada satu laporan yang mengatakan Bandar Raya Kuala Lumpur nombor tiga biadab di dunia. Terperanjat dan marah! Saya hendak tanya Timbalan Menteri Pelancongan, ada tidak kesan negatif dari segi laporan ini kepada kedatangan pelancong dari luar negara. Kalau ada kesan-kesan negatif, apa pula strategi untuk kita menentang kebiadaban laporan yang biadab ini?

**Dato' Donald Lim Siang Chai:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Sri Gading. Memang pihak Kementerian Pelancongan tidak bersetuju dengan kenyataan atau *survey* itu. Untuk makluman Yang Berhormat, itu *Reader's Digest* yang melaporkan. Memang kita tidak bersetuju dengan kenyataan yang mengatakan bandar Kuala Lumpur adalah yang ketiga terburuk dari segi perangai di dunia ini. Kenyataan itu sedikit sebanyak memberi gambaran kurang baik dari segi pelancongan kita dan kita akan berbincang dengan kementerian yang berkenaan iaitu kementerian....

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Berapa kali mahu bincang?

**Dato' Donald Lim Siang Chai:** Belum. Belum lagi. Isu ini baru saja keluar. *[Ketawa]* Kita akan berbincang dengan Kementerian Wilayah Persekutuan iaitu DBKL dan juga Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan supaya kita boleh memberi satu gambaran yang lebih baik. Kita akan bincang isu ini dengan pihak yang berkenaan, yang mengeluarkan kenyataan itu dan memberikan penjelasan yang sewajarnya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tidak ada tindakan, Tuan Yang di-Pertua. Bincang terus.

12. **Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan jumlah kes ragut beg tangan dan rogol yang telah dilaporkan di negeri Perak sejak 6 bulan tahun ini dan berikan statistiknya bagi Bandaraya Ipoh dan 10 daerah yang mencatat kes tertinggi.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]:** Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, daripada statistik Polis Diraja Malaysia Kontinjen Perak, jumlah kes ragut daripada bulan Januari ke bulan Mei 2006 ialah sebanyak 306 kes dan kes rogol adalah sebanyak 82 kes. Bagi Bandaraya Ipoh jumlah kes ragut yang dilaporkan adalah sebanyak 203 kes dan daripada jumlah tersebut sebanyak 121 kes telah berjaya diselesaikan oleh PDRM. Manakala statistik di 10 daerah lain adalah seperti berikut:

BANDAR/DAERAH	JUMLAH KES RAGUT	JUMLAH KES ROGOL
Ipoh	203	21
Taiping	25	9
Manjong	25	14
Hilir Perak	14	5
Kerian	11	2
Tapah	8	3
Sungai Siput (Utara)	5	6
Kuala Kangsar	4	3
Batu Gajah	3	4
Kampar	3	4
Tanjong Malim	3	2
Perak Tengah	2	3
Selama	-	1
Gerik	-	5
Pengkalan Hulu	-	-

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri setiap pagi apabila kita baca surat khabar tentu kita ada terbaca kes-kes kejadian keganasan. Pada hari ini kita terbaca kes di mana dua ahli keluarga telah ditembak mati kerana rompakan berlaku di kedai emas. Statistik yang dibekalkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bukanlah mencerminkan keselamatan atau perasaan yang sebenarnya yang dihadapi oleh orang ramai. Sekarang ini bukan sahaja kaum wanita merasa tidak selamat, kaum lelaki sebenarnya telah juga meminta saya untuk membangkitkan isu keselamatan ini.

Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, walaupun banyak langkah telah dijalankan oleh pihak kerajaan seperti CCTV, Rakan Cop, rondaan dan Kempen Bandar Selamat, tetapi mengapakah ia masih tidak berjaya atau gagal memberikan satu perasaan selamat kepada orang ramai. Apakah pihak kementerian ada mengenal pasti kategori individu yang cenderung melakukan kes-kes jenayah ini, sama ada orang tempatan atau orang asing, apakah motif mereka dan puncanya, apakah kerana kemiskinan atau kerana kesihatan. Itu soalan saya.

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Yang Berhormat tadi tanya saya pasal berapa kes, saya jawablah berapa kes. Sekarang tanya pula pasal lain. Sekarang saya beri jawapanlah. Sebenarnya memanglah kita sentiasa memantau. Umpamanya berkenaan dengan keselamatan kita ada tubuh pelbagai cara. Pertama, kita membuat penubuhan Rakan Cop yang baru-baru ini dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan selain daripada itu juga, kalau kita tengok di Kuala Lumpur sahaja kes jenayah telah turun begitu drastik sekali. Kadar jenayah indeks di Kuala Lumpur telah menurun sebanyak 13.6% sejak daripada tahun 2004 berbanding dengan tahun 2003 dan sehingga Januari hingga bulan Mei 2005 sebanyak 19.7% telah turun.

Jadi, maknanya usaha-usaha kerajaan memanglah telah banyak mendatangkan hasil. Walau bagaimanapun kadang-kadang kes jenayah ini berlaku kerana kecuaiannya kita sendiri. Umpamanya berkenaan dengan kes-kes rogol dan juga ragut kerana mereka ini sentiasa mengundang penjenayah untuk melakukan jenayah. Umpamanya berjalan seorang diri di tempat-tempat gelap. Ini kes-kes yang ada rekod. Umpamanya kes rogol. Mereka *jogging* di tempat-tempat sunyi dan sebagainya.

Saya rasa usaha untuk menangani masalah ini tidak boleh kita letakkan semata-mata kepada kerajaan. Setiap individu juga mestilah menggunakan budi bicara sendiri untuk menjaga keselamatan. Saya berharaplah wakil rakyat daripada Batu Gajah sendiri pun berjaga-jagalah. *[Disorak]* Jangan berjalan di tempat-tempat yang gelap dan sebagainya. Terima kasih.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** *[Bangun]*

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Puchong.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Saya hendak memberi bantahan di sini. Timbalan Menteri menyalahkan bangsa...

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Tidak, tidak. Soalan saya. Soalan saya.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** ... dalam jenayah rogol ini, saya rasa ini adalah satu sikap yang sangat-sangat ....

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Dia sudah jawab.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Dia jawablah. Dia jawab ikut soalan. Apa? Dia tidak cakap buruk.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila Yang Berhormat bagi Puchong.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini adalah berkaitan dengan tangkapan *civil arrest*. Baru-baru ini saya difahamkan bahawa kita ada membaca surat khabar kalau tidak silap saya di Johor Bahru ada satu rombongan atau satu kes ragut berlaku, di mana orang ramai telah menangkap perompak ini ataupun peragut ini dan memukulnya sehingga mati. Ini bermakna bahawa orang ramai sekarang ini telah sedar akan hak-hak mereka.

Saya hendak bertanya, soalan tambahan saya adalah, adakah ini kerana penjelasan mengenai tangkapan sivil ini tidak *clear* kepada orang ramai ataupun orang ramai mempunyai kurang keyakinan terhadap pasukan polis sekarang ini. Kalau ya, apakah tindakan atau langkah-langkah yang strategik untuk mengembalikan keyakinan orang ramai terhadap pasukan polis pada masa ini.

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Terima kasih, Yang Berhormat. Berkenaan dengan kes-kes seperti ini adalah kes-kes *isolated*, bukannya banyak kes seperti ini. Walau bagaimanapun kadang-kadang ada keadaan-keadaan tertentu yang menyebabkan kes-kes seperti ini berlaku. Kadang-kadang kes *accident* pun kita dengar ada pemandu telah dipukul dan sebagainya. Jadi, pihak kerajaan sentiasa menyeru kepada orang ramai supaya apabila berlaku kes-kes seperti ini kita mestilah memaklumkan atau memberi laporan kepada pihak yang berwajib untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab supaya kes-kes yang lebih serius tidak berlaku kerana selepas ini, selepas dia dipukul mungkin ada kes lain pula ekoran daripada kes itu. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekian sahaja soal jawab lisan pada pagi ini.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi jawab Lisan telah tamat]**

## **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

### **RANG UNDANG-UNDANG KEPENTINGAN ANTARABANGSA MENGENAI KELENGKAPAN BERGERAK (PESAWAT UDARA) 2006**

#### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk melaksanakan Konvensyen tentang Kepentingan Antarabangsa mengenai Kelengkapan Bergerak, dan Protokol kepada Konvensyen itu tentang Kepentingan Antarabangsa mengenai Kelengkapan Bergerak tentang Perkara-Perkara Khusus pada Kelengkapan Pesawat Udara, dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan dengannya; di bawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Pengangkutan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PROFESION UNDANG-UNDANG  
(PINDAAN) 2006****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." **[4 Julai 2006]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Majlis sekarang dalam Jawatankuasa.

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]*

**Fasal 19 – Pindaan.**

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pindaan daripada Yang Berhormat Menteri dan saya telah membenarkan pindaan ini dibaca pada hari ini. Silakan Yang Berhormat. Pindaan.

**11.32 pagi.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Pengerusi, di akhir perbincangan kita Tuan Pengerusi, di akhir perbincangan kita pada petang semalam, Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor telah pun memberi pandangan beliau berkenaan dengan Fasa 19 ini. Daripada pemerhatian saya, iaitu bahawa beliau telah pun membangkitkan satu perkara yang cukup *fundamental* di dalam mengamalkan mentadbir undang-undang iaitu *The Rights of Nature Justice*. Saya telah melihat perkara ini dan saya telah pun membuat keputusan iaitu sememangnya apa yang dibangkitkan oleh beliau itu adalah betul tetapi disabitkan oleh sebab beliau tidak mengemukakan pindaan, kerana dia hanya setakat berbahas, maka saya telah mengambil inisiatif untuk meminta kepada Tuan Yang di-Pertua supaya mengecualikan pihak kerajaan untuk membuat pindaan tanpa mengikut *standing order* yang diperlukan notis.

Saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih di atas kesudian Tuan Pengerusi untuk membenarkan kerajaan membuat pindaan dan dengan itu saya mohon mencadangkan pindaan dalam Fasal 19, Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) 2006, iaitu berhubung dengan perenggan (d), fasal 19, memperkatakan pindaan kepada seksyen 93, Akta Profesion Undang-undang 1976. Perenggan (d), fasal itu memasukkan empat subseksyen baru iaitu subseksyen (4A), (4B), (4C) dan (4D).

Saya mencadangkan Tuan Pengerusi untuk memotong subseksyen baru (4D). Tuan Pengerusi, pemotongan subseksyen baru (4D) ini adalah bertujuan untuk mengambil kira kepentingan semua pihak, khususnya seseorang peguam yang terhadapnya tindakan tatatertib diambil dalam prosiding tatatertib bagi memastikan tidak berlaku apa-apa ketidakadilan.

Tidak dinafikan bahawa Majlis Peguam tidak dapat mengelak daripada menjadi pengadu dalam sesuatu prosiding tatatertib di hadapan Lembaga Tatatertib Peguam Bela dan Peguam Cara. Di samping itu Tuan Pengerusi, Bar Malaysia juga, merupakan anggota tetap Lembaga Tatatertib iaitu Lembaga Tatatertib itu menurut subseksyen 93(3). Dalam keadaan sebegini sudah tentu akan berlaku satu percanggahan ataupun pertembungan kepentingan, dengan izin, *conflict of interest*, yang akan menyukarkan kemajuan mana-mana prosiding tatatertib. Banyak prosiding tatatertib akan tertangguh atau tidak dapat diuruskan dengan sebaik-baiknya selain berlaku banyak regulasi di mahkamah. Saya rasa itulah rasional yang Majlis Peguam mahukan supaya subseksyen (4D) ini diadakan.

Namun begitu, setelah saya meneliti semula, saya berpendapat iaitu bahawa *fundamental rights of nature justice* ini adalah mesti dipertahankan dan *justice must top only to be done, but might be seem to be done*, maka keadilan tidak dapat dipertaruhkan dalam apa jua keadaan. Bukanlah menjadi hasrat kerajaan untuk mempertaruhkan keadilan atau memprejudiskan kepentingan mana-mana pihak tertentu dalam sesuatu prosiding tatatertib. Satu jalan penyelesaian yang lain perlu dikaji. Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya subseksyen baru (4D) ini dipotong. Berbangkit daripada pemotongan subseksyen (4D) itu, sedikit pindaan dari segi penggubalan perlu dibuat kepada subseksyen baru (4C).

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan dan terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pemberitahu yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

### 11.37 pagi

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Pengerusi, saya menyokong, menyokong apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri. Kami dari DAP tidak berhasrat untuk membuat apa-apa pindaan kepada seksyen (4D) iaitu untuk mohon subseksyen baru ini dimansuhkan. Kerana jika kami buat apa-apa permohonan dalam Dewan yang mulia ini tidak dapat sokongan daripada Barisan Nasional. Tetapi hari ini, kerana, kerana pindaan ini dibawa oleh Menteri sendiri, tentu dapat sokongan yang sepenuhnya. Barangkali sebulat suara termasuk kami dari DAP.

Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri adalah baik dalam semangat dan sikap yang baik dan saya harap dalam masa hadapan, sikap dan semangat itu boleh dia

menyambung. Dengan itu Tuan Pengerusi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. [*Tepuk*]. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pun ucapkan terima kasih kepada menteri yang berkenaan yang sangat peka kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor semalam. Tuan Pengerusi, satu perkara yang mustahak dalam semua akta antara regulasi adalah Nature of Justice. Saya harap pandangan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri akan diguna di semua Rang Undang-undang dan regulasi-regulasi yang akan datang juga. Yang mustahak sekali kalau kita tahu, kalau kita tengok pada Rang Undang-undang yang telah dibawa kepada Dewan yang mulia ini, kita hanya ada lebih kurang lapan hari sahaja. Notis, kita perlu baca, mendapat arahan dan mendapat maklum balas daripada pihak-pihak yang berkenaan. Ini adalah satu di antara *defect* dalam sistem penggubalan dan dengan izin *to table the Bills in Parliament*. Kerana tak cukup masa untuk pihak-pihak mendapat maklum balas, macam pada hari Isnin dahulu, baru Rang Undang-undang ini *ditablekan* di Dewan Rakyat.

Saya hingga hari ini tidak ada masa untuk membawa kepada pihak-pihak yang kena-mengena dengan perkara ini. Di antaranya adalah peguam-peguam bukan sahaja di Kuala Lumpur tetapi di lain-lain tempat dan hingga kita perlu menggunakan masa yang sedikit ada. Jangan kita lupa masa yang sama ada banyak lagi Rang Undang-undang yang telah dibentangkan di Parlimen yang perlu diselidik dan diteliti. Jadi ini adalah satu di antara perkara yang saya harap Yang Berhormat menteri boleh mengambil perhatian, kalau jika ada masa yang lebih diberi dan penasihat antaranya adalah apabila satu Rang Undang-undang *ditablekan*, harap ia dapat di e-mail kepada semua Ahli-ahli Parlimen supaya kita dapat mengambil perhatian dan mengambil tindakan supaya kita juga boleh menghantar kepada pihak-pihak yang lain.

**Tuan Pengerusi:** Baik Yang Berhormat, cukup.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Saya harap di antaranya dan bukan sahaja ini dan saya harap Yang Berhormat Menteri akan peka kepada perkara-perkara yang kami telah bangkitkan terima kasih.

**11.41 pg**

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Tuan Pengerusi saya ingin mengucapkan terima kasih banyak kerana diberi peluang sedikit. Sebenarnya saya hendak nyatakan di sini, memang sudah menjadi peraturan tidak bertulis di kalangan Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional ini, apabila ada pandangan-pandangan yang baik sekali pun kalau dibawa oleh pihak pembangkang ianya tidak diambil kira. Tetapi kali ini nampaknya pandangan itu diambil kira walaupun tidak dijadikan cadangan. Kalau cadangan dibuat supaya pindaan ini, sudah tentulah Parti Barisan Nasional akan mengarahkan kepada semua Ahli Parlimen jangan

menyokong. Barangkali ini satu perangkap yang baik yang digunakan oleh DAP khususnya Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor ikhlas memberi pandangan-pandangan tetapi tidak mencadangkan supaya memotong subseksyen baru tadi tetapi dibuat oleh menteri sendiri. Ini satu perkara baik dan harap perangkap seperti ini digunakan terus oleh pembangkang kepada Barisan Nasional dalam Parlimen ini, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Baiklah, ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya ialah bahawa...

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Saya berhak untuk bahas.

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak bahas, pertamanya saya tidak tahulah Yang Berhormat bagi Batu Gajah tidak mahu bercakap apa fasal. Cakaplah sedikit. Tuan Pengerusi, saya ingin menyatakan di sini iaitu bahawa bukan kerana kerajaan untuk menindakkan apa pandangan yang dibuat daripada mana-mana Ahli Parlimen. Semalam saya telah berbincang apakah ianya tidak boleh terus dibuat. Tetapi saya telah dimaklumkan iaitu Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor tidak membuat cadangan. Tetapi kalau saya hendak bagi jaminan di sini, kalau sekalipun Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor ada buat pindaan seperti yang telah pun dibuat oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, saya bagi jaminan kerajaan ini mendengar dan kerajaan ini akan sokong mana-mana pindaan yang dibuat yang dipersetujui oleh kerajaan.

Jadi kalau macam Yang Berhormat bagi Rantau Panjang tidak usah cakap banyaklah. Kalau tidak tahu undang-undang tidak usah bercakap. "Menangguk di air keruh" sahaja, tetapi saya hendak ucap terima kasih sebab itu saya rasa apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor juga telah *vindicate* apa yang saya maksudkan iaitu bahawa *we are the law makers*, kita yang kena memastikan iaitu Rang Undang-undang itu betul. Kalau kita mengharapkan kepada badan yang lain termasuk juga *Bar Council*, mereka akan selit perkara-perkara yang kalau menguntungkan mereka walaupun bertentangan dengan undang-undang mereka akan selit. Sebab itu saya menekankan di sini akhirnya tanggungjawab ialah kita *law makers*.

Tidak seperti mana Yang Berhormat bagi Batu Gajah sebut iaitu kalau bagi kepada *Bar Council* semua selesai, tidak ada pindaan lagi. Tetapi jelas ini perkara yang ada kaitan dengan *Bar Council*, *Bar Council* dirundingi masih lagi ada pindaan yang perlu dibuat tentang soal *fundamental*. Sebab itu saya hendak ucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat, jangan sekali-kali kita *abdicate* kuasa kita untuk membuat undang-undang, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Fasal 19 Rang Undang-undang dipinda dalam perenggan (d) –

- (a) dalam subseksyen baru (4C), dengan memasukkan selepas noktah perkataan “ “;dan “; dan
- (b) dengan memotong subseksyen baru (4D).

***The English translation is as follows:-***

*Clause 19 of the Bill is amended in paragraph (d) –*

- (a) *in the new subsection (4C), by inserting after the full stop the words “ “;and” ; and*
- (b) *by deleting the new subsection (4D).*

**Fasal 19** sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian dari Rang Undang-undang.

**Fasal 20 hingga 39 – Pindaan**

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Pengerusi, saya.....

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Pengerusi, saya telah berbincang dengan Menteri semalam di luar Dewan mengenai *disciplinary board*. Saya hendak cakap sedikit mengenai *disciplinary board*. Tuan Pengerusi, apabila.....

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tuan Pengerusi, maaf. Kalau tidak silap saya, semalam Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor hanya berucap setengah....

**Beberapa Ahli DAP:** Belum habis, sambungan.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Mungkin...mungkin....

**Tuan Pengerusi:** Baik, lepas ini sambung. Mengenai perkara yang mana? Mengenai perkara apa?

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Fasal....

**Tuan Pengerusi:** Seksyen apa? Ya, sila. Cepat respons selepas satu cara, silakan Yang Berhormat.

**11.46 pg**

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Pengerusi, kelmarin semalam saya ada di peringkat 4D yang ada dimansuhkan tadi. Saya pergi ke Fasal 29, khasnya mengenai pindaan kepada Seksyen 103A (2)(b) yang berbunyi Suatu Jawatankuasa Tatatertib adalah terdiri daripada tiga orang ahli iaitu;

- (a) dua orang peguam bela dan peguam cara; dan

(b) seorang ahli biasa.

Tuan Pengerusi, apa yang penting adalah ini. Apabila seorang peguam telah dibawa ke hadapan suatu Jawatankuasa Tatatertib, apa yang perlu, yang perlu diadakan adalah dapat satu perbincangan yang adil.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Kerana apa yang ada *extate* dengan izin adalah *livelihood* beliau. Peruntukan dalam Seksyen 103A ,(2)(b). Kenapa seorang ahli biasa terdiri dalam jawatankuasa ini, apa rasional untuk mengadakan seorang yang bukan peguam, seorang yang *layman* ,ahli biasa, terdiri dalam jawatankuasa dalam satu perkara yang penting. Ini adalah sebagai sistem juri, dua orang peguam dan seorang ahli biasa. Dalam satu kes disiplin Tuan Pengerusi, tentu ada soalan-soalan perundangan yang dibangkitkan. Bolehkah *lay person* ini memahami apa semangat undang-undang itu? Ahli Yang Berhormat Menteri tadi ada menyatakan, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang bukan *lawyer*, kenapa dia berdiri tadi untuk mengambil bahagian dalam perbahasan, dia bukan *lawyer*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, bukan *lawyer* saya fikir mereka pun berhak hendak mengambil bahagian, jika mereka ingin....

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Belum habis.

**Beberapa Ahli:** Belum habis ucapan dia.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Menteri itu hentam dia tadi.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Ya, oleh Menteri hentam dia.

[Ketawa]

Saya mempertahankan dia walaupun dia dari PAS.

Tuan Pengerusi, lebih baik jika ketiga-tiga orang yang terdiri dalam Jawatankuasa Tatatertib ini jadi *lawyer* kerana *lawyer is entitle* dengan izin *to be tried by peers*. Sekurang-kurangnya jika cadangan saya tidak diterima oleh kerajaan, bagi 'b' lebih baik untuk mengadakan seorang hakim yang sudah bersara, lebih baik jika itu kerana keadilan boleh dicapai.

Tuan Pengerusi, dalam kes Dato' Seri Anwar Ibrahim. Ada dikatakan oleh Mahkamah Rayuan, Mahkamah Persekutuan bukan Mahkamah Rayuan, Mahkamah Persekutuan. Khasnya oleh Hakim Yang Arif Abdul Hamid iaitu Hakim Augustine Paul yang mengendalikan kes itu di peringkat awal iaitu dalam Mahkamah Tinggi ada menggunakan peranan sebagai bukan Hakim. Tetapi seorang yang jadi hakim kepada pendakwa. Itu adalah dalam kes Zainol Zakaria, di mana Yang Arif Augustine Paul ada menjatuhkan hukuman tiga bulan penjara ke atas dia atas pertuduhan menghina mahkamah.

Ekoran daripada kes Anwar Ibrahim Tuan Pengerusi, saya sebagai peguam dia ada membangkitkan satu perkara yang serius kerana saya dapat maklumat daripada Dato' Seri

Anwar Ibrahim sendiri iaitu dengan izin *that he was being poison with arsenic. 77 times more than the normal dose of arsenic in his blood and urine* dengan izin. Saya ada dituduh bawah Akta Hasutan dan kes itu Tuan Pengerusi adalah dikendalikan oleh Yang Arif Augustine Paul. Kerana itu kali yang pertama dalam dunia di mana seorang peguam dituduh untuk apa yang dinyatakan oleh dia dalam mahkamah. Peguam-peguam termasuk 'QC' dari Komanwel, khasnya dari Britain, New Zealand dan Australia ada menghadiri diri dalam kes hasutan itu.

Kerana ada beberapa rayuan dibuat oleh *law societies* di dalam Komanwel termasuk *law society* dari negara Jepun iaitu apa yang dibuat oleh peguam negara iaitu pertuduhan atas saya bahawa Akta Hasutan tidak adil. Kes itu ditarik balik oleh peguam negara Tan Sri Ghani Patail. Dan selepas itu, selepas saya dibebaskan, saya tidak ada jalan lain untuk Yang Arif Augustine Paul tetapi membuat perintah iaitu saya dibebaskan. Sebelum dia buat perintah itu Tuan Pengerusi, saya ada mengkritik dia kerana dia tidak memberi sokongan kepada permohonan saya iaitu peguam-peguam kanan termasuk QC dari Komanwel yang ada menghadiri diri dalam mahkamah, dan diberi *observer* status. Hakim juga ada mengatakan kenapa peguam-peguam dari negara lain ada dalam bilik perbicaraan? Kenapa? Adakah dia di sini untuk melihat saya *dispense justice, are they here to observe me* dengan izin, *dispensing justice. Then he said in the gallery, observer status was not allowed* dengan izin.

Sebelum saya dibebaskan, saya ada menyuarakan dalam mahkamah terbuka iaitu apa yang harus dibuat oleh Yang Arif Augustine Paul adalah untuk membenarkan permohonan saya yang saya ada buat sebelum itu. Kerana apa yang dinyatakan oleh Yang Arif Abdul Malik dalam alasan kehakiman dia dalam kes Zainol Zakaria iaitu hakim ini ada bertindak sebagai bukan hakim tetapi sebagai peguam bela kepada pendakwa. Dan oleh itu, saya ada menyatakan Hakim Augustine Paul harus '*distribunalise*' iaitu '*discretion*' dengan izin bahawa perlembagaan, *the instituted against him*. Dalam satu keperluan dia di*observe*kan, ekoran itu Tuan Pengerusi, hakim itu ada rujuk saya kepada Jawatankuasa Tatatertib. Dia menyatakan saya ada menghina, bukan dia sahaja tapi badan kehakiman dalam negara. Dia mengarahkan Penolong Kanan Pendaftar dia untuk menjalankan '*Discretion*' ke atas saya

Satu *complaint* ada dibuat dan *complaint* itu dan ada satu keperluan aduan itu dibuat melalui *statutory declarations* dan sebagainya. Saya ada memfailkan jawapan saya iaitu apa yang nyatakan ada berasas dan saya pegang keras kepada apa yang saya ada nyatakan dalam Mahkamah Terbuka hari itu. Jawatankuasa Tatatertib, Tuan Pengerusi ada di satu mesyuarat pada 2 Jun. Ada dua peguam dalam Jawatankuasa itu dan satu *layman*.

Tapi, apa yang jadi Tuan Pengerusi adalah ini, Penolong Kanan Pendaftar itu tidak hadir. Hakim *Augustin Paul* pun tidak hadir, walaupun dia jadi satu *witness* yang utama, kerana keterangan dia jadi satu keperluan sebelum apa-apa atau sesuatu dibuat kepada saya oleh Jawatankuasa ini. Jika, hakim itu ada menghadiri diri dalam jawatankuasa yang mendengar kes

itu pada 2 Jun. Apa jadi, Tuan Pengerusi? Seorang hakim ada kuasa untuk rujuk seorang peguam kepada Jawatankuasa Tatatertib.

Tetapi, hari itu Tuan Pengerusi dan itu jadi pembelaan saya apabila saya membuat perkataan-perkataan itu, saya ada di dalam *dock, I was an accused person*, saya jadi orang yang dituduh. Tapi, itu adalah perkara lain. Jika hakim dulu menghadiri dalam Jawatankuasa ini, *layman* ini, adakah dia berani untuk mengetepikan keterangan hakim itu dan selain daripada itu bolehkah dua peguam ini, dalam Jawatankuasa ini berani untuk mengetepikan keterangan seorang hakim.

Apabila kes ini ada didengar Tuan Pengerusi, iaitu pada 2 Jun, Yang Arif *Augustin Paul* sudah naik pangkat yang dia jadi sekarang. Sekarang dia menjadi Hakim Mahkamah Persekutuan, mahkamah yang tertinggi dalam negara ini. Kenapa dia di debat? Naik pangkat itu adalah perkara lain. Adalah dikatakan dia dapat itu kerana dia memberi perlindungan Tun Dr. Mahathir menyabitkan Anwar Ibrahim atas satu kes korupsi.

Tetapi itu perkara lain, saya tidak mahu pergi ke perkara itu. Saya cadang Jawatankuasa Tatatertib ke atas seorang peguam terdiri daripada tiga hakim yang sudah bersara dan tiga hakim yang boleh dengan kebebasan menghakimi seorang peguam yang ada dituduh. Tidakkah kerajaan ada kepercayaan dalam hakim-hakim yang sudah bersara? Hakim-hakim yang ada dipilih oleh kerajaan dengan izin, *in the first place*. Sekurang-kurangnya apa yang saya nyatakan tadi Tuan Pengerusi, bukan dua peguam dan satu ahli biasa tetapi tiga peguam.

Ahli biasa apabila undang-undang ada berbangkit dan dalam kes *misconduct* Tuan Pengerusi, tiada unsur-unsur perundangan dan ahli biasa ini tidak boleh memahami undang-undang dengan mendalamnya. Dan ahli biasa ini ada Tuan Pengerusi, dalam tangan dia, *wanted of the power to discipline an advocate and solicitor. Wanted*, kerana tiga orang. Jika seorang peguam pergi sebelah dia habis, 2-1. Bolehkah Tuan Pengerusi, keadaan seperti ini dikekalkan. Saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri untuk meneliti dengan baik apa yang saya menyuarakan tadi dan dalam sikap Yang Arif tunjukkan tadi bersetuju dengan saya apa yang saya menyatakan kelmarin mengenai seksyen baru (4D) yang tidak adil. Pagi ini seksyen (4D) itu sudah mati, sudah dimansuhkan. Dengan semangat yang sama bolehkah meneliti apa yang saya menyuarakan bagi siapa yang boleh jadi ahli dalam Jawatankuasa Tatatertib. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, saya tahu Tuan Pengerusi pun susah nak suruh dia berhenti bercakap, sebab nak suruh berhenti bercakap suruh dia duduk, dia memang sudah duduk. Jadi, memang bagi dia bercakaplah. Walau bagaimanapun saya telah menelitilah pandangan yang telah dibuat Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor sebentar tadi. Tapi, Yang Berhormat ada satu perkara yang harus dipertimbangkan oleh kita juga. Secara tradisionalnya iaitu bahawa *justice must not only be done, but must be seen to*

*be done*. Masalahnya di sini ialah yang mengadu ini ialah orang biasa iaitu anak guam, aduannya itu dibuat kepada seorang ahli Majlis Peguam, peguamlah.

Jadi, untuk meyakinkan kepada orang ramai iaitu bahawa apa juga keputusan yang dibuat oleh badan ini adalah bukan sahaja adil, tetapi memang adil. Tetapi, kalau sekiranya ketiga-tiga ahli panel ini adalah terdiri daripada peguam, walaupun keputusan itu adalah tepat dan betul tetapi bagi orang biasa iaitu *client* tadi dia merasakan *no* dia kata ini *ganging up*. Kita mengadu tentang peguam, dan peguam sendiri yang ketiga-tiga yang menghakimi, boleh percaya ke?

Yang Berhormat bagi Bagan juga ada sebut dalam perbahasan beliau mengatakan iaitu bahawa ada cakap-cakap mengatakan peguam ini kalau ambil satu peguam untuk saman peguam yang lain dia tak mahu, sebab dia satu profesion, *honourable profession*. Dan ini perasaan orang-orang biasalah iaitu bahawa mereka rasa tidak ada mereka rasa peguam ini dia akan *defend each other*. Pasal dia macam *brotherhood* juga dia nak jaga imej dia, ada sesetengah itu merasakan imej lebih penting daripada memberi keadilan.

Jadi, saya rasa dengan kita meletak seorang ahli biasa itu sekurang-kurang keputusan dibuat bagi kes itu yang mengadu itu akan merasa bahawa dia telah mendapat keadilan kerana yang memutuskan itu bukanlah sahaja peguam tetapi juga adalah orang biasa, seorang daripada tiga orang biasa. Soal aduan .....

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Penjelasan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sekejap. Saya bagi, saya bagi.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Pengerusi.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Aduan yang dibuat itu tidaklah berbentuk soal legal. Salah laku ini ialah perbuatan yang salah laku. Akauntan pun boleh salah laku juga, yang lain-lain pun boleh salah laku. Jadi, dia bukan satu benda yang banyak berbangkit berkenaan dengan undang-undang. Banyak salah laku ini merupakan fakta biasa. Duit masuk dalam akaun amanah untuk *client* di belanja, jadi itu sebagai aduan sebagai contoh dan dia tidak perlu mempunyai ilmu yang mendalam berkenaan dengan undang-undang.

Jadi, sebab itu saya rasa di peringkat ini untuk meyakinkan kepada *client* yang mengadu tentang peguamnya itu saya rasa untuk dia bukan sahaja merasa yakin tetapi juga boleh terima keputusan itu. Sebab itu saya rasa dengan ada seorang ahli biasa itu boleh menampakkan bahawa *justice is not only done but it seen also to be done*.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi iaitu bagi peguam-peguam adalah suatu *brotherhood* dan oleh itu boleh jadi kemungkinan rancangan untuk menjatuhkan apa-apa hukuman atau mendapat seorang dari *brotherhood* mendapat salah. Tetapi jika rasional adalah itu, kenapa ada dua peguam dalam *penal* ini? Lebih baik semua *lay person*. Itu perkara yang pertama.

Perkara yang kedua, ada kes-kes bukan masuk duit *client* dalam poket peguam. Ada kes-kes seperti menghina mahkamah di mana seorang pengadu adalah hakim. Kenapa jadi dalam situasi seperti itu? Apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri adalah penghujahan yang *simplistic*, tidak mendalam. Bolehkah saya mendapat penjelasan?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, dia sebenarnya betul-betul mengapa tiga, mengapa tidak dua, mengapa satu? Itu *figures*lah tetapi kita hendak imbangkan di antara apa Yang Berhormat sendiri sebut tadi di peringkat awal mengatakan iaitu bahawa bagi kami peguam ini, *we would like to be tried by our peers*. Itu yang juga merupakan suatu fakta yang penting bagi kalangan peguam-peguam iaitu mereka juga merasakan sebagai hakim *they want to be tried by the peers*. Tetapi dalam masa yang sama juga ada prinsip undang-undang yang menyatakan bahawa iaitu *justice must also be seen to be done*.

Saya percaya Majlis Peguam cuba mengimbangkan di antara kedua-dua itulah. Jadi sebab itu mereka lebih berat sedikit keadaan *traditional thinking, we must be tried by our peers*, dua kita ambil peguam dan juga untuk *to comply with the principle of justice must also be seen to be done*, kita ambil satu daripada orang biasa. Itulah perimbangan yang terbaik dalam kita mengambil kira fakta yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi.

Jadi oleh kerana itu.....

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** [Menyampuk]

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Oleh kerana ini pun tidak ada pindaan yang dibuat cuma pandangan sahaja .....

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Pengerusi, penjelasan. Tidakkah lebih elok dan lebih baik jika tiga hakim yang bersara mengendalikan kes-kes di mana seorang peguam ada di hadapan jawatankuasa. Tiga hakim yang bersara lebih baik daripada dua peguam dan satu ahli biasa. Bolehkah saya mendapat penjelasan?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, yang itu kita boleh datang *second round* balikkah sebab ada meritnya juga iaitu bahawa biar hakim. Jadi sekarang ini kalau kita hendak pinda, sekarang ini kita bincang dua satu yang ada sekarang ini.

Tuan Pengerusi, dalam majlis ini kita kena perkara khusus, jadi kalau hendak buat pindaan sudah pun terlambat. *But next round* bolehlah bincang dengan Majlis Peguam. Dari segi pihak kerajaan, kita tidak ada masalah. Apa yang peguam fikirkan yang mereka mahu untuk pengurusan profesion mereka dan tidak ada apa-apa dari segi implikasi terhadap kerajaan, tiada masalah. Saya terbuka, tiga hakim ini benda barulah sebab sekarang kita bincang dua *lawyer*, satu orang biasa. Tetapi kalau tiga hakim, *round* kedua nanti kalau Yang Berhormat boleh bincang, boleh bawa balik, kita boleh pertimbangkan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Fasal-fasal 20 hingga 30.....

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Sedikit, saya hendak tambah sedikit. Itu Fasal 33 hal berkaitan iaitu mengenai di mana pada seksyen asalnya 103(e) di mana jika ada apa-apa rayuan dari *Disciplinary Board* kepada Mahkamah Tinggi didengar oleh tiga hakim. Akan tetapi dengan satu perubahan di Fasal 33 (3) iaitu

*“Rayuan itu hendaklah ditetapkan untuk didengar di hadapan seorang Hakim Mahkamah Tinggi sahaja.”*

Nampaknya ini satu perkara yang lebih baik kalau ia, *we keep to the original form* di mana didengar oleh tiga hakim, Itu nombor satu.

Nombor dua, adalah perkara yang kedua iaitu tidak boleh ada *judicial review*. Apakah sebab tidak boleh ada *judicial review* dalam (2).

*“Tidak boleh dibuat semakan kehakiman terhadap apa-apa keputusan atau perintah yang dibuat oleh Lembaga Tata tertib.”*

Ini bertentangan dengan kes-kes *anosmatic* dan sebagainya. Bukankah seseorang individu patut diberi kebenaran untuk membawa apa-apa rayuan terhadap keputusan, walhal jangan kita terikat kepada apa yang dikehendaki oleh undang-undang sahaja. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, kalau pada hari ini pun masalah yang kita hadapi ialah kes banyak tertunggak kerana aduan berkenaan salah laku peguam ini dan kalau kes itu tertunggak, bermakna peguam itu dia pun susah hendak buat kerja dan kita lihat tertunggak itu kerana apa? Kerana memerlukan tiga orang hakim untuk mereka dapat berkumpul pada suatu masa untuk mendengar kes rayuan ini. Sudahlah hakim itu agak berkurangan dan kita banyak kes-kes lain yang perlu dikendalikan oleh mereka.

Untuk hendak mencari tiga orang satu masa boleh duduk dengar ini akan memakan masa lama. Bila memakan masa yang lama, ini berlaku tidak adil kepada peguam yang mana yang telah diadukan. Jadi, sebab itu kita memikirkan .....

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Penjelasan Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Nanti, saya habis dahulu. Jadi, sebab itu untuk mempercepat dan berlaku adil kepada peguam, oleh kerana mudah untuk mendapat satu hakim untuk mendengar kerana dia hanya perlu melihat kepada diari dia sahaja tidak perlu hendak sama dengan diari dua orang lagi. Maka itulah untuk memastikan supaya tidak berlaku tidak adil kepada peguam yang diadu maka Majlis Peguam merasakan bahawa satu hakim mencukupi.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Pengerusi, apa yang dibangkitkan oleh rakan saya Yang Berhormat bagi Ipoh Timor adalah mengenai .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Ipoh Barat adalah mengenai *judicial review*. *There shall be no judicial review against any decision or order made by the Disciplinary Board*. Yang Berhormat Menteri tidakkah jawab itu? Tetapi jawapan mudah kerana apa yang dinyatakan

oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat tidak berapa tepat kerana di mana ada satu jalan rayuan tidak boleh ada *judicial review*. Tidak boleh mengadakan kedua-dua ini.

Di sini ada peruntukan untuk rayuan kepada Mahkamah Tinggi selepas didapati bersalah oleh jawatankuasa tatatertib, selepas itu rayuan kepada Mahkamah Rayuan dan selepas itu rayuan kepada Mahkamah Persekutuan. Itu yang harus dijawab oleh Yang Berhormat Menteri. *Judicial review* tidak boleh diadakan kerana ada *appeal, there is no "pre remedy"*. Ini prinsip-prinsip yang mudah difahami. Saya pun hairan Yang Berhormat Menteri tidak memahami undang-undang mengenai *judicial review* dan di mana ada satu saluran rayuan. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak habis jawab lagi. Bila saya hendak jawab, dia kacau sebab itu saya jawab satu, saya bagilah dia jawab. Jadi dia sudah jawab. Sebab kita dalam soal ini mesti ada, orang kata kemuktamadan, muktamad. Kalau tidak ia akan berulang-ulang. Macam mana pula *judicial review on judicial review*. Dalam apa kes sekali pun mesti ada muktamadnya.

Jadi, sebab itulah kerana dalam hal ini.....

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Penjelasan, Tuan Pengerusi.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Nanti! Oleh kerana kita perlu ada kemuktamadan maka itulah difikirkan oleh pihak Majlis Peguam, *once and for all we decide*, beri keyakinan, kalau kita sendiri tidak yakin, kalau kita *subject ourselves*, dengan izin, kepada mahkamah, kita tidak yakin keputusannya tidak ada satu sistem yang saya kira terbaik dalam dunia yang boleh buat sehinggakan seorang itu puas hati. Dia ada dua orang, dalam mahkamah ada dua orang, sudah tentu satu orang tidak akan puas hati di atas apa keputusan juga yang diambil oleh mahkamah.

Jadi, kalau hendak puas dua-dua orang, yang ini merayu-rayu mesti ada muktamadnya, maknanya di Mahkamah Persekutuan yang akhir sekalilah. Jadi, sebab itu saya rasa dalam soal ini saya mahu perkara ini muktamad. Maka oleh kerana itu Majlis Peguam merasakan tidak perlu ada *judicial review*.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Pengerusi, ada dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, "Kerana ada tiga peringkat oleh itu tidak boleh ada *judicial*." Telah menyatakan tadi, "*You can't have judicial review over judicial review.*" Bolehkah saya dapat tahu apa maksudnya apa yang dinyatakan tadi? Tidak boleh ada *judicial review* atas *judicial review*. Sila buat penjelasan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Maksud saya benda tidak muktamadlah, tidak ada kehabisan. *[Disampuk]* Ya, tidak habislah, *on and on, and on*, tidak habis. Dan, saya kata itu bahawa kita tidak boleh memuaskan hati kedua-dua orang. Satu keputusan itu memang satu orang tidak puas hati, jadi mahkamah tidak boleh membuat keputusan yang boleh memuaskan hati kedua-dua. Sebab itu kita mesti ada satu perkara yang muktamad. Muktamad – akhir, itu maksud saya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Fasal-fasal 20 hingga 39.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Pengerusi, sedikit sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Lembaga Tatatertib.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, patut tadi sudah.....

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Bukan! Ini fasal-fasal yang lain. *That is the problem.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, kita bagi 20 hingga 39 sekali.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ini yang *the last*, ini perkara yang terakhir. Ini mengenai Lembaga Tatatertib. Saya telah bincangkan dengan menteri semalam di mana semasa perkara Lembaga Tatatertib dibangkitkan, adalah bila Tun Hussain Onn dilantik untuk menyiasat dalam adakah perlu satu lembaga sedemikian dan beliau dalam *commission* beliau dan telah memberi pandangan bahawa Lembaga Tatatertib perlu ada baru kita ada undang-undang di mana Lembaga Tatatertib *came into bin*.

Tetapi satu di antara perkara yang telah terlupa dalam perkara ini yang saya difahamkan adalah satu perkara yang mustahak untuk Majlis Peguam adalah mengenai peruntukan kewangan yang diperlukan. Ini kerana terlampau banyak wang yang digunakan dalam penyiasatan ini adakah kerajaan boleh mengambil sedikit untuk perbelanjaan untuk membiayai separuh atau proses perbelanjaan ini. Dan juga mengenai satu perkara lagi mengenai *Legal Aid*, di mana kita ada sekarang *Legal Aid* dengan kerajaan, kita ada *Legal Aid* dengan Majlis Peguam. Saya difahamkan Majlis Peguam membelanjakan lebih kurang RM1.5 juta setiap tahun dan ini, *bleat the* Majlis Peguam. Bolehkah pembiayaan ini diambil separuh sekurang-kurangnya oleh kerajaan. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, pertamanya berkenaan dengan *Legal Aid* ini, saya rasa *Legal Aid* ini satu perkara yang masih lagi – maknanya masyarakat tidak mengetahui tentang perkara ini dan ia *is growing*, ia sedang membesar. Saya percaya *Legal Aid* ini akan menjadi satu perkara yang cukup penting dalam mentadbirkan undang-undang negara kita ini apabila kita membangun lagi. Sebab itulah kerajaan menyediakan *Legal Aid* walaupun di peringkat yang belum memuaskan hati kita lagi.

Jadi, kaedah yang Yang Berhormat sebut itu kita mesti fikirkan bagaimana pihak ahli Majlis Peguam boleh membantu kerajaan untuk mengatasi masalah mereka yang tidak dapat mempertahankan dirinya di mah disabitkan kerana tidak mampu. Saya rasa kita kena bantu mereka dan saya setuju kita perlu bincangkan bagaimana sebenarnya *Legal Aid* ini boleh diperbesarkan lagi dan fikir cara-caranya, termasuk bagaimana kita boleh memberikan – bukan sebenarnya bayaran kepada peguam-peguam sebab saya percaya kalau hendak bayar *fee* dia memanglah tinggi tetapi sekurang-kurangnya memberi mereka insentif untuk mengambil kes yang kita lakukan pada hari tetapi yang saya rasa perlu diperbesarkan lagi.

Saya harap Majlis Peguam juga boleh berunding dengan pihak *Legal Aids* Biro Kerajaan cara-cara untuk memperkembangkan lagi peranan yang dimainkan oleh *Legal Aid* ini termasuk menyediakan bayaran ala kadar kepada peguam yang mengambil kes untuk mereka yang tidak mampu. Yang pertama.

Yang kedua, *funding* berkenaan kerja-kerja yang banyak yang dilakukan oleh *Disciplinary Board* Majlis Peguam ini. Itu agak sukar sedikit kerana wang yang hendak dibelanjakan itu ialah wang rakyat menerusi kerajaan, *public fund*, untuk digunakan tentang satu perkara yang dianggap sebagai *private matter*. Jadi, kalau kerajaan membantu Majlis Peguam, saya percaya bagi profesion yang lain juga mungkin kita juga perlu fikir untuk memberi bantuan kepada mereka. Jadi, perkara ini ia akan berlarutan.

Jadi, setakat ini saya bagi pihak kerajaan boleh menyatakan iaitu bahawa kita tidak bercadang untuk *to fund* kerja-kerja yang dilakukan oleh *Disciplinary Board* tetap di masa akan datang kita tidak tahu. Tetapi yang *Legal Aid* tadi saya bersetuju supaya kita *venture* lagi, bincang bagaimana kita boleh memperkembangkan *Legal Aid* termasuklah membuat bayaran ala kadar. Saya percaya kalau hendak bayar kes bunuh, ikut *market value* memang tinggi. Tetapi sekurang-kurangnya bagi sedikit insentif kepada peguam untuk mengambil kes-kes ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Fasal-fasal 20....

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tuan Pengerusi:.....

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Pengerusi....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sepatutnya perbahasan....

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** *No, No.*

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Sikit, sedikit sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Hendak minta penjelasan ataupun ....

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tidak, bukan.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Ini adalah pembetulan kepada seksyen 103A, Bahagian Pertama. Ada kesilapan ejaan dalam versi bahasa Inggeris, *where A, B, C*, "...the 'Disciplinary' Board shall..". Ejaan di sana adalah "*d-i-c-i-p-l-i-n-a-r-y*". *The "s" is missing*. Dan di Bahagian Kedua, "*A 'Disciplinary' Committee shall consist of three members (a), (b) appointed from the 'Disciplinary' Board..*". Di sana pun kesilapan yang sama. Bolehkah itu dibetulkan?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah mendapat nota daripada pihak *publication*, Percetakan Nasional Berhad. Mereka mengatakan iaitu bahawa mereka ada melakukan kesalahan dalam rang undang-undang ini daripada segi ejaan. ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Dan kita betulkanlah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya. Kita boleh.

**Fasal-fasal 20 hingga 39** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

Rang Undang-undang dilaporkan dengan ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG PELINDUNG 2006**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**12.43 tgh.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ng Lip Yong]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Pelindung 2006 dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sila.

**Tuan Ng Lip Yong:** Langkah Pelindung atau *Safeguard Malaysia* membenarkan sesebuah negara ahli WTO menyekat import bagi tempoh sementara apabila berlakunya peningkatan import secara mendadak yang mengakibatkan kemudaratan atau ancaman kemudaratan yang serius kepada industri tempatan. Langkah Pelindung ini adalah termaktub di dalam Perjanjian WTO *Safeguards*.

Tindakan Pelindung yang boleh diambil untuk mengelak atau mengatasi kemudaratan adalah menahan obligasi perdagangan secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya dan menarik balik atau meminda konsesi perdagangan yang telah diberi kepada Ahli-ahli WTO.

Tindakan ini hanya dibenarkan sekiranya dapat dibuktikan bahawa peningkatan kemasukan produk import dalam situasi perdagangan yang adil, dengan izin, *fair trade* telah atau boleh mengakibatkan kemudaratan kepada industri tempatan yang mengeluarkan produk yang serupa atau produk saingan terus.

Dengan itu, objektif utama langkah Pelindung ini adalah untuk memberi masa dan peluang bagi industri tempatan membaik pulih keadaan mereka supaya dapat bersaing semula dengan produk import apabila tindakan Pelindung perlu ditamatkan dalam jangka masa yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, penggunaan undang-undang perlindungan ini adalah diperlukan oleh negara berdasarkan empat faktor-faktor utama iaitu:

- (i) kelebihan sedia ada, langkah Pelindung di bawah WTO;
- (ii) menangani kesan liberalisasi perdagangan;

- (iii) persaingan daripada negara-negara membangun yang baru muncul akibat globalisasi dan
- (iv) kesan dari tindakan *remedy* oleh negara-negara lain.

Faktor pertama, kelebihan sedia ada, langkah Pelindung di bawah WTO/ . Perjanjian WTO *Safeguards* membenarkan Ahli WTO mengenakan tindakan pembetulan serta-merta atau *immediate release* dengan izin, sebagai langkah Pelindung kepada kemudaratan yang menimpa industri tempatan akibat daripada peningkatan import secara mendadak. Langkah Pelindung dibenarkan di bawah WTO untuk membawa perlindungan sementara kepada industri tempatan sesebuah negara ahli WTO melalui peningkatan import daripada semua ahli-ahli negara dalam WTO.

Dalam jangka masa perlindungan, industri tempatan berpeluang mengambil langkah-langkah yang perlu bagi memulihkan kemudaratan, membina upaya serta meningkatkan daya saing bagi menghadapi cabaran daripada import seterusnya. Tempoh langkah Pelindung bagi negara-negara membangun adalah selama 10 tahun iaitu empat tahun pertama boleh dilanjutkan selama empat tahun dan tambahan dua tahun lagi jika perlu.

Jangka masa adalah mencukupi bagi industri tempatan yang terlibat untuk memulihkan kedudukan dan keadaan mereka. Negara-negara membangun diberi keistimewaan melanjutkan tempoh perlindungan selama dua tahun melebihi tempoh maksimum yang diperuntukkan di bawah Perjanjian WTO, *Safeguards*. Masa lebihan ini adalah penting kerana industri tempatan terutamanya Industri Kecil dan Sederhana memerlukan masa yang panjang untuk bersaing dengan pesaing-pesaing dari luar negeri.

Tambahan, langkah-langkah pemulihan industri dan keberkesanan seperti menerima pakai proses baru, aktiviti-aktiviti penambahan nilai, penyerapan teknologi semasa, bantuan latihan dan meninggikan tahap penyelidikan dan pembangunan akan mengambil masa yang lama. Lantikan pihak berkuasa penyiasatan yang diwajibkan di bawah WTO memberi jaminan siasatan secara terperinci dijalankan ke atas aduan yang dikemukakan oleh industri tempatan sebelum langkah perlindungan diluluskan. Penyiasatan sedemikian juga menjurus ke arah kesahihan dan ketelusan supaya tidak timbul syak wasangka dari negara-negara Ahli WTO akan tindakan-tindakan Pelindung yang diadakan.

Proses dan penyiasatan secara teratur dan berperingkat memudahkan kerja-kerja penyiasatan bagi kepentingan industri tempatan yang terancam daripada import yang mendadak. Peningkatan yang dibenarkan adalah melalui kenaikan duti import dan penggunaan kuota import. Kenaikan duti juga boleh dilakukan kepada tarif yang telah diikat atau *bound tariff* yang pada kebiasaannya tidak dibenarkan mengikut Perjanjian WTO.

Faktor kedua, menangani kesan liberalisasi perdagangan. Perdagangan antarabangsa merupakan satu dari faktor utama yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi Malaysia. Dalam eksport barang dagangan atau *merchandise export*, dengan izin, Malaysia menduduki

tempat ke-19 pengekspor terbesar dunia dan merupakan pengimport ke-24 terbesar dunia dalam tahun 2005.

Kedudukan ini berpunca daripada dasar perdagangan dan pelaburan Malaysia yang berasaskan proses liberalisasi ekonomi secara progresif. Akibatnya pelaburan asing semakin meningkat dan seterusnya membawa faedah kepada industri tempatan melalui pemindahan teknologi dan pendedahan kepada pemikiran serta idea-idea baru dalam dunia perniagaan. Ia juga memupuk persaingan yang sihat kepada industri tempatan.

Oleh yang demikian, dasar liberalisasi akan dikekalkan kerana pelbagai manfaat yang diperoleh. Selaras dengan dasar ini, Malaysia akan terus berunding dalam rundingan-rundingan di bawah WTO untuk menentukan pasaran dunia dibuka kepada barangan eksport negara. Untuk mempercepatkan lagi pembukaan pasaran di negara-negara dagangan yang penting, Malaysia juga sedang mengadakan rundingan perjanjian perdagangan bebas secara dua hala dengan negara-negara tertentu dan secara serantau melalui ASEAN dengan negara-negara ketiga.

Pasaran terbuka akibat liberalisasi perdagangan memberi peluang bagi industri tempatan berkembang maju dan mengekspor barangan mereka ke merata-rata dunia. Namun demikian, penurunan tarif telah dan akan dipercepatkan lagi melalui kawasan perdagangan bebas ASEAN atau AFTA serta perjanjian-perjanjian perdagangan bebas dan rundingan WTO yang telah dan bakal dimuktamadkan.

Ini akan mengakibatkan peningkatan import ke dalam Malaysia secara mendadak yang boleh memudaratkan industri-industri tempatan yang mengeluarkan produk yang serupa atau saingan secara terus. Untuk menangani kemudatan yang boleh berlaku, Malaysia perlu bersedia dengan langkah pelindung bagi memelihara kepentingan industri tempatan.

Faktor ketiga. Persaingan daripada negara-negara membangun yang baru muncul akibat globalisasi. Penggubalan dasar-dasar baru untuk menangani globalisasi telah menyebabkan beberapa buah negara membangun menghasilkan barangan eksport dengan harga yang kompetitif dan muncul sebagai negara-negara dagangan yang dinamik. Antaranya ialah China, India, Vietnam, Thailand dan beberapa negara di Amerika Selatan. Negara-negara berkenaan dapat mengekspor dan bersaing di negara-negara lain walaupun tarif di negara-negara berkenaan tidak berada di tahap yang rendah.

Bagi Malaysia, purata tarif yang rendah sebanyak 7.7 peratus telah mengakibatkan persaingan daripada negara-negara adalah lebih mencabar. Situasi ini boleh menyebabkan peningkatan import secara mendadak dan menjejaskan industri-industri tempatan.

Faktor keempat. Kesan dari tindakan *remedy* oleh negara-negara lain. Tindakan langkah pelindung anti lambakan atau *anti-dumping* dan timbal balas atau *contravening duty* semakin bertambah di dalam perdagangan antarabangsa.

Tindakan-tindakan ini boleh mengakibatkan lebih kapasiti global dan peralihan perdagangan atau *trade diversion*. Keadaan ini akan menyumbang kepada peningkatan import secara mendadak dalam sesuatu negara pengimport. Penggunaan tindakan anti lambakan telah meningkat daripada 156 kes pada tahun 1995 kepada jumlah tertinggi sebanyak 211 kes pada tahun 2003. Dalam tahun 2005, jumlah kes adalah sebanyak 191. Penggunaan tindakan pelindung pula meningkat dalam tahun 2002 sebanyak 132 kes akibat daripada kes penyiasatan perlindungan besi dan keluli oleh Amerika Syarikat.

Ini diikuti pula dengan langkah pelindung oleh Kesatuan Eropah atau *European Union* ke atas produk yang sama, yang berlanjutan sehingga tahun 2003. Trend juga menunjukkan bahawa negara membangun tidak ketinggalan dalam menggunakan langkah pelindung. Dalam tahun 2003, negara Ecuador merupakan pengguna tindakan pelindung yang terbanyak iaitu sebanyak empat kali dan diikuti negara Filipina sebanyak tiga kali.

Malaysia telah dikenakan beberapa tindakan pelindung oleh negara lain dari tahun 2001 termasuk *steel, tube and pipe fitting*, dengan izin oleh Amerika Syarikat pada 26 Jun 2001, *stainless steel, tube and pipe fitting* oleh *European Union* pada 28 Mac 2002, *tiles ceramic* oleh Filipina pada 28 Mei tahun 2001, *cement portland* oleh Filipina pada 28 Mei 2001, *ball bearing* oleh Rusia pada 2 April 2002 dan minyak sayuran oleh India pada 27 Mei 2002.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini terdapat 47 buah negara ahli WTO mempunyai undang-undang pelindung. Ini termasuk negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah dan Jepun serta negara membangun seperti Filipina, Indonesia, Thailand, China, India, Afrika Selatan dan Brazil. Setakat ini, Malaysia mempunyai undang-undang anti lambakan yang digunakan apabila terdapat perdagangan tidak adil atau dengan izin, *unfair trade* yang memudaratkan industri tempatan. Untuk melindungi industri tempatan yang terjejas akibat import yang mendadak dalam keadaan perdagangan yang adil atau *fair trade* adalah penting untuk Malaysia mengadakan undang-undang pelindung seperti yang dibenarkan oleh WTO.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Siapa sokong?

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penyiasatan dan penentuan langkah perlindungan terhadap keluaran yang import ke Malaysia dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Tanjong.

**12.49 tgh.**

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana saya diberi kesempatan ini untuk membahaskan Rang Undang-undang Pelindung 2006 seperti mana yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan penjelasan mengapa rang undang-undang ini perlu diluluskan oleh Dewan Rakyat ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana dalam Fasal 40 rang undang-undang ini, ini merupakan satu obligasi antarabangsa Malaysia terhadap perjanjian penubuhan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO). Dan akta ini hendaklah terpakai bertepatan dengan obligasi Malaysia di mana Perjanjian WTO ini dibuat di Marrakesh, Maroko pada 15hb April tahun 1994 dan juga termasuk GATT tahun 1994 serta perjanjian tentang pelindung. Sekali lagi Tuan Yang di-Pertua saya nampak bahawa Dewan Rakyat ini perlu membuat undang-undang kerana memenuhi obligasi antarabangsa kita kepada dunia luar. Kita perlu ingat ini bahawa semua ini dibuat adalah kerana ini dalam satu bahagian dalam proses globalisasi dan kita tidak terkecuali dari impak globalisasi ke atas negara kita. Kita juga pernah ingat bahawa setiap kali kita memenuhi obligasi antarabangsa kita, kita sebenarnya akan dan telah menyuarakan sedikit sebanyak *sovereignty rights* atau domestik *or national policy space* negara kita demi menentukan dasar-dasar untuk negara kita sendiri.

Kita tahu bahawa setiap negara yang merdeka berhak untuk menentukan apa dasar yang baik untuk negara itu. Ini mungkin dari segi dasar sosial, dasar ekonomi ataupun dasar kewangan. Tetapi pada hari ini globalisasi telah menyebabkan negara-negara menyerahkan hak-hak ini kerana perlu memenuhi obligasi antarabangsa yang ditetapkan dalam pertubuhan antarabangsa di mana peraturan-peraturan ini ditetapkan oleh kuasa-kuasa dunia dan dunia ketiga barangkalinya dipaksa untuk mematuhi.

Kita tahu bahawa perjanjian perdagangan dunia sering mengandungi satu pakej perjanjian yang perlu dipatuhi oleh setiap negara yang mengambil bahagian misalnya perjanjian penubuhan WTO dan GATT mempunyai pakej perjanjian dan sebagai .....'sonitari' kita terikat dengan perjanjian ini dan perlu mengambil tindakan susulan dalam dewan perundangan kita. Jadi tidak hairanlah kita telah meluluskan pelbagai-bagai akta seperti Akta Anti Lambakan dan sebagainya sebagai obligasi kita kepada perjanjian antarabangsa ini. Ini lain daripada perjanjian United Nation Tuan Yang di-Pertua, di mana sesebuah negara mempunyai pilihan untuk memeterai perjanjian-perjanjian tertentu ataupun tidak. Malaysia sendiri tidak menandatangani beberapa konvensyen United Nation.

Negara yang kuat seperti Amerika Syarikat pun tidak meterai banyak konvensyen dalam International Labour Organization. Apa yang saya ingin tegaskan Tuan Yang di-Pertua ialah negara kita perlu berhati-hati dengan perjanjian antarabangsa yang mungkin memudaratkan kepentingan negara kita misalnya apabila Amerika Syarikat tidak dapat apa yang mereka mahu melalui WTO, dia pula memulakan rundingan Free Trade Agreement (FTA) dengan negara-

negara tertentu termasuk Malaysia. Yang menimbulkan perasaan syak wasangka apakah Malaysia akan hilang kepentingan negara kita apabila FTA dengan Amerika Syarikat ditandatangani.

Apakah yang menjadi keprihatinan orang ramai adalah kita akan menjadi mangsa kepada pembukaan ekonomi kita mengikut peraturan-peraturan yang digubal oleh negara-negara yang lain. Dan kita sendiri hilang kawalan, Tuan Yang di-Pertua Rang Undang-undang Pelindung ini nampaknya satu undang-undang yang menjaga kepentingan negara walaupun ia lebih merupakan satu obligasi antarabangsa. Tetapi kita janganlah berharap sangat bergantung kepada pelindung-pelindung yang negatif yang mungkin menjejaskan kadar persaingan ekonomi kita. Kadar produktiviti dan akhirnya menjejaskan kepentingan rakyat dan negara kita. Oleh sebab itu di samping bergantung kepada pelindung-pelindung untuk satu tempoh yang sementara, pendekatan yang lebih penting adalah menggalakkan struktur *adjustment* dalam industri-industri atau sektor ekonomi dan kewangan yang terjejas oleh import atau tekanan perdagangan supaya dapat kita meningkatkan tahap persaingan dan kecekapan sektor atau industri ini dalam pasaran antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya ini tidak menjadi satu keputusan dasar maka apa juga dasar pelindung yang diguna pakai cuma menyebabkan industri kita terlalu bergantung pada subsidi, perlindungan ataupun dasar percukaian yang menjadikan mereka tidak bermaya untuk bertanding dalam pasaran dunia. Saya ingin tahu apakah industri dalam negeri kita yang dimaksudkan dalam takrifan Rang Undang-undang ini? Apa industri yang kita ingin memberi perlindungan? Tadi kita mendengar penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri sebaliknya pada masa ini Malaysia menjadi satu sasaran oleh negara lain untuk menyekat eksport Malaysia ke negara mereka. Tetapi selepas Rang Undang-undang ini diluluskan, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini apakah industri atau sektor-sektor tertentu yang menjadi perhatian MITI untuk memastikan mereka tidak terjejas oleh peningkatan import dalam negara ini.

Dalam konteks globalisasi ekonomi kita akan menyentuh tentang perdagangan dan kewangan. Pada hari ini perdagangan lebih daripada aktiviti tradisional iaitu import dan eksport barangan sahaja misalnya minyak kelapa sawit, beras, gula, barang-barang elektronik dan tekstil. Sekarang terdapat aktiviti perdagangan melintasi sempadan negara yang melibatkan bukan sahaja barangan semata-mata tetapi selain dari itu kita nampak bahawa perdagangan wujud dalam sektor perkhidmatan dan pelaburan. Kita bukan sahaja perlu beri perhatian kepada bidang pertanian ataupun sektor pembuatan sahaja tetapi perdagangan dalam perkhidmatan dan pelaburan kian menjadi penting yang harus diberi perhatian.

Kita juga menyatakan tentang Harta Intelek seperti paten, *trade mark* dan *copyright* ini pun menjadi satu bidang yang perlu diberi perhatian. Tuan Yang di-Pertua kita tahu bahawa negara Malaysia sebagai negara yang mengeksport komoditi dan barangan pembuatan telah

lama menggunakan dasar-dasar seperti cukai import, cukai eksport dan duti sebagai *economic and financial true* dengan izin untuk tujuan-tujuan yang spesifik. Ada antaranya sekatan yang positif dan ada pula negatif. Ia menjadi negatif sebab sekatan ini sebenarnya tidak membawa manfaat dan ada pula sekatan yang positif kerana ia merupakan pelindung ataupun *safe guard*. Kita memerlukan pelindung-pelindung tertentu sebab setiap negara menikmati tahap pembangunan yang tidak sama rata. Oleh itu kita sering dengar kita berharap mengujudkan satu *level playing field*. Oleh itu kita perlu mengambil langkah-langkah tertentu dan selama ini kerajaan banyak mengambil langkah-langkah supaya kita dapat *level playing field* untuk memajukan ekonomi negara kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat banyak lagi?

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Ada

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Boleh sambung pada jam 2.30 petang. Ahli-ahli Yang Berhormat dengan ini saya tangguhkan Dewan yang mulia ini sehingga jam 2.30 petang.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**2.32 ptg.**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dewan bersidang semula, Yang Berhormat bagi Tanjong. Durian sudah makan, jadi kena jagalah, tidak payah cagak banyak-banyak, nanti tekak sakit.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Sebaliknya saya berharap selepas lulusnya Rang Undang-undang ini, Kementerian mungkin berfikirilah meletakkan '*safe gads*' untuk menjaga sektor mengeluarkan durian dari menghadapi mudarat dari pengimportan durian-durian dari negara Thai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Pagi tidak sebut Yang Berhormat?

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Sebab pagi belum makan. Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita menangguh Dewan tadi saya berhujah tentang bagaimana kita ingin mewujudkan satu *Level Playing Fields*. Bagi setiap negara perlu kita melihat pada ekonomi, pada keseluruhannya. Dan memutuskan sektor mana yang perlu diberikan perlindungan supaya ia boleh membangun dan maju sehingga ia menjadi kukuh dan boleh bersaing dengan lain-lain syarikat dan juga lain-lain negara.

Ringkasnya, kita perlu ada satu cara yang sofistikated untuk membuka ekonomi kita. Ada kala kita melihat kerajaan melarang pengeksportan balak kita supaya mengawal pemusnahan hutan dan menjaga alam sekitar kita. Dalam masa-masa yang lampau kita sering

mendengar kerajaan mengambil langkah-langkah untuk membantu *infant industry*, seperti industri tekstil pada masa-masa yang lalu. Tetapi pada hari ini, kita berhadapan dengan cabaran WTO dan globalisasi di mana kuasa kita untuk menentukan dasar-dasar dan *economic tools* telah dikurangkan kerana obligasi antarabangsa kita.

Selain itu kita perlu berhadapan dengan *Free Trade Agreement* (FTA) yang mungkin memaksa kita membuka sempadan kepada pencerobohan atau import. Bukan setakat barangan pertanian dan perindustrian sahaja. Tetapi dalam sektor perkhidmatan seperti bank, insurans, *professional services* di mana negara-negara maju mempunyai kelebihan dan amat kukuh dan mereka cuba memecahkan dasar perlindungan atas sektor-sektor ini. Jadi kita ingin menegaskan negara kita perlu memandang berat tentang FTA dengan negara-negara maju. Sebab apa yang mereka tidak dapat melalui WTO, mereka akan harap dapat mencapai matlamat ini melalui persetujuan FTA.

Pada peringkat inilah Tuan Yang di-Pertua, yang kita harus memberi perhatian yang lebih demi menjaga kepentingan negara dan industri kita. Apa gunanya kita baru sahaja hendak luluskan Rang Undang-undang berlindung di bawah perjanjian penubuhan WTO yang kononnya ingin melindungi industri domestik kita. Tetapi sebaliknya kita telah membuka pasaran kita melalui FTA dengan Jepun, dengan Amerika Syarikat dan mungkin dengan lain-lain negara lagi. Ada kalanya FTA ini sebenarnya mengandungi syarat-syarat yang akan menyekat hak kita seperti dalam menentukan syarat pemindahan teknologi dan sebagainya yang dilakukan oleh kerajaan pada masa-masa lampau. Tetapi dengan adanya FTA yang bakal ditandatangani, mungkin kita akan hilang hak dalam memutuskan syarat-syarat yang akan menguntungkan kita.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sebenarnya bergantung kepada pelbagai dasar berlindung dan merupakan negara yang amat tegas. Walaupun kita menggalakkan FDI, tetapi kita juga ingin menentukan bagaimana FDI ini akan ditempatkan untuk menjayakan matlamat pembangunan ekonomi dan industri negara. Kita juga berjaya untuk melarang desakan WTO untuk membuka sektor khidmat bank, insurans, *professional services* dan sebagainya kepada syarikat asing dengan seluas-luasnya. Kita perlu mengambil keputusan yang boleh menjaga kepentingan negara dan industri serta rakyat dan pekerja kita. Tetapi berbalik kepada pendirian saya, bahawa matlamat perlindungan ini melalui akta ini atau pun lain-lain dasar yang akan diguna pakai selama ini kita perlu tegas bahawa segala pelindung ini, harus menjadi pelindung sementara sahaja. Dan memanglah maksud Rang Undang-undang itu pun begitu.

Dan akhirnya selepas tempoh sementara itu, kita perlu memastikan industri dan sektor perkhidmatan kita mengalami proses pembaharuan atau pun *re-form* dan ada *structural re-adjustment*, mengamalkan prinsip *accountability*, *transparency* dan urus tadbir serta etika yang baik. Untuk menjadikan ekonomi kita kukuh dan dapat bersaing dengan dalam peringkat antarabangsa. Melainkan industri ini yang dapat perlindungan, dapat berdikari dan daya maju, ia akan menjadi beban negara dan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kita ada rancangan pembangunan yang agak baik untuk menggariskan arah tuju pembangunan negara. Sudah sampai masanya untuk mengkaji dasar-dasar ini. Misalnya Dasar Kereta Nasional atau Dasar Automobil Negara. Apakah segala perlindungan ini tidak membawa manfaat kepada rakyat dari segi harga kereta yang lebih murah dan berkualiti yang lebih menjamin.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat bagi Jerai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya menyetujui Dasar Automobil Negara ini, iaitu menjamin kereta-kereta keluaran negara kita ini di pasaran dalam negeri, begitu juga mempertingkatkan mutu kereta. Tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa harga kereta mungkin turun sedikit, tetapi pihak-pihak institusi kewangan telah meletakkan atau *imposed, interest* faedah ke atas pinjaman-pinjaman yang agak tinggi berbanding dulu. Kalau dulu kita bayar hanya 4% tetapi sekarang ini sudah mencecah sampai 10%. Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju dasar kerajaan itu hendak menurunkan kereta, tetapi pihak bank, pihak syarikat-syarikat *finance company* atau syarikat kewangan mempertingkatkan dan memperketatkan lagi pinjaman-pinjaman kereta ini, menyebabkan banyak pembeli-pembeli dan kita dapat laporan bahawa tahun 2005 itu *non performing loan* atau pun bayaran balik begitu besar, tidak ada orang boleh bayar balik, tidak mampu bayar balik.

Adakah Yang Berhormat ini ingin mencadangkan, kadang-kadang dasar satu itu baik tetapi pihak lain pula mempertingkatkan kos dan *interest*. Ini menyebabkan harga kereta itu satu kos pembelian itu lebih tinggi daripada yang telah dipersetujui bersama di antara pengeluar kereta dan juga pihak kerajaan. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai, selepas makan durian pun bersopan ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tanjong selama ini dia selalu bersopan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membela saya....

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Yang Berhormat bagi Jerai.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kadang-kala tidak sopanlah...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya, sopan!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tetapi kebelakangan memang sopan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** [*Sambil bercakap dalam bahasa Mandarin*]

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** [*Bercakap bahasa Mandarin*]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** [*Bercakap dalam bahasa Mandarin*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa itu 'Ho Lang'?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** [*Sambil bercakap bahasa Mandarin*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa itu 'Ho Lang' itu Yang Berhormat? 'Ho Lang' itu apa?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** 'Ho Lang' itu baiklah Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Yang Berhormat bagi Jerai mungkin ada satu pandangan yang agak boleh diterima tetapi saya rasa melihat perkara ini dari satu sudut yang berlainan. Tadi Yang Berhormat bagi Jerai kata ada NPL yang banyak, mungkin tidak tepat juga kalau bank dikatakan mengetatkan pinjaman-pinjaman. Kita nampak terlalu mudah untuk mendapat pinjaman sebalik apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat. Cuma dengan RM500 ataupun RM1,000 sudah memadai untuk keluaran satu kereta yang baru dan oleh kerana begitu longgar syaratnya mungkin menyebabkan ramai yang berminat tetapi sebenarnya tidak berapa mampu dan akhirnya mengakibatkan masalah NPL yang begitu besar.

Tentang mengenai industri automobil kita menampakkan sedikit perubahan dari segi harga, memang ini satu perkara yang nyata kita lihat. Saya rasa ini pun mungkin disebabkan oleh desakan yang dihadapi oleh negara ini berhubung dengan persaingan dari kereta-kereta yang dipasang di Thailand dan sebagainya sebab walaupun kita meletakkan pelindung-pelindung atas sektor automobil negara kita tetapi ini membawa satu kos, sebab Akta Pelindung dari segi melanjutkan tempoh, tarikh dan sebagainya kita perlu membayar pampasan kepada negara-negara yang terjejas oleh dasar yang kita amalkan di sini. Jadi saya berharap sektor automobil ini akan bergerak ke arah yang lebih liberal untuk capai ke satu tahap yang boleh berdikari dari segi teknologi dan harganya untuk dapatlah bersaing dengan kereta-kereta import.

Tuan Yang di-Pertua, sambung balik kepada Dasar Automobil Nasional, di mana rakyat Malaysia sering mengadu bahawa lebih baik sektor automobil kita *liberalize* supaya rakyat boleh membeli kereta import yang lebih murah. Rakyat bertanya apakah kerajaan ingin terus melindungi Proton yang menjadi satu sektor yang kurang cekap. Saya rasa dari segi ini kalau sektor automobil mengalami kemudaratannya yang serius akibat peningkatan import kereta asing yang menawarkan harga yang lebih murah, rakyat akan mengalu-alukannya mungkin Proton dan syarikat yang lain mengadu dan mengharapkan Akta Pelindung ini akan membantu mereka tetapi bagi rakyat, bagi pembeli kereta saya rasa mereka mengharapkan sektor ini *diliberalizekan*. Saya ingin tahu sama ada kerajaan masih ingin melindungi sektor automobil negara?

Dalam sektor perindustrian berat pula Tuan Yang di-Pertua, kita juga melihat pelbagai masalah yang dihadapi oleh sektor pembuatan besi keluli khususnya dalam kes Perwaja. Ini memang satu dasar negara untuk menggalakkan perindustrian berat tetapi kita telah melalui

pengalaman yang tidak baik dan pahit dan Perwaja menjadi satu beban dan satu skandal yang membabitkan berbilion-bilion ringgit yang melibatkan soal tentang rasuah, ketidakcekapan, ketidaktelusan, tidak berdaya maju walaupun beroperasi di bawah keadaan perlindungan. Apakah kerajaan juga perlu menimbang semula pendekatan untuk memajukan industri berat yang mana kita tidak mempunyai *comparative advantage*.

Mungkin saya masanya Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memikirkan semula wawasan negara mengenai pembangunan industri negara. Kita masih ada matlamat-matlamat tertentu seperti menggalakkan sektor pertumbuhan yang baru seperti bio-teknologi, ICT dan lain-lain yang lebih memerlukan dasar-dasar perlindungan yang dapat menggalakkan pertumbuhan sektor-sektor baru ini. Kita mungkin mahu melihat tumpuan diberikan kepada sektor *healthcare* yang lebih baik, sektor pendidikan yang bermutu atau sektor pertanian makanan yang dapat mengurangkan bil import makanan dari negara luar. Ini bermakna kita perlu menggubal *instrument* ekonomi dan dasar-dasar percukaian yang boleh membantu sektor-sektor yang baru dan berpotensi ini. Kita perlu melihat penstrukturan semula, sektor bank dan kewangan sebagai langkah yang amat positif.

Kita ada satu *master plan* untuk sektor kewangan yang agak baik. Kita lihat usaha yang dapat menghasilkan sektor kewangan yang lebih kukuh sebagai persediaan untuk menghadapi proses liberalisasi sektor ini. Yang kita nampak dalam beberapa tahun kebelakangan ini *merger bank*, *consolidation* dan sebagainya adalah usaha yang baik. Ini pendekatan yang harus menjadi contoh bagaimana sektor bank mula melepaskan pelindung-pelindung dan mengalami *structural adjustment* bagi menjadikannya lebih daya saing, daya maju dalam zaman globalisasi ini.

Mungkin segala usaha yang telah diambil masih tidak mencukupi tetapi sekurang-kurangnya kita berada dalam landasan yang lebih kukuh untuk menghadapi persaingan antarabangsa. Apabila sektor ini dibuka kelak mungkin melalui FTA dan WTO. Lain-lain sektor perlu mengalami iktibar ini supaya mereka bersiap sedia untuk menghadapi hari mana kemasukan dan peningkatan import boleh membawa mudarat kepada industri tempatan.

Saya nampak kemasukan sektor *hypermarket* dan mungkin sektor yang menawarkan gaya hidup yang baru seperti sebagai satu khidmat dan komoditi, contohnya mungkin *Starbucks* dan sebagainya telah memberi cabaran yang besar kepada sektor runcit kita sehingga pengusaha kedai runcit tradisional menyeru kerajaan menyekat pengimportan. Saya mentakrifkan pencerobohan konsep *hypermarket* ini sebagai satu pengimportan khidmat dari negara luar yang mungkin memudaratkan sektor tempatan ini.

Tetapi sekurang-kurangnya kita berharap dengan masuknya pengimportan budaya dan sektor baru ini kita jangan berharap pelindung-pelindung ini akan membantu dengan sepenuhnya tetapi pada masa yang sama kita perlu menegaskan bahawa sektor industri tempatan kita perlulah mengalami satu proses untuk struktur semula dan menjadikan mereka lebih berdaya saing.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian Yang Berhormat ini adalah kementerian yang bertanggungjawab dan mengawal hal perdagangan dan perindustrian. Saya berharaplah MITI boleh memberi perhatian kepada satu perkara yang amat penting yang mungkin menjejaskan kedudukan Malaysia sebagai sebuah pusat harga bagi pasaran minyak sawit antarabangsa.

Tadi saya kata bahawa kalau sektor kita sudah kukuh, kita perlu menjaga. Cuma perlu dasar-dasar percukaian dan perlindungan digunakan untuk membantu sektor yang lemah. Tetapi bagi sektor yang kita sudah menjadi pemimpin dalam dunia, kita perlulah mengekalkan kedudukan dan keistimewaan ini dan janganlah sebab dasar-dasar, kerajaan kita hilang kedudukan yang kuat ini. Saya merujuk kepada satu perkara yang mungkin mengancam kedudukan kita sebagai satu pusat harga bagi pasaran minyak sawit antarabangsa.

Kedudukan kita mungkin terancam dan MITI harus memastikan khidmat negara Malaysia sebagai *international palm oil pricing center* dapat dilindungi. Latar belakangnya, Tuan Yang di-Pertua, adalah objektif utama kita melancarkan *crude palm oil futures contract* pada tahun 1980 adalah untuk memastikan harga minyak sawit boleh ditentukan di Malaysia. Sebagai pengeluar, kita harus ada kawalan terhadap harga komoditi itu.

Jadi, bagi 25 tahun kebelakangan ini Kuala Lumpur telah berkembang dan maju sebagai *international palm oil pricing center* dan kita juga mengukuhkan kedudukan kita sebagai pengeluar terbesar dunia bagi *crude palm oil*. Indonesia juga menjadi pengeluar yang besar tetapi usaha mereka untuk menubuhkan *palm oil exchange* sudah gagal.

Malaysia mengeluarkan 14.9 juta tan *crude palm oil* pada tahun 2005 dan jumlah *volume* yang diperdagangkan di Bursa Malaysia Derivatives adalah 29 juta tan. Pada zaman awal 60-an dan 70-an, Tuan Yang di-Pertua, mungkin masih ingat bahawa Malaysia merupakan pengeluar tin dan getah terbesar di dunia. Tetapi kita perlu pandang ke London dan Singapura yang tidak menjadi pengeluar untuk menentukan harga komoditi-komoditi ini kerana kita tidak mempunyai *price discovery mechanism*.

Sebelum pengenalan perdagangan *crude palm oil futures* pada tahun 1980, para pengeluar, *refinance* dan *traders* perlu mendapat harga dari Rotterdam. Yang satu lagi contoh bahawa mereka bukan menjadi pengeluar komoditi tetapi menentukan harga di mana Rotterdam mengoperasikan sebuah *physical edible oil market*.

Tuan Yang di-Pertua, kita mungkin hilang kedudukan ini kerana tindakan yang akan diambil oleh *Singapore Exchange* yang bekerjasama dengan *Chicago Board of Trade* untuk menjadikan Singapura sebagai *international palm oil pricing center*. Sekali lagi kita nampak Singapura sephohon pokok *palm oil* pun tidak ada tetapi mereka berhasrat untuk menjadi *international palm oil pricing center*. Apakah Malaysia membenarkan ini berlaku? Saya rasa kita perlulah mengambil segala tindakan untuk menjaga dan melindungi kepentingan negara kita.

Kerjasama *Singapore Exchange* dengan *Chicago Board of Trade* ini dijangka beroperasi di Singapura dan berdagang dalam *crude palm oil future* pada tahun ini berdasarkan *cash*

*settlement*, berdasarkan kepada *Bursa Malaysia Derivatives* yang berdagang atas *delivery basis*. Kemungkinan sebab sektor ini bukan dalam kawalan MITI tetapi rasa saya MITI adalah bertanggungjawab untuk memastikan khidmat *Bursa Malaysia Derivative* ini terpelihara dan dijaga.

Yang Berhormat pun merupakan bekas Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, saya berharap akan memberi tumpuan yang khusus supaya kedudukan negara Malaysia tidak diancam oleh Singapura sebagai sebuah *international palm oil pricing center*. Kalau tidak memperolehi *settlement prices* dari sebuah *exchange* yang *viable*, pusat di Singapura tidak akan dapat beroperasi. Oleh itu mereka berkehendakkan kerjasama dari *Bursa Malaysia Derivatives* untuk menjual *settlement prices* kepada pusat di Singapura.

Tetapi jika kita buat demikian, kita akan hilang keistimewaan sebagai satu *international palm oil pricing center*. Jadi, saya berharap kita menghadapi satu persaingan yang hebat dari Singapura yang ingin merampas kedudukan kita. Mereka mungkin akan menawarkan pakej-pakej kewangan yang amat menarik untuk menarik *importers*, *producers* dan *refinances* yang pada masa sekarang menggunakan Bursa Malaysia di Kuala Lumpur untuk menarik mereka berdagang di pusat di Singapura yang akan ditubuhkan.

Jadi, saya berharap kerajaan apabila kita mengatakan akan mengambil langkah-langkah untuk meluluskan Rang Undang-Undang Pelindung, jangan cuai terhadap satu keistimewaan yang kita nikmati sekarang sebagai *international palm oil pricing center*. Kita perlulah melindungi dan menjaga, kalau tidak dapat memaju pun, kita perlu mempertahankan kedudukan kita. Jangan oleh kerana kita tidak mengerti dengan langkah-langkah yang mungkin diambil oleh Singapura, kita hilanglah keistimewaan ini yang akan menjejaskan beratus ribu kelapa sawit di negara kita dan ini akan membawa padah dan mudarat kepada ekonomi kita.

Di FELDA dan di banyak negeri akan perlu menanggung risiko ini sekiranya kerajaan cuai dalam perkara ini.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jerai.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya tahu. *Don't worry about me, I know all the subjects.* *[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat bagi Tanjong, Penang lang, orang Penang. Saya hendak tanya Yang Berhormat, untuk kita mempertingkatkan lagi – saya bersetuju dengan Yang Berhormat tadi, Singapura satu pokok kelapa sawit pun tidak ada, ia akan menjadi pengeksport yang besar. Satu pokok rambutan pun tidak ada, ia akan menjadi *Singapore lychee* untuk mengeksport ke luar negara dan semua ini daripada Malaysia.

Tetapi, Yang Berhormat, kalau kita hendak *compete*, kita mesti mempunyai satu R&D yang khusus. Contohnya tentang kelapa sawit. Sekarang di Indonesia, mereka sudah buka

banyak ladang kelapa sawit kerana tanah dia banyak dan kos *labomya* murah. Kita di sini tanah terhad, kos *labor* meningkat. Jadi, adakah kita mahu pihak-pihak universiti, pihak-pihak kerajaan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ini perkara lain.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tidak, tidak. Saya hendak bercakap pasal eksport, pasal kita hendak *compete* ini. Pasal tadi Yang Berhormat bagi Tanjong kata kita sekarang akan ketinggalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu tunggulah, tunggu masa kita ada FAMA ke atau apa-apa rang undang-undang lain. *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Maksud saya di sini ialah kerana kita hendak *compete* dengan Singapore. Buat apa kita hendak biar Singapore jadi kita punya batu loncatan, Singapore gunakan kita. Jadi kita buat kajian. Mungkin kelapa sawit ini boleh dikaji dan bila *yield* dia besar, kita akan bertambah eksport kita dan ini menguntungkan kerana kelapa sawit negara kita ini terbaik di dunia. Begitu juga getah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah. Yang Berhormat, ini Yang Berhormat tunggu menteri yang lain datang jawablah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ini pandangan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, baik.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Jerai. Memang masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai merupakan satu masalah yang berlainan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak payah jawablah, Yang Berhormat.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** ..... dari apa yang saya hujahkan. Tetapi itu pun satu cabaran yang cukup hebat, sebab kita jangka dalam tempoh dua atau tiga tahun lagi Indonesia akan *overtake* Malaysia sebagai pengeluar *palm oil* yang terbesar di dunia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Jerai?

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Sebahagiannya saya perlu bersetuju.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ini menunjukkan *very open minded*.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Ya, ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** *Ipoh Timor very close minded*.  
*[Ketawa]*

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Saya berharap, sebab Singapore, seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Jerai tidak ada apa *natural resources*, tetapi mereka menggunakan *human capital* mereka untuk menjadi satu pusat kewangan, menawarkan segala

khidmat sebagai satu pusat antarabangsa. Kalau kita tidak berjaga-jaga dalam konteks *International Oil Palm Pricing Centre*, kita pun akan hilang kedudukan ini. Saya berharap MITI akan bekerjasama dengan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan Kementerian Kewangan untuk memastikan kepentingan negara ini dan kepentingan peneroka FELDA yang berjumlah beratus ribu kebanyakannya di kawasan Yang Berhormat dari Barisan Nasional dapat terbela dan kita jangan cuai dalam perkara ini.

Dengan ini saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Sekian.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Jasin hendak berucap?

### 3.02 petang

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga bersama-sama ingin membahaskan Rang Undang-undang Pelindung 2006 ini dan saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Rang Undang-undang ini dikemukakan oleh MITI, tetapi yang akan melaksanakan sebahagiannya ialah Kastam. Jadi kalau saya cagak terlepas sedikit, minta Tuan Yang di-Pertua tegur sayalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat balik kepada tajuklah.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Balik kepada tajuk. Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebutkan oleh sahabat saya Yang Berhormat bagi Tanjong tadi membuatkan saya terbangun hendak bercakap tentang industri kita. Kita hendakkan supaya industri kita ini dapat perlindungan terus. Negara Malaysia daripada tidak ada apa, hari ini kita berbangga kita mempunyai satu industri kereta yang boleh kita banggakan. Ini kerajaan kena lindung! Jangan semudah-mudah kita bercakap kita hendak *liberalize* kan perusahaan kereta ini.

Hari ini, walaupun kita dituduh untuk melindungi PROTON, tetapi dengan kemasukan banyak jenama-jenama kereta ke dalam negara kita pada hari ini, PROTON pun susah hendak bernafas, Tuan Yang di-Pertua. Oleh demikian, kita hendak minta supaya kerajaan beri perlindungan lebih kepada industri kereta kita.

Kita tengok dalam perjanjian WTO. Dalam perjanjian WTO kita hormati. AFTA kita juga hormati. Kalau diikutkan semangat AFTA, kereta kita boleh dijual laris di Singapura kerana mengikut AFTA apa sahaja kereta yang masuk ke negara-negara ASEAN hanya dikenakan cukai 5%. Kalau harga kereta PROTON kita pada hari ini sekitar RM50,000, sepatutnya harga kereta PROTON harus dijual dengan hanya tidak lebih daripada SD20,000. Tetapi tidak berlaku macam ini. Kita bukan main lagi. Oh, sebab barang-barang kita, kita tidak boleh lindung sangat kerana ini perjanjian AFTA. Ini perjanjian WTO. Tetapi negara lain, oleh kerana kepentingan dia, dia masih mengadakan perlindungan-perlindungan ini.

Oleh yang demikian kita berharap supaya kerajaan, dengan adanya Rang Undang-undang ini kita harus menjaga perusahaan negara kita supaya dengan adanya kemasukan barang-barang import yang berleluasa pada hari ini seolah-olah barang negara kita ini tidak ada. Sebagai contohnya, Tuan Yang di-Pertua. Ini kereta. Sebagai contohnya barang-barang seramik. Hari ini barang-barang seramik kita di Johor, di kampung Tuan Yang di-Pertua banyak. Tetapi kita masih lagi mengeluarkan AP-AP untuk import barang-barang ini. Takkan ya Malaysia tidak boleh buat. Kalau dibuat pun, kalau kita AP pun, kita hendak minta supaya pegawai yang akan menguatkuasakan akta ini benar-benar memeriksa.

Saya baru dapat telefon Tuan Yang di-Pertua, mengatakan banyak barang-barangan ini kita masuk kurang mendapat pemeriksaan oleh pihak berkuasa. Kurang! Sekarang ini kita lihat, mana negara kita pergi, dia punya periksa bukan main ketat, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi mengapa negara kita boleh membenarkan lambakan barang-barang yang mana dalam negara kita mampu mengeluarkan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat bagi Jasin.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Ya, sila Yang Berhormat bagi Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat tolong jelaskan agensi yang memeriksa ini, siapa dia? Saya tidak berapa faham. Yang Berhormat tidak sebut agensi kerajaan yang memeriksa barang-barang ini siapa dia? Sebutlah.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Saya tidak berani sebut, Tuan Yang di-Pertua. Saya sampai ke peringkat seolah-olah saya ini sedang mengata Kastam atau bermusuh dengan Kastam. Tidak. Saya hanya hendak memastikan...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat bagi Jasin ini, dia di mana sahaja huruf 'K' akan menjadi musuh dia. Dulu kas-kas. *[Ketawa]* Ini Kastam pula.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Hanya sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, kita hendak minta apa saja kementerian dan juga badan-badan penguat kuasa ini kena buka sikit minda mengikut daripada peraturan. Kalau hari ini kita mengatakan, kita sudah putuskan bahawa kita hendak mengikut dari segi perjanjian WTO, jadi pegawai pelaksana pun kena ikutlah. Mengikut perjanjian WTO apabila barang-barang diimport, kita harus menghormati apa yang diikrarkan melalui borang. Jadi kita kena ikutlah. Ini tidak. Kadangkala apabila barang diikrarkan sepatutnya kita kena percaya kepada barang yang diikrarkan mengikut invois daripada luar negara, tetapi pihak berkuasa masih lagi tidak mempercayai benda yang telah diikrarkan mengikut borang dan mengikut apa yang telah dipersetujui dalam WTO. Ini yang pelik.

Satu lagi, saya minta buka minda sikit tentang apa yang dinyatakan daripada pembangkang tadi, Yang Berhormat bagi Tanjong. Di Singapura, untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini diwujudkan satu pelabuhan khas di Pasir Panjang yang dilarang oleh kerajaan Singapura hanya empat perkara:

- (i) dadah;

- (ii) senjata api;
- (iii) *human* - manusia; dan
- (iv) rokok.

Ini pantang dia. Yang lain kau masuklah.

Jadi, apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Jerai rambutan Malaysia, yang sebenarnya banyak rambutan Indonesia. Dia di sana dia tidak kisah, kau masuklah. Bukan kata dia tidak ada kelapa sawit tetapi dia berdagang kelapa sawit. Pernah saya dedahkan bahawa di sana satu hutan balak pun tidak ada, tetapi dia menjadi pedagang kayu balak. Dia boleh mengeluarkan segala sijil-sijil yang diperlukan di peringkat antarabangsa, sama ada sijil "Phyto" ataupun sijil "CITES" yang diperlukan untuk kayu ramin.

Di sini, baru bawa besar sikit sudah heboh, Ahli Parlimen Jasin menjadi penyeludup, Ahli Parlimen Jasin itulah, ini.. Walhal saya jadi agen saja, Tuan Yang di-Pertua. Jadi agen saja, bukan saya pergi import.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Sikit-sikit cari makan pun tidak boleh, ya? Eh, eh, eh.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Baru - dan kita hendak menyelamatkan industri kayu dalam negara kita pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana industri kayu kita ada 300,000 orang yang cari makan dalam industri kayu dan industri kayu dapat kita eksport di luar negara satu tahun sampai 6 hingga 7 bilion.

Tapi, Tuan Yang di-Pertua, barulah MP Jasin hendak berniaga sikit, dapat pun kata orang Kedah 'terchuit', oh, parti pembangkang PAS sudah lukis MP Jasin macam lanun, Tuan Yang di-Pertua. Macam *pirate*. Dia sudah buat, dia sudah heboh MP Jasin satu Malaysia.

Kita kena buka minda ini. Kita kena buka dengan peredaran masa pada hari ini.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat, ada syarikat menyeludup beras, beratus-ratus tan. Awat dia tak bubuh muka *pirate* pun dekat CEO *company* itu, ataupun *chairman company* itu? [Ketawa] Ini berlaku Tuan Yang di-Pertua. Betul tak?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Tak apalah, biarlah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Beras, yang telah diberi import permit, tapi diseludupkan. Jadi, yang ini kena ada ketelusan, keadilan dan...

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Bukan itu sahaja Yang Berhormat bagi Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya, ya, ya.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Bukan kata diseludupkan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tak, saya bukan nak jadi batu api, cuma kena durian, dia *hot*. [Ketawa] Terima kasih.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Dulu pernah berlaku, beras *transshipment*, *transshipment* daripada Vietnam untuk dieksport semula ke Indonesia, *transshipment* di Pelabuhan Klang. Sepatutnya beras itu hanya tukar kapal sahaja, sebagaimana dalam akta ini. Itu pun

depa 'songlap' masuk ke dalam negara kita dan dia dapat untung yang besar. Walhal beras itu daripada Vietnam, *transshipment* di Port Klang untuk hantar ke Indonesia. Itu pun,... [Disampuk] Tapi saya tak berani cakap. Ha, kerana saya cakap banyak nanti, orang kata saya bermusuh lagi dengan kastam.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya sambung lagi ucapan saya, saya ucapkan selamat datang kepada Puteri UMNO Bahagian Padang Rengas, Perak. Ini pasal Menteri Parlimen punya Puteri Tuan Yang di-Pertua, saya kena cakap Tuan Yang di-Pertua.

Yang ini, yang jadi masalah kita Tuan Yang di-Pertua. Itu boleh ada banyak rang undang-undang. Masuk dalam Parlimen, insya-Allah, kita akan luluskan. Tetapi pelaksanaan rang undang-undang ini yang harus kita titik beratkan. Yang harus kita titik beratkan untuk menjaga industri dalam negara kita, banyak dah, kita Malaysia ini dah mampu mengeluarkan apa sahaja barang. Ini Tuan Yang di-Pertua, ini tentang gula ini, tentang gula.

Saya minta maaf dengan MITI. Kita dah tahu dah dalam negara kita ini, *shortage* gula dan saya minta kerajaan fikirkan, masalah barangan kegunaan di dalam negara ini, janganlah MITI nak pegang semua. Sepatutnya pergi kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, soal gula ini. Jadi kita tahu situasi dalam negara. Kita dok gaduh-gaduh gula tak cukup dalam negara, dan untuk makluman Dewan ini, sampai hari ini Tuan Yang di-Pertua, banyak gula kita dieksport ke Indonesia dan ke negara-negara lain. Yang kita nak makan pun tak cukup ini, tetapi masih ada dieksport. [Disampuk] MITI masih mengeluarkan, ini bukan kastam. Ini MITI masih mengeluarkan, masih mengeluarkan AP-AP. [Disampuk] Masih mengeluarkan AP-AP eksport gula kita.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat bagi Jasin.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ini soalan cukup baik. Saya ajukan cukup baik.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Selindung!! Yes..

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya ajukan soalan ini, kepada Yang Berhormat bagi Jasin, kemudian *transfer* kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Ya, ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Boleh tak, Yang Berhormat bagi Jasin tanya Timbalan Menteri Perdagangan, berapa jenis AP yang kementerian ini dok pegang? Kita pun nak tau, AP besi, AP apa semua ini? Tapi dia dok P, P, P, A tak dak ini, macam mana? Jadi kita nak tau, kalau boleh melalui Jasin, tanya balik Menteri ini, suruh Menteri jawab berapa AP yang kementerian dok pegang. Kalau boleh, ada sikit masa lebih, tanya siapa dia pemegang-pemegang AP ini? Untuk kita perjelaskan. Sebagai wakil rakyat, kita meluluskan rang undang-undang, tetapi kita tak tau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, balik kepada tajuk.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Balik kepada tajuk Tuan Yang di-Pertua. [*Dewan riuh Ketawa*] Itu soalan saya, Terima kasih.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya kena jawab sikit Tuan Yang di-Pertua. Masalah AP, kalau kita nak cakap, dua hari, dua malam tak habis senarai dia. Ribu barang, dan bukan sahaja MITI yang mengeluarkan AP-AP ini. Ada lain-lain kementerian yang juga mengeluarkan AP ini. Contoh, sebagai FAMA, FAMA dia mengeluarkan AP. Kubis AP, sayur AP, tomato, itu FAMA. Jasin ada AP. Ribu saya ada AP. Tapi AP saya Tuan Yang di-Pertua, AP bawa kayu bakau. Kayu bakau untuk *piling*, RM2.00 sebatangnya, saya ada dekat RM50,000 satu bulan. Kalau tengok kereta, kaya. Tetapi AP kayu bakau, RM2.00 sebatang, chek!!

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** RM2.00, untung berapa duit sebatang?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Sekupang!! [*Ketawa*] Sekupang!! Ha, ini yang heboh ini!! Heboh tu lah!! Yang untung sekupang ini!! Jadi, kita minta Tuan Yang di-Pertua, tentang kita nak jaga ini. AP ini tak boleh dijaga semua oleh MITI. Pening kepala MITI. Jadi yang sepatutnya sekarang ini, dia dah pindah-pindah sayur, FAMA dah jaga, kayu, MTIB dah jaga. Jadi macam gula ini, gula, gula. Gula ini keperluan dalam negara, seharusnya AP untuk eksport ke negara-negara ketiga, tak payahlah MITI pegang, bagilah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, supaya kita tahu keperluan kita, pengeluaran kita, penggunaan kita, jadi kita boleh kawal. Hari ini, kalau nak cakap Tuan Yang di-Pertua, apabila saya bercakap ini, mungkin orang MITI akan menjawab, "Kita tidak mengeluarkan AP untuk eksport gula ke Indonesia". Tetapi, dalam praktis pada hari ini, apa AP yang ada ialah gula kepada Timor Timur. Tetapi, AP Timor Timur ini juga digunakan untuk eksport ke Indonesia kerana harga gula di Indonesia pada hari ini lebih daripada RM2.00 satu kilo. Gula dekat Malaysia pada hari ini, jualan runcit baru RM1.40 sen. Banyak di antara peniaga-peniaga kita pada hari ini mengambil kesempatan untuk mencari untung yang cepat untuk mengeksport gula-gula ke Indonesia.

Balik kepada akta ini Tuan Yang di-Pertua, saya berharap, saya berharap, MITI terpaksa menjalankan satu *survey* yang cukup untuk memastikan bahawa barang-barang yang kita dah buat, barang-barang yang kita boleh mampu keluarkan, kita harus ada akta ini untuk melindungi supaya kita tak nakkan lambakan-lambakan daripada luar yang datang ke negara kita, yang akibatkannya industri-industri yang kita telah wujudkan ini, akan besok, akan mati. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik. Kuala Terengganu. Ini Yang Berhormat, ini bil tidak berkaitan dengan '*return on investment*'.

**3.17 ptg.**

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** [Ketawa] Terima kasih. Perdagangan dan juga Rang Undang-undang Pelindung 2006 ini, rang undang-undang ini mempunyai lapan bahagian dan saya melihat rang undang-undang begitu penting sekali dalam usaha kita membina daya saing, dalam usaha kita menyelamatkan negara terutamanya dari segi business, perdagangan daripada kemudaratan yang serius. Dengan izin, yang disebut di dalam Akta ini 'serious injury', dan saya nak tanya juga tentang istilah 'serious injury' ini? Setakat manakah kita dapat istilahkan dan meletakkan tanda aras seriusnya 'injury' itu? Jadi ini adalah satu persoalan yang saya kira sangat subjektif, dan sejauh manakah kementerian dapat menghuraikan dari segi maksud kemudaratan yang serius akibat daripada peningkatan barangan yang diimport ke negara kita?

Tujuan Rang Undang-undang Pelindung 2006 ini, saya lihat dua perkara yang utama. Yang pertama ialah untuk membuat peruntukan bagi penyiasatan dan perlindungan kepada keluaran yang diimport ke Malaysia dan melindungi industri dalam negeri. Seandainya ini tidak dilakukan, mungkin dia akan memberi implikasi-implikasi yang serius. Mungkin akan membawa kepada satu keadaan yang disebut sebagai sindrom *global hegemony*, yang boleh mengakibatkan keadaan perdagangan kita ini dibolot oleh beberapa kuasa yang begitu hebat ataupun disebut juga dalam istilah ekonominya sebagai "*oligopoly*", yang membawa maksud bahawa beberapa agen-agen ataupun beberapa pihak yang cukup berpengaruh menguasai segala agenda dan kegiatan ekonomi itu. Maka dalam konteks ini, perlu sekali kita mengadakan rang undang-undang ini untuk memastikan perlindungan kepada keluaran yang diimport ke Malaysia dan melindungi industri dalam negeri agar tidak berlaku lambakan, agar kita dapat *safeguard* dengan izin, memperlindungan segala aktiviti perdagangan dan industri dan juga barang-barang tempatan dan juga untuk menyelamatkan SME ataupun syarikat-syarikat kecil yang berurus niaga dalam bidang-bidang yang telah disebutkan itu.

Tujuan yang kedua yang saya lihat daripada Rang Undang-undang Pelindung 2006 ini adalah langkah perlindungan adalah dalam bentuk peningkatan takrif atau sekatan kuantitatif. Ini adalah merupakan strategik dan mekanisme yang akan digunakan di bawah Rang Undang-undang Pelindung ini iaitu membentuk dan menyediakan satu peningkatan takrif. Dalam konteks ini saya perlu penjelasan tentang sejauh manakah peningkatan takrif ini, apakah maksudnya dan sekadar apakah kadar takrif yang akan ditentukan supaya ia pula tidak bertentangan dengan GATT yang telah digubal yang Malaysia sendiri terlibat sama dan juga dengan akta-akta WTO itu. Yang keduanya ialah dari segi sekatan kuantitatif iaitu dari segi jumlah barangan yang akan diimport di bawah masuk oleh negara luar ke Malaysia ini.

Ini adalah merupakan perkara-perkara yang saya kira cukup penting dalam Rang Undang-undang Pelindung 2006 ini. Rang Undang-undang Pelindung 2006 ini juga adalah merupakan satu mekanisme yang baik yang saya lihat untuk membolehkan penyiasatan dilakukan. Maka di sini juga saya perlu penjelasan tentang penyiasatan ini. Siapakah yang

bertanggungjawab untuk melakukan penyiasatan ini? Agen-agen manakah yang terlibat yang boleh melakukan penyiasatan ini yang sah yang boleh dipercayai dan yang boleh kita terima pakai yang dilakukan dan untuk menentukan langkah-langkah untuk melindungi industri dalam negeri daripada kemudaratannya yang serius. Saya beri beberapa contoh di sini.

laitu yang pertamanya contoh yang pertama ialah peningkatan bilangan kereta import seperti mana yang telah disebutkan oleh rakan-rakan yang terdahulu yang masuk ke Malaysia dengan harga yang lebih murah yang akan menjejaskan industri kereta tempatan kerana ramai di antara pelanggan-pelanggan tempatan kita akan membeli kereta-kereta import itu. Kalau sekiranya berlaku lambakan yang secara berleluasa masuk ke tempat kita dan ini akan terus dengan secara langsungnya akan menjejaskan industri kereta tempatan. Jadi langkah-langkah dalam Rang Undang-undang Pelindung ini saya kira begitu baik sekali. Tetapi jangan pula dengan Undang-undang Pelindung yang ada ini menyebabkan segala kegiatan industri, kegiatan-kegiatan *servis* di Malaysia ini berada dalam satu zon yang disebut sebagai *the comfort zone* ataupun zon selesa.

Kerana kita tidak dapat menolak hakikat bahawa kita perlu berdaya saing, kita perlu bergerak ke hadapan menyaingi pelbagai macam ancaman dan juga perniagaan yang sedang berlangsung dalam dunia hari ini. Oleh hal yang demikian, daya saing itu penting. Bukan sahaja kita perlu berdaya saing barangkali kita melimpasi ruang daya saing itu. Malah sudah banyak buku-buku yang bercakap tentang *beyond competition, capitiation* yang mengajak kita memikirkan bagaimana kita cuba melewati persaingan itu memikirkan secara proaktif untuk kita sentiasa berada di hadapan, maka dalam konteks saya kira ada kesan-kesan yang negatif kalau sekiranya perlindungan yang diberi itu terlalu sangat menyebabkan kita bergantung kepada Akta Pelindungan itu menjadikan kita kurang daya saingnya menjadikan kita berada dalam kepompong *the comfort zone* yang kita harapkan sekarang ini. Kita bergerak tangkas ke hadapan menghadapi daya saing.

Contoh yang kedua yang boleh saya beri dalam perlindungan ini adalah peningkatan pengimportan daging contohnya. Daging yang lebih murah daripada negara asing contohnya daripada China misalnya akan menjejaskan penjual daging di negara ini. Ini adalah merupakan perkara-perkara-perkara yang saya kira akan mengguna pakai Undang-undang Pelindung 2006 ini. Perkara yang kedua yang ingin saya sentuh di sini adalah, sekiranya penyiasatan mendapati peningkatan import telah menyebabkan atau mengancam untuk menyebabkan kemudaratannya yang serius kepada sesuatu industri di dalam negeri, bagaimana pula langkah-langkah perlindungan itu dilakukan dan apakah langkah-langkah yang muktamad yang boleh dilakukan untuk memastikan kita terselamat daripada lambakan bahan-bahan ataupun produk-produk dari luar itu.

Seterusnya Kata Undang-undang Pelindung 2006 akan diguna pakai bertepatan dengan obligasi dan tanggungjawab Malaysia di bawah Perjanjian Pertubuhan Perdagangan Dunia WTO

1994. Walaupun menggalakkan perdagangan bebas, pengecualian dibenarkan. Saya kira akta ini juga bertepatan dan sesuai dipakai dengan akta-akta yang disebut sebagai *agreement on safe guards* yang diguna pakai sebagai *the principal of GATT 1994* yang membolehkan kita mengguna pakai undang-undang pelindung seperti mana yang akan kita luluskan dalam Dewan Parlimen yang mulia ini. Jadi ini adalah merupakan satu kelulusan yang membolehkan kita melaksanakan Rang Undang-undang ini.

Tetapi seperti mana yang telah saya sebut itu, beberapa perkara harus diambil fikir dan saya kira wajar Rang Undang-undang ini dibuat untuk kita menghindari daripada sindrom yang disebut sebagai *Global hegemony* supaya kita beralih kepada satu *Global Ethic* setidaknya dia dapat memberi satu keadaan keselamatan kepada kita daripada ancaman *global hegemony* itu supaya kita juga dapat mengamalkan etika-etika tertentu dan memberi ruang-ruang kemajuan dan membolehkan syarikat-syarikat tempatan kita bernafas. Kebanyakan negara lain termasuk negara-negara ASEAN pun sudah ada akta yang melindungi industri tempatan mereka daripada peningkatan import ini. Maka sudah sampai saya kira, masanya bagi Malaysia untuk mempunyai akta yang sama.

Saya ingin sebut di sini beberapa persoalan yang berkaitan dengan Rang Undang-undang ini. Yang pertamanya, yang telah saya sebut tadi, ialah kemudahan yang serius. Apakah indikator-indikatornya, apakah petunjuk-petunjuk dan penanda aras dan perlu dijelaskan dengan terperinci dalam peraturan akta supaya pelaksanaannya dapat dijalankan dengan efisien dan difahami oleh semua orang. Ini saya kira perlu diperjelaskan dan saya kira Yang Berhormat Menteri yang berkaitan boleh menerangkan tentang indikator-indikator petunjuk-petunjuk penanda aras supaya pelaksanaannya tidak pula berada dalam keadaan keraguan. Yang keduanya ialah tentang penyiasatan.

Bilakah penyiasatan tentang kesan peningkatan import ataupun ancaman tentang kemudahan dilakukan, bilakah? Sekiranya barangan yang diimport itu telah berada di pasaran kita, di negara ini penyiasatan akan dijalankan mungkin akan mengambil masa. Jadi bilakah soalnya penyiasatan ini akan diambil dan akan dibuat? Satu lagi adalah tentang kuasa dan penguatkuasaan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab adalah yang melakukan penyiasatan ini sendiri, penguatkuasaan ini. Banyak akta yang kita pinda di Dewan Parlimen yang mulia ini yang hanya tinggal pada kertas, tetapi dari segi pelaksanaannya, penguatkuasaannya, orang-orangnya, personel-personel yang perlu ada untuk memastikan ianya benar-benar dapat beroperasi dan perkara yang ketiga ialah perlindungan yang diberikan kepada industri tempatan kemungkinan tidak menggalakkan persaingan yang sihat. Ini adalah merupakan satu perkara yang telah saya sebut tadi.

Apakah ikhtiar kita untuk memastikan daya saing kita terus meningkat seperti mana yang telah saya sebut dalam ucapan penangguhan tempoh hari, keadaan daya saing Malaysia sekarang menurut penilai antarabangsa ialah pada kedudukan yang agak lebih baik daripada

tahun lalu. Yang ini dalam laporan tahunan daya saing dunia pada 2006 yang terkini yang diterbitkan di peringkat International Institute Management Development World Competitiveness yang berpangkalan di *Switzealand* mencatat bahawa Malaysia sekarang ini berada di kedudukan ke-23 daripada 61 buah negara yang dinilai oleh The Institute of Management Development yang berpangkalan di *Switzerland* itu.

Yang penting di sini ialah sejauh manakah Akta Perlindungan ini memberi ruang kepada kita untuk terus mempertingkatkan daya saing kita dengan cara yang sihat. Sekian terima kasih dan saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Jerai.

### 3.29 ptg.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya tidak cakap panjang cuma hendak mencapai sedikit sebanyak pandangan rakyat di bawah dan saya menyokong Rang Undang-undang Perlindungan 2006. sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, sampai bilakah negara kita ini bergantung kepada import dan hari ini kita dapat lihat bahawa kita bersaing bukan sedikit kuat dengan negara-negara seperti China dan India dan walaupun eksport kita meningkat tetapi ia tidak akan terjamin daripada jangka masa yang akan datang. Saya bersetuju, tetapi kita juga kena melihat. Sekarang ini rakyat tempatan sendiri merasakan bahawa menjadi pengilang itu tidak akan dapat menjamin keuntungan dan juga kekalan perniagaan mereka kerana disebabkan oleh kos yang telah meningkat dan eksport kita yang berkurangan kerana kita terpaksa bersaing dengan negara-negara yang kos *production* mereka lebih rendah dengan kita.

Walaupun tidak dinafikan kita memberi berbagai-bagai insentif kepada pengilang-pengilang ini. Dan kita dapat lihat hari ini banyak syarikat-syarikat luar negara yang melabur di negara kita ini sedikit demi sedikit telah mula berpindah. Jadi bermaknanya Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat tempatan yang mengeluarkan apa jua jenis barang-barang harus kita kawal dan kita jaga. Kita bagi kelebihan-kelebihan ini kepada mereka kerana ia bukan sekadar untuk memasarkan dalam negara tetapi juga eksport. Tetapi juga memberi peluang pekerjaan kepada rakyat kita. Peluang pekerjaan kepada pelajar-pelajar kita yang meninggalkan universiti dan sebagainya.

Yang keduanya, kita menggunakan bahan-bahan tempatan dan sebagainya harus diberi perlindungan. Dan juga Tuan Yang di-Pertua, kita lihat hari ini, jangan tengok banyak Tuan Yang di-Pertua, kedai RM2 ini cukuplah, berterabur di negara kita. Pergilah lorong mana pun, RM2 *only, 2 dollars only*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Tak ini, saya nak cerita ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ucapan Yang Berhormat macam perbahasan terhadap Titah Ucapan ataupun ucapan Bajet.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya, dah *style*, ini *style* saya Tuan Yang di-Pertua, saya nak ubah pun kekoklah sikit. Tak apa, saya cuba, saya cuba Tuan Yang di-Pertua. Atas nasihat Tuan Yang di-Pertua, saya cuba dan tak lari ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya lah, masuk kepada Akta.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya lah, tak lari, ini kerana nak mengupaskan apabila kita melihat. Saya banyak membaca, melihat dan mendengar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau saya di luar macam Yang Berhormat, perbahasan terhadap Titah Ucapan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Okey, saya balik, saya balik Tuan Yang di-Pertua. AFTA ke, *before* ke, ataupun WTO ke, apa O pun Tuan Yang di-Pertua, apa pun jangan kiralah, ini semua barat cipta kan benda ini Tuan Yang di-Pertua untuk mengawal kita. Negara dia sendiri tengoklah macam mana, ini untuk mengawal dan mengikat kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ambil kesempatan suarakan masalah rakyat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya Tuan Yang di-Pertua, nama saya pun wakil rakyat, *exco*. Jadi kalau saya jawab, bukan suara saya, suara rakyat. Kesilapan saya penyampaian tapi suara daripada rakyat. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya berharap contohnya saya bersetuju, kita lihat industri motor kereta. Nak dibandingkan kita dengan Jepun, nak dibandingkan kita dengan Amerika, nak dibandingkan kita dengan Korea. Berpuluh-puluh tahun mereka wujud, hari ini barulah mereka bertapak dalam pasaran dunia. Kereta Jepun ini, Toyota, orang kata beli buat apa kereta Jepun, tin Milo. Sampai macam tu, tapi tak apa Jepun dia tak kira, tin Milo ke, tin apa ke, dia masuk-masuk. Hari ini Toyota Tuan Yang di-Pertua, cuba Tuan Yang di-Pertua tengok. Lexus, tak Lexus lah, laksup apa semua, masuk mai. Cuba Tuan Yang di-Pertua fikir tengok.

Kita baru berapa tahun industri kita. Jadi kita kena kasih dan sayangkan. Mana ada rakyat Malaysia dulu yang reti bawa kereta Tuan Yang di-Pertua. Tak reti bawa kereta, pasal apa? Tak ada industri itu, la ni di Gurun kawasan Parlimen saya Tuan Yang di-Pertua. Industri motor kereta, Naza Kia terbesar indah, yang buat kerja orang kampung sahaja. Mai pasang kereta, pasang tayar dan sebagainya. Saya tengok saya berasa "*ish, besarlah, baguslah*". Orang kampung boleh pi kerja dalam industri kereta. Jadi kita kena ingat sampingan dia, masa depan panjangnya pekerja-pekerja. Teknologi yang kita dapat daripada ini semua.

Kalau ini tidak boleh kita lindungi dan kita tidak cemburui maka kita nak bersaing dengan gergasi, sudah tentulah dia lebih banyak. Bagi mereka *nothing*, dia tengok Proton tu, *just like nothing* Tuan Yang di-Pertua, tak ada apa-apalah. [*bercakap bahasa Hokkien*], orang Hokkien

kata, maksudnya tak ada apa-apalah. *Very small, what is Proton?* Tapi bagi kita Tuan Yang di-Pertua, saya pakai Proton walaupun kadang-kadang *gear box jammed*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Anak saya pakai Proton walaupun malam hujan, pagi-pagi buka, saya ingat air tangki, rupa-rupanya *boot* pun ada air juga. Tak apa, tak apa, kita sabar terima, ini kereta buatan Malaysia. Perlahan-perlahan kita *improve* dia punya kualiti, tapi jangan terlalu perlahan. Kalau terlalu perlahan, kita tukar pengurusan, kita letak pengurusan yang mengikut edaran masa. Kalau kereta Jepun masuk model yang baru, kita ini dok mekap saja. Muka-muka tu Tuan Yang di-Pertua, cuma dia tarik kening naik sikit, dia buh gincu lebih sikit, depa tajam hidung sikit, Wira juga. Dah 10-15 tahun, dekat 20 tahun.

Dan kita tengok Proton Saga Tuan Yang di-Pertua, mula-mula Proton Saga dilancarkan. Sampai hari ini Tuan Yang di-Pertua, Proton Saga dok ada atas jalan. Kualiti dia, kerana pada masa itu kita bersama dengan Mitsubishi kalau tak silap saya, *am I right?*

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Betul.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Mitsubishi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sekarang bukan 'Rang Undang-undang Automatif'.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Nak lindung Tuan Yang di-Pertua, lindung. Ini kes 'Lindung 2006' Tuan Yang di-Pertua bukan kes main-main. Tapi cara saya mungkin bukan antarabangsa, saya wakil rakyat kampung. Menteri Perdagangan tak apalah, hari-hari pi luar negeri, memang cara dia bercakap antarabangsa. Saya mana nak pi, tak apa itu tok sah kiralah, depa pi bawa balik berniaga tak apa, saya tak marah. Tak apa, tak bawa pun tak apa Tuan Yang di-Pertua, kalau bawa baguslah. Taklah banyak karenah sangat dalam Dewan Rakyat kan, tapi dah tak bawa.

Jadi Tuan Yang di-Pertua kita kena tengok, teknologi ini bukan senang. Kita kena sokong, kita sebagai rakyat Malaysia, pegawai kerajaan termasuk Menteri, walaupun ini undang-undang antarabangsa yang dikemukakan oleh barat untuk menguasai ekonomi dunia, untuk memerintah dunia, kita kena faham. Kalau depa WTO, kita pun WTO, depa AFTA, kita pun AFTA. Depa GATT, kita pun GATT. Lama-lama kita makan ubat gegat Tuan Yang di-Pertua, main dengan barat ni. Sebab itu macam mana China, dia tak peduli. Dia bawa keluar, dia tak peduli apa dunia nak kata, dia bawa keluar sampai Amerika pun naik takut. Jepun, sampai daging depa Tuan Yang di-Pertua, Jepun tak mahu makan daging Amerika. Terpaksa Presiden Bush dengan Perdana Menteri Jepun berbaik-baik potong daging tunjuk kata daging ini okey. Tapi kita tak ada *power* itu semua Tuan Yang di-Pertua. Sebab itulah saya nak minta perlindungan barang-barang keluaran Malaysia ini Tuan Yang di-Pertua harus kita serius.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Ketereh.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Sila.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Saya tertarik Yang Berhormat kata kita tak ada *power*. Betul ke kita tak ada *power* atau sebenarnya kita tak nak guna kuasa yang ada pada kita? Atau kita tidak tahu dalam perundingan? Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** *Well* dalam perundingan Tuan Yang di-Pertua, *our minister is a strong lady* dengan izin. *Very strong, iron lady*, bukan *ironsides, iron lady. She herself is a very strong, all right that one no problem* Ketereh. *Power* kita kerana kita negara kecil, *production* kita hanya kalau untuk mengharapkan rakyat mengguna, maka kilang macam kereta Protonlah. Kalau harap rakyat Malaysia, dah lah kita kata semua rakyat Malaysia pakai kereta Proton pun tak cukup dari segi pengeluaran. Tapi kita dok bagi kereta lain masuk, AP sana, AP sini, nak salah siapa Tuan Yang di-Pertua? Nak mencipta empayar seseorang itu kaya dalam bidang ini, motor kereta dan sebagainya. Kita sanggup membankrapkan pengusaha-pengusaha dalam negara kita. Yang ini tak adil namanya Tuan Yang di-Pertua. Cuba kita hadkan, sila, ini hari Bukit Mertajam nampak banyak manis oo. Bukit Mertajam muka dia hari ini banyak manis, makan durian ke? *[Ketawa]*

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih, terima kasih. Yang Berhormat bagi Jerai mengatakan bahawa China tak peduli dengan apa-apa tapi China telah memohon untuk memasuki WTO, itu yang pertama. Yang kedua, yang tadi katakan untuk memperkayakan seseorang jadi korbannya yang ramai. Mungkin ini untuk melindungi seseorang itu, orang-orang tertentu itu. Ini pun mungkin adalah Akta Perlindungan diri sendiri. Adakah bersetuju?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Bukit Mertajam dia tak baca Akta ini. Akta ini melindungi industri dan sebagainya bukan seseorang. Itu lain cerita, itu saya pun tahu. Tapi saya tak boleh cakap kerana ini Akta dia tak sama, nanti Tuan Yang di-Pertua kata saya keluar, saya lari daripada Akta. Saya faham Yang Berhormat, *[bercakap bahasa Hokkien]*, dia makan seorang, tak bagi orang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa itu?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Orang Hokkien... *[Bercakap dalam bahasa Hokkien]* ..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya pun tak faham... *[Ketawa]*.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Berjalan masuk ke dalam Dewan]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** ...*[Ketawa]* Aya, ini nyonya sudah masuk, banyak garang punya nyonya... *[Ketawa]* Seputeh, ooh!

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, China betul dia nak masuk, tapi China sendiri kita kena ingat Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, dia punya *population* berapa bilion? Dia keluar satu barang pun Tuan Yang di-Pertua, dia punya rakyat banyak. Sebab itulah China dia boleh *barter trade* dengan mana-mana negara dunia. Dia buat *barter trade* dengan Thailand.

Thailand beli barang daripada China. Thailand hanya bayar dengan buah longan Tuan Yang di-Pertua. Dia punya *trade* dengan longan. Macam kita buat *trade* dengan kelapa sawit. Kerana apa? Kerana longan dia masuk pe China hilang macam tu saja, fasal rakyatnya banyak, pasaran dia banyak. Kita pasaran terhad. Jadi kita kena lindung.

Jadi saya harap dengan Akta Perlindungan ini mesti kita gunakan sebaik mungkin. Undang-undang dunia ini memang betul Tuan Yang di-Pertua, memang betul, Tuan Yang di-Pertua, *ruling* ya.... Yang Berhormat bagi Seputeh tidak menghormati Dewan apabila mengalihkan belakang daripada Tuan Yang di-Pertua..... *[Ketawa]*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat peraturan mesyuarat mana satu?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** ....*[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** 36 berapa entah..!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, baiklah. Yang Berhormat bagi Seputeh, balik kepada tempat awak.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai];** Ini Dewan...*[Ketawa]* Ini Dewan Tuan Yang di-Pertua, mana boleh dia tuding...

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Dia tongging belakang kat Tuan Yang di-Pertua, mana boleh....

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ini kita kena serius. Yang hak saya lawak, lawaklah tapi yang serius ini, kita ambil serius. Hak lawak tu saya nak supaya pegawai-pegawai jangan lena, catat elok-elok, ha! Bagi tahu kat Menteri. Timbalan Menteri pun beritahu kat Menteri no..., ini Menteri bercakap macam peluru. Entah-entah barang dok masuk macam peluru juga, nak bagi perlindungan tang mana. Jadi, saya pun faham. Kereta makin banyak.

Dulu Tuan Yang di-Pertua, kalau 10 biji kereta atas jalan, enam biji Proton, empat biji kereta import. La ni, 10 biji atas jalan, sembilan biji kereta import, sebiji kereta Malaysia. Boleh gagah balik *Perodua* naik pula lah. Boleh tahanlah. Jadi dapat tujuh biji..., Bukit Mertajam, betul tak?

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** *[Bangun]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ha ni, ni Bukit Bintang. Oooi! Yang Berhormat bagi Bukit Bintang ni tauke kereta...

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Minta penjelasan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ha.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Saya terkagum dengan ucapan Yang Berhormat bagi Jerai. Apa yang difahamkan, kereta import hanya 10 peratus dalam jumlah kereta pasaran tempatan. Ini satu angka yang tepat. Bukan sembilan kereta import, satu kereta tempatan, itu salah.

Yang kedua, adakah Yang Berhormat setuju bahawa walau pun Thailand salah satu negara yang dalam industri *automobile* ini yang hanya baru 10 tahun sahaja tetapi *production* mereka dalam tahun 2005 sudah mencapai satu juta unit. 45 peratus untuk eksport. Inilah satu yang menunjukkan, walau pun industri *automobile* di negara Thailand ini lambat dari kita, kita ada Proton 20 tahun sudah tapi berbanding dengan negara jiran ini, Thailand boleh dikatakan satu negara dalam industri *automobile* yang terbesar dalam rantau ASEAN. Adakah setuju atau tidak. Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Bukit Binatang, fasal dia pakar perdagangan perniagaan *automobile*. Tadi, Yang Berhormat kata tadi memanglah 10 peratus itu kereta baru, itu tak campur dengan kereta yang terpakai yang kita import, itu lain pula. Jadi, yang baru, yang import, yang *second hand*, yang tak *second hand* apa semua campur pe campur mai, dia jadi banyak. Haa!

Jadi, cuba kita tengok, tak apalah, 10 kah atau berapa persen pun..., apa Seputeh minta penjasankah? [*Memandang kepada Yang Berhormat bagi Seputeh*] Kalau tidak, kena duduk. Ha duduk....!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat nak minta penjasankah?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Dak, dia mahu... Kacau! Saya bukan boleh. Bila saya bercakap....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dia masuk..

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** ...Kena duduk..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** ..dia masuk, dia *pass* sini, dia *pass* sana....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ha ah! Pe sana, pe sini. Apa ini.... [*Ketawa*] Macam peribahasa kata, macam kucing nak beranak... [*Ketawa*]

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** [*Bangun*]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya, sila.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Terima kasih Yang Berhormat, penjelasan yang saya pohon ini mungkin sedikit kontroversi tapi saya tak tahu Yang Berhormat tahu atau tidak.

Saya banyak mendengar akhir-akhir ini mengatakan bahawa dalam perundingan kita dengan negara-negara luar terutama dalam soal *trade*, kita selalunya rugi. Sebagai satu contoh. Saya mendengar contoh ini diberi. Perjanjian kita dengan Jepun, membenarkan Jepun untuk mengimport sayur dan buah-buahan daripada Malaysia ke sana. Sebagai balasan kita membenarkan kereta-kereta Jepun masuk ke Malaysia tanpa cukai. Antara sayur dan buah-buahan dibandingkan dengan kereta Jepun.

Secara umumnya kita lihat kita rugi. Saya tidak tahu di mana ada kewajaran, itu contoh yang pertama. Ertinya dalam perundingan ini, kita tidak kemas dan tidak bersedia. Buah-buah kita pula sebenarnya dalam negeri pun tak cukup kecuali durian. Itu pun bermusim itu yang pertama.

Yang kedua, contoh yang diberi ialah perundingan kita dengan Singapura soal air. Pegawai-pegawai kita, kerajaan kita berunding menjual air dengan Singapura sebanyak tiga sen untuk 1,000 gelen. Bila? Tahun 1927! Mungkin semasa tahun 1927 itu sudah terlalu bijak, sebab tiga sen pada tahun 1927 adalah cukup besar. Tetapi, harga tiga sen itu masih kekal sehingga sekarang. Sekali lagi kita menerima dilema ini.

Yang ketiga, saya difahamkan ada perjanjian-perjanjian yang kita buat. Saya mendengar sahaja, saya tidak dapat bertanya, kepada siapa saya nak minta penjelasan Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat tak boleh bagi, kita minta penjelasan dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Misalnya dalam soal kita membeli kapal laut atau *frigate* daripada British pada suatu ketika dahulu. British menjanjikan akan memberikan kapal ini dalam masa dua tahun. Sekiranya dalam perjanjian ini British tidak berjaya menghantar dalam masa dua tahun, tidak harus melebihi enam bulan dan sekiranya lebih antara dua tahun ke enam bulan maka Kerajaan British dikenakan bayaran *compensation*. Tetapi, British melihat perjanjian tersebut, gagal menghantarnya dalam masa dua tahun, dia tidak menghantar dalam masa enam bulan kemudian tetapi dihantarnya dua tahun campur dua tahun kemudian. Mereka tidak perlu membayar *compensation*. Sebab? Dalam perjanjian itu hanya kata enam bulan.

So banyak lagi perjanjian-perjanjian yang saya tahu dan masyarakat tahu berlaku begini. Apa pandangan Yang Berhormat. Kalau beginilah kedudukan kita, kita akan menandatangani perjanjian dengan negara yang memang ingin menakluki kita dari segi *trade* dan *commerce* ini, akhirnya mungkin kita tertipu. Apakah pelindung yang kita pegang untuk mengatasi masalah ini. Mohon penjelasan Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh. Memang betul. Inilah perlindungan-pelindungan yang tidak tulus. Sebab itulah nak pergi *trade mission* pun bawalah Ahli Parlimen ni, kita tahu juga undang-undang walau pun kita tak erti... [Ketawa] Kita boleh nasihat juga, fasal kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, sebagai orang politik ini, kita pentingkan semua.

Kita boleh beri pandangan. Ada kah boleh berkira sayur dengan kereta? Sayur pun kita dok import, buah pun kita dok import. Tahu-tahu pe nak *trade* dengan Jepun dengan kereta. Depa kereta berlambak di negara depa. Buah apa kita nak hantar, cuba khabar kat saya? Masuk ke Jepun pula, Jepun pilih pisang tak mahu ada bintik hitamlah dan sebagainya. Takkan tak tahu Jepun? Kalau pisang tu nak yang kuning elok. Ada bintik hitam satu, dua pun *reject*. Dia *reject*

Tuan Yang di-Pertua. Durian pun tak mahu yang ada duri. Mana nak cari durian tak ada duri...  
[Ketawa].

Dia macam-macam lah, tapi kereta dia, dia masuk. Inilah, *the agreement itself is lopsided*. Maknanya kalau Menteri pe bersetuju dengan itu, Menteri bertanggungjawab di Dewan Rakyat ini, dia kena jawab kepada kita. Ketereh, kan! Apa sudah jadi? Kalau kita meniaga kereta..., kereta tak apa juga. *Okay why not we deal with our Proton and their Mitsubishi*, dengan izin. Fasal apa kita nak *trade* dengan sayur?

Sayur pun kita import daripada Siam yang masuk ke mari menggunakan lori lalu di kawasan saya hari-hari beberapa *trailer*. Buah ke mari, buah siam, buah longan siam, buah durian siam, semua jenis buah dari siam masuk ke mari. Buah rambutan, rambutan siam. Apa, buah rambutan kita tidak elok kah? Cuba fikir Tuan Yang di-Pertua. Jadi benda macam ini, kita takut. Tadi macam Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam kata, mereka menunggu sahaja AFTA ini. Dia masuk kereta tidak payah pakai kapal dah, Tuan Yang di-Pertua. Dia turun ke sini melalui Bukit Kayu Hitam. Dia masuk ke dalam negara kita, masa itu macam mana kita hendak buat.

Mati Proton Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya minta dengan Proton pun kenalah buat perangai elok-elok, berniaga bagi elok-elok. CEO-CEO gajinya janganlah sampai berpuluh-puluh ribu. Ahli Parlimen pun gaji tidak sampai RM10,000 yang membuat dasar ini. Ini CEO-CEO GLC ini gaji sampai berpuluh-puluh ribu Tuan Yang di-Pertua. Besar daripada gaji Perdana Menteri. Perdana Menteri jaga Malaysia, mereka jaga syarikat. Mengapa besar sangat?

Pegawai kerajaan ini mengapa gaji sedikit, mengapa mereka besar? Kena khabarlah sama. Pasal gaji kena bagi sama rata, bukan? Kalau tidak, pegawai kerajaan dia tidak minit kita bercakap. Ini betul, cuba buka CEO mana yang gaji ada RM5,000 atau RM10,000 Tuan Yang di-Pertua? Pergilah cari! Kitalah Wakil Rakyat ini RM10,000 itu pun masuk elaun itu, elaun ini sahaja boleh RM10,000 cuba fikir. Tuan Yang di-Pertua, sandar elok, sandarlah Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat jangan libatkan sayalah Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yalah, saya hendak tolong Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cakap apa Yang Berhormat suka, cakap tetapi jangan libatkan saya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya pun hendak jaga taukelah. Berapa gaji? Insurans berapa? Wakil Rakyat naik kapal terbang ekonomi Tuan Yang di-Pertua. CEO naik *first class*, kita tengok kadang-kadang eh, lah rasa hendak menangis, sayu. Hendak lulus rang undang-undang kita, hendak sedap mereka. Mana boleh tahan? Bagilah rasa sedap seorang sedikit.

Ini Tuan Yang di-Pertua, jadi perlindungan untuk industri-industri dalam negara kita ini harus kita perketatkan, menteri kena faham. Yang hendak pergi mesyuarat menteri, yang hendak jawab timbalan menteri. Jadi, menteri putus cara lain, kita cadang cara lain, dah itu macam mana hendak jadi? Itu yang tukar sayur dengan kereta itu.

Kadang-kadang bukan hendak kata Tuan Yang di-Pertua, kalau tanya budak Tingkatan 5 pun dia kata, *it is very stupid decision* dengan izin, *how can you trade vegetables with cars?* Jadi, tidak tahulah. Yang Menteri kita pergi *sign* itu tidak bacakah itu sayur. Hak ini padanlah FAMA lah pergi kira, FAMA jaga sayur, jaga buah. Jadi saya berharap sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, kita ada empat industri kereta:

- (i) Proton;
- (ii) Perodua;
- (iii) Naza; dan
- (iv) Inokom

Empat sudah. Yang beranak di Malaysia sebenarnya yang betul Proton. Kemudian menikah pula Perodua menikah dengan Jepun, kemudian menikah pula dengan Korea. Jadi yang menikah campur tiga, yang menikah betul di Malaysia satu. Jadi anak-anak yang keluar ini Tuan Yang di-Pertua, kena jagalah. Ini cara kampung cakap, dia kena jaga anak-anak ini semua. Jadi pegawai pun kalau hendak buat *agreement* apa semua ini khabar kepada menteri tanya sayur ke kereta ini? Buah ke kereta ini? Kalau Menteri pok pek-pok pek pun tak apalah. Pok pek pi lah. Menteri pun macam *machine gun* tak dan pegawai hendak cakap. Saya pun tahulah. Kita di Parlimen pun tak dan, tambahlah pegawai, lagi tak dan Tuan Yang di-Pertua. Tetapi tidak mengapalah orang kita, kita kena jaga.

Kalau menteri hendak jaga kedudukan macam itu, kita pun kena jaga benda yang kita jaga. Bermakna saya mintalah Tuan Yang di-Pertua akta ini, kalau akta ini tidak di *impose* sebaik-baiknya Tuan Yang di-Pertua, percayalah hari ini 5 hari bulan, lagi lima minit hendak pukul empat, kalau akta ini tidak dijaga sebaik mungkin setelah diluluskan oleh Dewan Rakyat, percayalah negara kita, ekonomi negara kita akan dijajah oleh Barat. Tetap akan dijajah oleh Barat kerana kita hendak tunjuk kita ini terlampau bagus, terlampau baik. Apa sahaja *mat saleh* kata, kita ikut.

Pak tani di kampung hendak minta subsidi sedikit pun berzaman hendak dapat. Hendak minta subsidi minyak, hendak buat tanam sayur, hendak tanam padi pun tidak dapat. Di Barat, dia bagi subsidi untuk petani berapa bilion? Bila hendak bagi sedikit pak tani yang duduk dalam kampung yang duduk tanam dalam panas hujan itu, hendak bagi rakyat makan sayur, hendak bagi makan beras, pun berkira sangat. Tak boleh bagi subsidi. Ini subsidi terlalu banyak sangat subsidi. Pergilah ke negara atau di Australia tengok macam mana dia orang beri subsidi pak tani. Pergi ke Amerika, pergi ke New Zealand, kerbau dia bagi subsidi Tuan Yang di-Pertua. Binatang pun dapat subsidi.

Di negara Barat saya biasa tengok dalam televisyen, saya tidak pergi. Bila tomato terlampau banyak, pasaran tidak ada mereka bawa bertan-tan, berlori-lori tomato, mereka punggah di hadapan Kementerian Pertanian itu, lari Menteri Pertanian. Dia suruh Menteri makan tomato itu. *[Ketawa]* Tomato jus, nah makan dia kata.

Tapi kita tak ada, pak tani kita Tuan Yang di-Pertua, baik-baik belaka. Semua kadang-kadang....

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Parit bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tuan Yang di-Pertua minta maaf kerana mereka pergi kempen, puak itu naik anginlah. Kita di sinilah kalau hendak marah pun, hendak tegur Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Parit bangun.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya, Yang Berhormat bagi Parit.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat nampaknya menyalahkan masyarakat negara luar atau negara asing. Tetapi saya juga bimbang Yang Berhormat bahawa yang mengimport ini adalah rakyat Malaysia sendiri. Yang menjadi kebimbangan saya Yang Berhormat ialah pengimport-pengimport akan memberi pelbagai alasan untuk mengimport barang-barang yang walaupun kita ada.

Mereka akan mengatakan barang kita tidak bermutu dan sebagainya. Jadi, ini pun satu masalah Yang Berhormat, yang harus kita tangani bersama. Sekiranya ini tidak dapat dikawal seperti mana Yang Berhormat kata tadi, undang-undang pelindung ini tinggal undang-undang sahaja kerana pengimport-pengimport yang mementingkan kewangan semata-mata yang tidak bersemangat patriotik akan terus menggunakan pelbagai alasan untuk mengimport barang-barang yang sepatutnya ada di negara kita. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Parit. Sebab itulah Yang Berhormat kita kata cintakan, sayangkan barang-barang buatan Malaysia. Sayangkan, cintakan barang-barang buatan Malaysia tetapi kita ini lebih kepada benda-benda import, kita berasa megah. Kadang-kadang kita pergi beli barang itu.... *tie* itu, tetapi kita hendak pakai *branded tie Dunhill*, RM300 lebih. Padahal saya punya *tie* pun tidak ada jenama. Tak adalah ini murah punyalah, kampung punya.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ini kucing mana ada pakai *tie*, orang sahaja yang pakai. *[Ketawa]*

Jadi Tuan Yang di-Pertua sekarang. Sekarang macam mana? *Supermarket* dan *hypermarket*, hendak bubuh barang buatan Malaysia pun jenuh kena minta. Kementerian kena pergi *interfere*. Menteri kena panggil, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Terkeluar daripada tajuk.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tidak, tidak, perlindungan Tuan Yang di-Pertua. Ini semua perlindungan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bukan, MITI, MITI

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sekarang kita ....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tidak, maknanya kita kasihan kepada kementerian ini. Gula benda yang kencing manis pun orang bising, lama-lama menteri kencing manis kerana gula. Jadi adakah patut syarikat-syarikat besar seperti *hypermarket* daripada Barat apa semua masuk ke Malaysia, mati habis kedai-kedai runcit kita di kampung. Mati habis kedai-kedai runcit kita dan dia masuk dalam negara kita dan kita pun pergi tolak *trolly*. Kita rasa cukup megah beli di *supermarket* TESCO dan apa lagi semua ini dia.

Kita berasa megah kerana *supermarket*. Barang-barang yang dia jual majoriti barang import. Hak Malaysia hendak pergi bubuh dia kata tidak boleh *shelf* sudah kotor dia tengok *trademark* kita. Benda ini pun kena lindung. Kena melindungi, kalau tidak macam manalah orang kita hendak buat industri kecil dan sederhana.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, itu perlindungan ada berlainan daripada akta yang kita bangkitkan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya, maksud tadi saya hendak jawab soalan Yang Berhormat Parit, nanti Yang Berhormat Parit kecil hati sebab saya tidak jawab dia Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Biar menteri jawablah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Menteri jawab, ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat belum sampai tahap itu.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tidak apa Yang Berhormat bagi Parit, menteri jawab. Saya beri sedikit pandanganlah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berbalik kepada .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tajuk!

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** ... Akta DR.12/2006 ini. iaitu – tukar *shift*, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bila ada akta itu?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak ada baca, ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Lepas makan durian tadi, Tuan Yang di-Pertua. [*Ketawa*] Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Baru lima minit, Tuan Yang di-Pertua saya bercakap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Saya ada masa di sini dicatat, Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yakah! Jadi, itulah Tuan Yang di-Pertua tadi saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Jasin. Gula AP Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri jaga. Hak yang dok 'kelupok' dalam negeri tidak ada, Kementerian Dalam Negeri, jadi ia tidak kesampaian maksudnya. Jadi, saya minta tadi Yang Berhormat supaya dalam jawapan Yang Berhormat tolong *list up* kepada saya AP-AP yang Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri pegang hari ini dan kita hendak tengok.

Kalau AP itu tidak menguntungkan negara dan rakyat kita, maka kita hentikanlah benda itu. Tutup buang. Yang mana menguntungkan, okey. Yang mana menguntungkan, tidak apa. Tetapi yang merugikan, kalau benda yang kita import ini untuk kemewahan, untuk keseronokan, untuk menunjuk dan bermegah-megah ini, kita *stopkan*. Walaupun kita bebas, orang kata *open market*, pasaran terbuka dan sebagainya, *free trade* dan sebagainya, kalau inilah yang kita pegang, bergayut kepada yang ini, maka akhirnya rakyat kita akan menganggur. Industri dalam negara kita akan tutup dan akhirnya kita bergantung kepada import. Yang ini yang kita takut.

Kita tengok Vietnam, negara yang telah berperang dahulu hancur lebur, hari ini bangun menjadi negara pengeluar industri elektronik dan sebagainya dan mereka sekarang sudah mendekati dan sedang hambat kita di belakang. Cambodia pun begitu juga, negara yang berperang dahulu, hari ini mereka telah berada di satu tahap yang cukup membimbangkan kita. Jadi, kita kena pagar negara kita, samalah kita bina sebuah rumah, rumah itu kena ada pagar yang kuat kalau tidak orang akan cerobohi rumah kita.

Dari segi industri pun begitu juga. Pihak MITI kena fikir macam mana kita hendak mengekalkan industri-industri luar dalam negara kita, dalam masa yang sama membantu industri-industri tempatan untuk bersaing dengan industri-industri luar. Jadi, Akta ini cukup baik. Kita gunakan Akta ini untuk melindungi industri-industri tempatan supaya mereka boleh menjadi pengeksport yang berjaya satu hari nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Tanah Merah.

**4.03 ptg.**

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian dalam membahaskan Rang undang-undang Pelindung bagi tahun 2006. Saya mendengar ucapan daripada sahabat-sahabat saya daripada Jasin, Jerai, Kuala Terengganu tentang rang undang-undang ini yang mana rata-rata memberi sokongan kepada rang undang-undang baru ditubuhkan bagi melindungi hak perdagangan dan juga kepentingan kepada barangan tempatan dalam negara kita dan yang paling penting sekali industri tempatan supaya tidak bersaing dengan barangan luar yang boleh mengakibatkan lumpuhnya ataupun *market* bagi pasaran tempatan dan juga luar negara.

Kalau kita tengok Akta ataupun Rang undang-undang Pelindung ini cukup baik sekali untuk mengawal supaya industri tempatan tidak mati, supaya tidak berkubur dan negara kita berpengalaman dalam keruntuhan. Contohnya, keruntuhan mata wang dan juga pasaran saham negara kita pada tahun 1997, yang mana oleh kerana kawalan ataupun Akta Pelindung kepada pasaran terbuka ini tidak ada ataupun tidak diketatkan maka satu serangan oleh mereka yang mempunyai niat tertentu mengakibatkan mata wang kita jatuh, pasaran kita jatuh.

Hari ini, negara dunia berlumba-lumba untuk menguasai pasaran, sama ada pasaran industri barangan, pasaran kewangan dunia dan juga bahan-bahan yang dikatakan bahan komoditi di dalam dunia kita ini. Dalam industri kenderaan, kita tahu negara kita juga pengeluar kereta, kita ada kereta nasional yang mana diberi kepada beberapa syarikat seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai tadi yang bertaraf kereta nasional, yang mana Proton merupakan industri kereta pertama negara kita.

Hari ini kita tengok ada krisis yang berlaku di dalam Proton disebabkan oleh pasaran, disebabkan olah AP-AP yang diluluskan, yang mana kereta import bersaing dengan kereta tempatan, yang mana boleh mengakibatkan pasaran kereta tempatan kita terjejas disebabkan oleh kawalan atau perlindungan kepada industri tempatan tidak dibuat secara yang lebih sesuai seperti rang undang-undang yang kita bahaskan pada hari ini.

Saya yakin industri kereta kita dapat bertahan dengan adanya Akta Pelindung ini dan sudah pasti negara kita juga boleh berorientasikan eksport bagi industri automotif yang ada di dalam negara kita kerana Akta ataupun rang undang-undang ini boleh memberi pelindung kepada industri di dalam negara kita. Hari ini barangan import memang diperlukan di dalam negara kita. Kita perlu juga kepada eksport sebagai tukaran kepada barangan import.

Kalau boleh negara kita mensasarkan perdagangan yang berorientasikan eksport tetapi kadang-kadang kemampuan negara kita untuk mengeluarkan barang-barang yang tidak ada mempunyai pasaran di dalam negara kita tidak mencukupi maka import barangan luar perlu dibuat dan kerajaan melalui kementerian seperti MITI mengeluarkan AP untuk mengimport barangan luar. Dengan Akta Pelindung ini, dengan rang undang-undang ini sudah pasti kerajaan boleh mengawal industri yang mana yang perlukan import, barangan mana yang perlu diimport,

kuantiti yang berapa banyak perlu diimport oleh pengimport-pengimport yang ada di dalam negara kita.

Jadi, Akta Pelindung kalau lihat rang undang-undang ini kita ada dua Akta Pelindungan iaitu fasal pelindung sementara dan juga fasal bagi pelindung muktamad. Jadi, kedua-dua ini adalah memberi kelonggaran kepada import barangan luar ke dalam negara kita. Di sini kita yakin MITI mempunyai kepakaran, mempunyai *research* tertentu, dengan izin, untuk memastikan barangan luar yang masuk ke dalam negara kita ini tidak bersaing dengan industri yang sudah ada di dalam negara kita yang mengeluarkan barang yang sama. Cuma kita faham bahawa kadang-kadang rakyat di dalam negara kita ini dia lebih suka menggunakan barangan yang diimport daripada luar negara berbanding dengan barangan tempatan yang dikeluarkan di dalam negara kita sendiri.

Saya cukup tertarik dengan isu yang dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Parlimen tentang *sources* yang ada di dalam negara kita tetapi negara kita tidak menjadi pengeksport terkemuka, pengeksport terbesar disebabkan oleh beberapa perkara yang tidak ada kepakaran di dalam negara kita.

Hari ini kita tengok Singapura, walaupun tidak ada sumber bahan mentah seperti yang dikatakan oleh sahabat saya tadi, tidak ada satu pun ladang kelapa sawit, tidak ada satu pun ladang getah di Singapura, tetapi kenapa Singapura ini boleh menjadi pengeksport kepada minyak sawit, dan getah asli di dalam dunia ini. Ini kita kena lihat dari segi kawalan perlindungan. Mengapakah ini berlaku kepada negara kita? Sedangkan perkara-perkara ini perlukan penelitian, perlindungan di bawah dasar-dasar kerajaan, dasar-dasar perdagangan yang telah memberi kawalan, yang telah dipersetujui sama ada kawalan bagi perdagangan negara ASEAN, AFTA, kawalan kepada perdagangan dunia WTO yang sudah pasti akan memberi satu garis panduan untuk kita sama-sama bersaing dalam dunia globalisasi yang mana memerlukan kepakaran dari segi perniagaan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya Yang Berhormat bagi Jerai tadi membangkitkan berkenaan dengan industri pasaran ataupun *hypermarket* di dalam negara kita. Kita tahu hari ini *hypermarket* tumbuh merata-rata di dalam negara kita dan sebenarnya, *hypermarket* ini adalah pesaing kepada kedai-kedai runcit. Bukannya dipanggil pesaing, sebenarnya ianya sebagai satu *store* yang menjual barang-barang yang sama dengan yang ada dijual di kedai-kedai runcit ataupun *mini market*.

Tetapi, kehadiran pasar raya ini kita kena lihat, berapa banyak kah industri IKS, barang-barang IKS yang dijual di pasar raya. Itu kita kena lihat. Kalaulah barangan import dijual di pasar raya, saya pasti ini tidak beri keuntungan kepada industri tempatan. Saya difahamkan, di pasar raya, *hypermarket* yang ada di dalam negara kita ini, lebih daripada 80% adalah barangan tempatan dan saya minta kepada kementerian menyiasat perkara ini, sama ada ini benar

ataupun tidak. Kepentingan Industri Kecil dan Sederhana negara perlu dibela supaya barangan industri dapat dipasarkan sama ada di dalam negara ataupun di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita juga tidak dapat lari daripada jualan langsung ataupun dengan izin, *direct selling* yang mana *direct selling* merupakan aktiviti jualan secara meluas, yang dijalankan secara berkumpulan, yang dijalankan ke kawasan-kawasan sama ada di bandar ataupun di luar bandar. Cuma yang kita kena lihat di sini sama ada barangan yang dijual akan memberi keuntungan kepada industri di dalam negara. Kita hendak barang yang dijual ini diimport 100% daripada luar. Sedangkan *sources* ataupun barangan berkenaan boleh didapati dengan mudah di dalam negara. Barangan berkenaan boleh dibuat di dalam negara kita. Bahkan, kualiti, khasiat barangan tempatan mungkin lebih baik daripada barangan yang diimport daripada luar negara.

Kita tahu industri ataupun jualan langsung ini berkembang begitu pesat di dalam negara kita. Macam-macam ada, sama ada secara senyap, sama ada secara terbuka. Ini bergantung kepada *market strategy* dengan izin, yang dibuat oleh syarikat yang menjalankan urusan niaga jualan langsung ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat dari sektor pembinaan, industri pembinaan negara kita, hari ini sebagai negara membangun, barangan pembinaan, keperluan kepada barangan untuk membina bangunan, jalan raya dan sebagainya, harganya makin meningkat. Harganya makin meningkat dari masa ke semasa. Perkara asas yang diperlukan dalam industri pembinaan, contohnya besi, simen, aluminium dan juga bitumen yang mana barangan ini diimport. Barangan ini diimport daripada luar negara. Kalau kita lihat dalam sektor pembinaan jalan raya, memerlukan bitumen untuk menghasilkan aspal ataupun tar untuk jalan raya.

Bahan bitumen ini cukup tinggi harganya. Harganya meningkat daripada dua tahun lepas. Saya ingat sekarang ini dua kali ganda. Kenapakah barangan ini tidak dihasilkan di dalam negara kita? Saya hendak tanya kementerian, apakah barangan bitumen ini tidak boleh dihasilkan di dalam negara kita. Sekarang ini negara kita beli bitumen daripada Singapura dengan harga RM1,500 lebih untuk satu *drum* ataupun satu tong bitumen. Kalau saya hendak bandingkan harga bitumen pada dua, tiga tahun lepas, saya ingat dalam RM600, RM700 satu tong dan harga ini meningkat dari masa ke semasa.

Apabila barangan asas bitumen ini meningkat, sudah pasti kos bagi pembinaan jalan raya, kos untuk menghasilkan tar ataupun *premix* menjadi tinggi, melambung dan mengakibatkan kerugian kepada kos pembinaan di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita ada keluarkan minyak. Kita ada *refinery* di Kerteh, di Melaka, loji penapisan minyak. Betulkah? Tetapi kenapa barangan bitumen ini tidak boleh dihasilkan di dalam negara kita? Negara Singapura menjadi pengeksport bitumen ke dalam negara kita, di kawal. Di Rantau Asia ini dikawal oleh negara Singapura sebagai pengeksport bitumen yang

mana sebagai *raw material*, diimport daripada Malaysia, diproses di Singapura dan dijual kembali ke dalam negara kita dengan harga yang tinggi.

Jadi inilah, kita kena lihat apakah perlindungan kepada industri pembinaan di dalam negara kita. Kalau kita tidak kawal harga barangan, sudah pasti industri pembinaan negara kita juga akan meningkatkan kos dan kesan kepada sasaran lebih sedikit berbanding dengan kos yang rendah untuk membangunkan negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin sentuh tentang barangan tiruan, kadang-kadang di Kelantan yang bersempadan dengan Thailand, banyak barangan tiruan ataupun barangan murahan yang masuk ke dalam negara kita. Saya tidak tahu, tidak pasti sama ada barangan itu tidak boleh dibuat di dalam negara kita ke ataupun barangan mungkin barangan yang dibawa masuk, sama ada secara sah ataupun tidak sah ke dalam negara kita mempunyai kualiti yang baik, mempunyai harga yang rendah daripada dihasilkan di dalam negara kita.

Kadang-kadang kerajaan, kementerian perlu lihat sama ada barangan ini boleh menjejaskan industri tempatan ataupun tidak. Kadang-kadang kalau mereka yang berkunjung ke Rantau Panjang, ada sahabat saya. Tiada ya? kebanyakannya apabila berkunjung ke Rantau Panjang, beli *toto* ataupun *blanket* dan sebagainya yang dibuat daripada Thailand. Sedangkan barangan berkenaan saya rasa tidak susah untuk dibuat di dalam negara kita. Jadi, industri-industri inilah yang perlu dilihat oleh kerajaan supaya penggalakan kepada industri kecil dan sederhana dan pembuatan industri elektronik di dalam negara kita ini dapat dikawal.

Saya yakin dengan akta ini, pasaran kepada barangan tempatan dapat dilindungi kalau barangan berkenaan memerlukan perlindungan sementara sehingga ia boleh bersaing dengan barangan luaran, maka perlindungan sementara boleh dikenakan. Sekiranya perlindungan ini tamat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, Yang Berhormat.

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Silakan sahabat saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam sila.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Tanah Merah. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat serta hendak dapatkan penjelasan sedikit. Yang Berhormat kata kita perlu melindungi IKS kita. Pengusaha IKS dan bagaimana Yang Berhormat melihat di negara Eropah misalan, mereka tidak membenarkan beg-beg atau *luggage* kalau menggunakan jenama tiruan, dia itu tidak dibenarkan bawa masuk ke negara tersebut. Kalau ini berlaku di Malaysia, apa impaknya terhadap pengusaha IKS? Adakah kita merestui bahawa kalau ada pengusaha di Malaysia hendak buat barang tiruan, kita juga galakkan. Itu mungkin tidak seiring dengan polisi kita. Apa pandangan Yang Berhormat, saya minta penjelasan.

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Terima kasih. Sebenarnya apa yang dibangkitkan itu memerlukan penguatkuasaan yang mana kerajaan boleh mengkaji kebaikan dan keburukan dari segi barangan tiruan yang masuk ke dalam negara kita ini, sedangkan barangan IKS tempatan juga perlu dilindungi.

Saya minta pihak kementerian dapat memberi jawapan terperinci selepas ini dan kita minta supaya ia menjadi sebahagian ucapan, dan Tuan Yang di-Pertua lindungi akta ini atau rang undang-undang ini juga bukan sahaja dilihat dari segi untuk melindungi industri yang ada di dalam negara kita, bahkan akta ini, rang undang-undang ini juga perlu melindungi pengguna.

Pengguna di dalam negara kita supaya ianya selari dengan barangan keluaran dan penggunaan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Lipis.

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** .....kepada barangan yang dijual kepada mereka yang menggunakannya di dalam negara ini. Silakan.

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Tanah Merah. Ada kemungkinan atau tidak apabila kita mengadakan Akta Perlindungan ini menyebabkan negara-negara lain yang mengeluarkan akan membuat tindak balas dengan tidak membeli barangan daripada negara kita. Mohon penjelasan.

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Terima kasih sahabat saya daripada Lipis. Sama ada negara luar akan mengambil pendekatan seperti yang dinyatakan, disebabkan oleh perlindungan yang diberi kepada industri negara kita, ini juga bergantung pada kualiti dan juga pasaran yang ada di dalam negara kita dan juga luar daripada negara kita. Kadang-kadang negara kita dibuat sebagai *outsourcing* kepada industri bagi negara-negara luar. Ia menjadikan *one stop centre industry* bagi negara kita, bagi barangan yang digunakan di dalam negara lain seperti China. China banyak industri *outsourcing*, dengan izin yang tumbuh di negara mereka kerana kos pengeluaran barang, kos pembuatannya rendah. Maka negara-negara lain seperti negara-negara maju menggunakan *outsourcing* sebagai industri yang boleh memberi pasaran kepada negara mereka.

Jadi ini kena lihat dari segi keuntungan, keuntungan kepada perdagangan di setiap negara yang terlibat. Jadi, ini kita kena lihat dari segi menyeluruh yang mana keuntungan kepada semua pihak. Keuntungan kepada pengusaha, keuntungan kepada pengguna dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, kita juga tidak lari daripada barangan francais dalam negara kita. Industri francais. *Franchisor* ini dengan izin biasanya apa yang kita nampak, yang ada di negara kita ini sama ada dalam industri *fast food*, industri lain-lain. *Franchisor* ini berasal daripada luar negara. Dan di sini juga perlu perlindungan. Kadang-kadang ianya barangan yang dijual di dalam negara kita ini, barangan yang difrancaiskan di dalam negara kita ini bersaing dengan industri francais yang ada di dalam negara ini. Ini juga perlu perlindungan, perlukan

kawalan. Sama ada kawalan sementara, perlindungan sementara ataupun perlindungan jika perlu dalam barang-barang tertentu, buatlah perlindungan muktamad.

Tuan Yang di-Pertua, saya cukup menyokong akta yang dibentangkan ini dan sudah pasti negara kita akan lebih bersedia. Silakan sahabat saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Lipis. Sila.

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]:** Tuan Yang di-Pertua, jadi ada satu lagi soalan yang bermain di dalam kepala saya. Yang Berhormat bagi Tanah Merah, apabila kita tersangat melindungi industri farma-farma atau barangan juga produk yang ada di negara kita menyebabkan pengeluar-pengeluar produk tersebut menjadi dengan izin begitu *complacent* dan mereka mengambil sikap sambil lewa. Jadi ini menyebabkan barangan yang dikeluarkan oleh pengeluar-pengeluar barangan dalam negeri menjadi tidak bermutu dan sebagainya. Dan kesannya ialah kita tidak dapat bersaing di peringkat antarabangsa. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Terima kasih sahabat saya, sebenarnya akta ini adalah akta baru yang mana perlukan satu penelitian satu tindakan yang betul-betul memberi satu impak positif kepada industri di dalam negara kita. Saya minta, saya menyeru kepada kementerian supaya apabila akta ini diluluskan buat, buat kerja, buat penguatkuasaan supaya ianya dapat memberi impak yang positif kepada industri di dalam negara kita i sama ada dari segi kualiti barangan, pasaran kepada barangan dan sebagainya yang boleh memberi kebaikan kepada pengeluar dan pengguna di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin akta ini dapat memberi pelindung kepada industri-industri di dalam negara kita sama ada industri pembuatan, industri elektronik, industri makanan dan sebagainya dan saya yakin dengan adanya akta ataupun Rang Undang-undang ini kita lebih boleh bersaing dengan negara ASEAN sebagai contohnya dan juga menghadapi AFTA yang mana yang memerlukan persaingan dari segi kualiti dan sebagainya kepada rantau ini dan saya yakin dan saya menyeru kepada kementerian supaya apabila akta yang baru ini kenalah beri penelitian dan juga penguatkuasaan yang berterusan supaya akta ini dapat dikaji, dapat dilihat dari segi impak kepada industri di dalam negara kita. Sekian Tuan Yang di-Pertua terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bukit Mertajam sila.

**4.31 ptg.**

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian perbahasan. Sebelum saya memulakan ucapan saya, saya ingin memberi sokongan saya kepada apa yang telah diucapkan oleh Yang Berhormat Tanjong mengenai kedudukan Kuala Lumpur sebagai International Pricing

Centre untuk *palm oil* ataupun kedudukan Kuala Lumpur sebagai Pusat Penetapan Harga Minyak Kelapa Sawit Antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua saya bersetuju dengan Yang Berhormat Tanjong bahawa sementara kita melindungi industri-industri yang lemah kita juga mesti menjaga sektor-sektor kita yang telah membanggakan kita, tetapi kita jangan lalai atau *take for granted* ataupun tidak faham mungkin ada menteri-menteri yang kurang faham dengan isu ini dengan tidak sengaja mereka membantu Singapura melawan Kuala Lumpur dalam sektor ini Kuala Lumpur sebagai Pusat Antarabangsa untuk menetapkan harga minyak kelapa sawit. Kerana kita pada akhbar *New Strait Times* telah melaporkan pada 26 Mei tahun ini bahawa Malaysia dan Indonesia telah bersetuju untuk bergabung tenaga dan tidak akan membenarkan harga minyak kepala sawit mentah untuk ditentukan oleh negara bukan pengeluar seperti Singapura dan Eropah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat jangan sebut kepala sawit, kelapa sawit Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Kelapa sawit. Jadi kalau usaha Malaysia melesenkan atau menjual harga *settlement* kepada *commodity exchange* yang ditubuhkan di Singapura bekerjasama dengan Chicago Board of Trade saya rasa kalau itu ditubuhkan saya bimbang Kuala Lumpur mungkin tidak dapat bersaing dengan Singapura khasnya kalau mereka juga mendapat kerjasama pihak Indonesia. Saya difahamkan bahawa pihak-pihak yang terlibat yang berkepentingan juga telah berjumpa dengan pihak kerajaan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan juga Kementerian Kewangan tetapi nampaknya kedua-dua kementerian ini dikatakan bahawa kurang faham dengan keseriusan isu ini.

Saya juga difahamkan bahawa Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi telah berkata bahawa ini adalah keputusan perdagangan tetapi pihak kami berpendapat bahawa ini bukan sahaja keputusan perdagangan tetapi ini adalah satu isu mengenai kepentingan negara dan saya rasa kita mestilah mendahului kepentingan negara - mesti didahului perdagangan. Dan saya difahamkan bahawa sekiranya kita menjualkan ataupun melesenkan *price settlement* itu kepada Singapura pun yang kita akan dapat itu adalah sedikit iaitu US15sen *per transaction*. Itu merupakan satu *income* atau pendapatan yang sangat-sangat kecil tetapi kita akan hilangkan kedudukan kita sebagai *International Palm Oil Pricing Centre*.

Saya harap berdasarkan tanggungjawab bersama bahawa Kementerian MITI ini dapat membawa juga isu ini supaya jangan kita membantu Singapura melawan Kuala Lumpur. Saya rasa itu bukan satu langkah yang wajar kecuali kalau kerajaan boleh memberitahu Dewan ini bahawa kita akan mendapat keuntungan yang besar kalau kita menjejaskan Kuala Lumpur sebagai pusat *International Palm Oil Pricing* pun tidak apa kerana kita akan mendapat keuntungan yang lebih besar tetapi saya rasa tidak dan untuk mengukuhkan lagi Kuala Lumpur sebagai *International Palm Oil Centre* mungkin kita perlu mengukuhkan kedudukannya dengan meningkatkan lagi perkhidmatannya umpamanya kalau mendagang dalam *USDollar* boleh

menambahkan daya bersaing mungkin kita harus mempertimbangkan kita juga berdagang dalam *USDollar*. Sekiranya ada keperluannya untuk menyesuaikan masa perdagangan bagi negara-negara lain yang bukan dalam satu *Time Zone* mungkin kita perlu memanjangkan masa perdagangan kita. Untuk memanjangkan kita boleh menyesuaikan negara seperti Eropah, China, di India mereka juga boleh menggunakan pusat Kuala Lumpur sebagai satu *transaction*. Jadi saya harap kita memandang serius isu ini saya harap Setiausaha atau Timbalan Menteri boleh memberi penjelasan dalam isu ini.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Penjelasan

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Ya, terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Adakah yang Berhormat bagi Bukit Mertajam bersetuju kalau kita tidak boleh mempertahankan kedudukan kita sebagai *Palm Oil International Centre* sebagai terulung dan membenarkan Singapura yang tidak ada pokok *oil palm* untuk ambil alih dalam 18 bulan atau 2 tahun selepas ini bukankah ini menunjukkan bahawa semua ura-ura, cakapan mengena pelindung *safe guard* sebenarnya menjadi tajuk Rang Undang-undang di hadapan kita tidak bererti tunjuk bahawa bukan sahaja tidak ada *political will* bagi pihak Malaysia tetapi langsung tidak ada pengetahuan mengenai apakah demi kepentingan negara sama ada *short term, middle term, long term* dan tentu ini akan memberi satu gambaran bahawa ketidakcekapan, kecuaiian untuk menjaga kepentingan negara kita. Kita harap bahawa khasnya dalam perkara ini satu penjelasan yang memuaskan boleh diberikan sama ada dengan sendiri atau dengan perbincangan dengan kementerian yang berkenaan supaya kita tidak sis-sia bincang mengenai Rang Undang-undang Pelindungan apabila kita tidak boleh berlindung dengan apa yang kita ada.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Ya...ya saya memang setuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Itulah yang kita katakan bahawa bukan sahaja hendak melindungi industri-industri yang lemah, kita mesti mengekalkan industri atau sektor-sektor yang kita berjaya. Kalau kita tidak boleh menjaga, melindungi sektor-sektor yang kita sudah berjaya apakah kata, bagaimana kita boleh melindungi industri-industri yang masih belum berjaya. Saya sangat khuatirlah, kalau saya berpendapat kalau Menteri-menteri kita faham isu ini dan berpengetahuan tentang perkara ini, saya rasa mereka akan mementingkan kepentingan negara. Yang saya khuatir ialah mereka tidak mendapat maklumat yang tepat dan juga dinasihatkan oleh konsultan yang betul yang berkepentingan negara dan mereka membuat keputusan yang silap, itu yang saya khuatirkan. Jadi saya harap mereka jangan membuat keputusan yang silap.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan perasaan kecewa dengan pembentangan Rang Undang-Undang Perlindungan ini kerana sekali lagi kita telah melihat satu lagi Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Kementerian Perdagangan dan Industri Antarabangsa di Dewan yang mulia ini tanpa menjalani sebarang rundingan awam dengan pihak

berkepentingan, mahu pun mengadakan sebarang taklimat kepada Ahli-ahli Parlimen untuk memberi penjelasan dan penerangan yang mencukupi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Itulah sebabnya ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberi ucapan yang tidak tepat kepada tajuk dan tidak faham Rang Undang-undang ini.

Tindakan ini adalah penting untuk memberi pengetahuan yang mencukupi kepada mereka supaya mereka boleh menyampaikan intisari-intisari dan kesan-kesan yang akan dibawa oleh implementasi Rang Undang-undang ini kepada rakyat, khususnya rakyat kawasan luar bandar yang kebanyakan daripada mereka terlibat dalam aktiviti pertanian. Di mana golongan berkepentingan ini juga merupakan golongan lemah yang pasti akan terdedah kepada risiko persaingan sengit kepada apabila pasaran makanan Malaysia dibuka kepada pengusaha-pengusaha makanan di luar negara.

Selaris dengan perjanjian Pertubuhan Perdagangan Sedunia atau pun WTO tahun 1995, yang membenarkan negara-negara memperkenalkan pendekatan-pendekatan sementara atau pun *temporary measure* untuk melindungi pasaran dalam negeri daripada kemudaratan serius, iaitu suatu kemudaratan keseluruhan yang ketara terhadap kedudukan suatu industri dalam negeri akibat daripada persaingan yang tidak adil. Saya ingin menegaskan bahawa walaupun tindakan kerajaan untuk menggubal undang-undang ini merupakan satu tindakan wajar untuk melindungi industri-industri domestik, tetapi kita mesti ingat bahawa Rang Undang-undang Perlindungan ini hanya memberi perlindungan jangka pendek. Misalnya untuk langkah perlindungan sementara *provision safeguard measure*. Hanya dihadkan kepada maksimum 200 hari, untuk langkah perlindungan muktamad *defensive safeguard measure* pula, tempoh maksimum untuk kerajaan mengenakan langkah perlindungan iaitu sama ada menetapkan satu duti pelindung, satu kuota import atau pun kedua-duanya sekali ialah empat tahun sahaja melainkan jika ia dilanjutkan sebagai mana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 37.

Saya juga melafazkan perasaan kecewa kerana Rang Undang-undang ini sepatutnya diperkenalkan pada masa yang lebih awal, iaitu pada tahun-tahun awal Malaysia menangani perjanjian, dan bukan pada masa sekarang apabila terdapat sesetengah industri dalam negeri sudah boleh dikatakan pupus sama sekali apabila Rang Undang-undang Perlindungan ini dapat dikuatkuasakan nanti. Antaranya ialah industri tekstil dan pembuat pakaian dan Industri Perabot Negara, di mana kebanyakan pengusaha-pengusaha industri kecil dan sederhana.

Apa yang penting pada masa sekarang adalah untuk kerajaan mengenal pasti mana-mana industri yang perlu diperkasakan daya saingannya, kerana langkah-langkah perlindungan yang dinyatakan di dalam Rang Undang-undang ini sama ada langkah perlindungan sementara atau pun langkah perlindungan muktamad hanya merupakan langkah-langkah perlindungan buat sementara waktu. Dalam perkataan yang lain apa yang diperuntukkan dalam Rang Undang-undang ini hanya satu alat untuk kerajaan memberi masa daripada negara-negara pengeksport demi menyelamatkan industri-industri domestik yang lemah.

Industri-industri domestik tidak akan maju dan berkembang sekiranya kerajaan tidak mempertingkatkan daya saingan industri-industri ini di persada antarabangsa. Antara langkah-langkah yang perlu diambil oleh kerajaan ialah untuk mengambil mereka yang betul-betul berkebolehan ke dalam agensi-agensi kerajaan untuk membangunkan industri-industri dalam negeri agar Malaysia boleh diri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan pesaing-pesaing dari luar negara.

Ini merupakan satu persoalan yang secara langsung berkaitan dengan cara pengendalian sumber manusia di Malaysia. Malaysia tidak boleh lagi terus mengalami *brain drain* yang secara langsung mengikis daya saingan Malaysia dalam pelbagai bidang dan sektor. Dengan itu saya meminta supaya Menteri apabila menjawab soalan nanti dapat memberi satu senarai sektor-sektor industri yang masih lemah, kurang daya bersaing tetapi masih boleh dilindungi buat sementara waktu apabila Rang Undang-undang ini berkuat kuasa nanti. Senarai ini adalah penting untuk pengusaha-pengusaha industri domestik, khususnya industri kecil dan sederhana yang merupakan industri yang paling muda terdedah kepada saingan sengit apabila pasaran Malaysia dibuka kepada pesaing-pesaing dari luar negara kelak.

Saya juga meminta Kementerian untuk memberi maklumat terhadap prestasi industri-industri domestik ini dalam lima tahun yang lepas. Begitu juga dengan langkah-langkah yang sedang dijalankan untuk memperkasakan industri-industri domestik. Kementerian juga harus diingat bahawa sebarang bentuk perjanjian perdagangan bebas atau pun FTA khususnya FTA yang sedang berada dalam proses, rundingan seperti FTA dengan Australia dan FTA dengan Amerika Syarikat akan membawa implikasi yang lebih besar terhadap industri-industri domestik.

Pada 8hb Mac tahun ini, Malaysia dan Amerika Syarikat telah mengumumkan keinginan mereka untuk mengadakan perundingan dua hala terhadap perjanjian perdagangan bebas. Matlamatnya adalah untuk mengambil kesempatan, dengan izin *fast track authority President* Amerika Syarikat yang akan berakhir pada pertengahan tahun 2007, supaya FTA dapat di *materialized* di antara Malaysia dengan Amerika Syarikat. Sungguh pun kerajaan pernah memberi penjelasan di Dewan yang mulia ini, bahawa kerajaan Malaysia tidak akan terikut dan tunduk kepada kemahuan Amerika Syarikat ini. Seperti yang difahamkan rundingan-rundingan ini merupakan banyak sektor dan industri penempatan yang mempunyai kepentingan yang amat besar terhadap rakyat Malaysia, termasuk keselamatan dalam tawaran pekerjaan, makanan, pembangunan industri-industri domestik dan pengusaha-pengusaha sektor perkhidmatan dan lain-lain.

Selain daripada apa yang dibincangkan dalam Rang Undang-undang Perlindungan ini, kerajaan juga harus menjalankan satu penilaian *cost benefit* atau pun *cost benefit assessment* yang *comprehensive* di mana penilaian ini perlu di maklum kepada masyarakat umum seperti apa yang sedang dijalankan dalam, dengan izin *environmental impact assessment* dan *social impact assessment* yang baru-baru ini dilancarkan. Biasanya penilaian *cost benefit* ini adalah

amat diperlukan untuk kita semua menilai kedudukan sebenarnya kedudukan kita dalam mana-mana rundingan FTA yang akan memberi implikasi besar terhadap 'hidup mati' industri-industri domestik kita. Malaysia tidak mampu untuk menjalankan sebarang rundingan FTA dengan mana-mana negara tanpa melakukan penilaian yang sebegitu asas ini.

Buat makluman semua satu penilaian *cost benefit* yang menyeluruh haruslah merangkumi aspek-aspek berikut:

- i) keuntungan dan kerugian dari segi perdagangan, misalnya dalam aktiviti import dan eksport;
- ii) keuntungan dan kerugian dari segi peluang pekerjaan;
- iii) fleksibiliti yang masih dipunyai oleh sesebuah negara itu dalam penggubalan dasar-dasar kerajaan selepas menandatangani FTA;
- iv) kesan-kesan sosial misalnya akses terhadap ubat, pengetahuan dan bekalan makanan;
- v) kesan-kesan terhadap pemindahan dan pembangunan teknologi; dan
- vi) kos sosial dan alam sekitar yang membawa kesan meluas.

Kegagalan ini hanya memberitahu kita semua bahawa kerajaan sekali lagi gagal dalam melibatkan Parlimen dalam penggubalan undang-undang yang mempunyai implikasi dan kesan mendalam terhadap masa depan pembangunan negara. Sebagai langkah *remedy* awal, saya ingin mencadangkan supaya penilaian *cost benefit* ini diwajibkan di dalam Bahagian Empat, Penyiasatan, Fasal 20 - penentuan asal. Parlimen sepatutnya dilibatkan dalam keseluruhan proses rundingan ini daripada awal lagi demi memainkan peranan pemantauannya.

Satu jawatankuasa pilihan khas terhadap perdagangan antarabangsa, yang mana skopnya juga akan merangkumi FTA perlu ditubuhkan agar Ahli-ahli Parlimen dapat memberi input yang bernas dalam penggubalan mana-mana rang undang-undang dan dasar-dasar kerajaan. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Bandar Kuching.

**4.52 ptg.**

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menganggap rang undang-undang ini sebagai satu langkah ke belakang pembangunan negara kita kerana ia merupakan satu rang undang-undang untuk meningkatkan dasar perlindungan untuk negara kita dan semasa seluruh dunia sedang menghala ke arah membuka pasaran terbuka. Dasar perlindungan adalah satu *one step backward* untuk pembangunan negara kita. Saya harap Rang Undang-undang Perlindungan ini merupakan satu *temporary measure*. Ada cadangan pada masa kelak semasa apa-apa perlindungan yang dikenakan akan lupus, ia dipanjangkan atau pindaan dikenakan untuk memanjangkan perlindungannya.

Dan semasa kita berbincang tentang dasar perlindungan, saya ingin menunjukan ucapan saya terhadap *automobile policy* negara kita kerana ia adalah satu kes klasik yang menunjukkan

kegagalan dasar perlindungan. Proton sebagai kereta nasional negara kita telah diwujudkan dalam tahun 1980-an dan kerajaan telah melaksanakan beberapa polisi untuk membangunkan kereta nasional kita tetapi akibatnya ia telah mendatangkan banyak kesan yang buruk dan mudarat kepada rakyat negara kita, dan ini semuanya adalah kesan-kesan buruk yang akan diakibatkan oleh dasar perlindungan.

Pertamanya adalah, mudarat kepada rakyat kita. Untuk melindungi kereta nasional kita, Proton telah dijual dalam pasaran negara kita dengan harga yang begitu mahal jika berbanding dengan kereta-kereta yang dijual di negara lain yang bermutu sama dan rakyat kita terpaksa memikul beban *inefficiency*, beban *additional cost* yang dikenakan akibat daripada dasar perlindungan itu.

Untuk menggalakkan rakyat supaya membeli kereta nasional kita semasa dana di pasaran tidak cukup, kerajaan memanjangkan *hire purchase*, tempoh pembayaran daripada lima tahun kepada tujuh tahun dan selepas itu sembilan tahun. Oleh sebab dasar ini, sebahagian besar daripada *disposable income* rakyat kita telah terikat dalam industri kereta untuk membayar balik *hire purchase* untuk beli kereta itu.

Dan kini kita mulai merasa kesan-kesannya iaitu sektor-sektor ekonomi yang lain telah terjejas kerana *disposable income* rakyat kita telah berkurangan. Ini kerana kebanyakan digunakan untuk membayar balik hutang-hutang *hire purchase* untuk membeli kereta dan dalam masa ekonomi yang mendung, NPL (*non-performing loan*) juga meningkat dan ia akan juga menjejaskan kestabilan industri perbankan negara kita dan itu adalah salah satu kesan buruk daripada dasar perlindungan iaitu kesan buruk terhadap *consumer*, rakyat Malaysia. Kita terpaksa membeli kereta yang lebih mahal daripada Proton, semasa kereta yang lebih murah yang tidak didapati di luar negara tetapi semasa diimport masuk ke dalam negara kita, ia dikenakan *import duty* yang begitu banyak, begitu mahal sehinggakan harga kereta-kereta diimport adalah satu kali ganda, dua kali ganda lebih mahal daripada harga yang dijual di pasaran antarabangsa dan ini merupakan satu *welfare loss* kepada negara kita, *consumer* kita.

Keduanya kesan buruk yang diakibatkan daripada dasar perlindungan itu adalah *inefficiency in production* iaitu akibat daripada dasar perlindungan ia telah mewujudkan satu suasana yang tidak kompetitif. Oleh itu, kita boleh nampak pengeluar-pengeluar kereta nasional Proton itu sehingga sekarang pun tidak dapat bersaing di pasaran antarabangsa dan sekiranya kerajaan kita melanjutkan dasar perlindungan ini, daya persaingan tidak akan ditingkatkan dan negara kita akan *will experience the inefficiency in production* dan saya tidak tahu bilakah kerajaan benar-benar hendak membuka kereta atau industri automobil kita ke seluruh dunia supaya Proton, kalau dia dapat meningkatkan daya saingannya, dia akan *survive* tetapi kalau dia tidak dapat meningkatkan daya saingannya, dia akan tutup. Ini adalah satu *trend international* yang tidak dapat kita elakkan kerana negara kita bukan, *our country is not an island*.

Kita tidak dapat menutupkan negara kita terhadap persaingan antarabangsa selamalamanya. Ketiga, kesan buruk yang diakibatkan daripada dasar perlindungan adalah tindak balas daripada negara-negara lain dan *retaliation from other countries*. Di sini saya telah ada satu laporan yang mengatakan bahawa "*Thailand says, it will not reduce its import tax on CBU vehicles from Malaysia to 5% and will maintain its current 30% import, as it says Malaysia has imposed non-tax tariff barriers on its automotive industry despite reducing its import tax to 5%*."

Ini adalah satu *retaliation*, tindak balas daripada Thailand. Oleh kerana kita tidak menurunkan ikut kos untuk import, walaupun kita telah menurunkan *import tax* tetapi kerajaan telah mengenakan tarif yang lain iaitu *non-tax tariff* atas kereta-kereta yang diimport. Oleh itu ia telah menyebabkan tindak balas daripada Thailand dan pada masa kini di Eropah, mereka telah mewujudkan satu EU, satu pasaran yang terbuka di mana import eksport dari satu negara di dalam EU dengan antara satu negara lain tidak dikenakan *tax*. Ini adalah untuk membangunkan *inter-country trade*.

Sekiranya di rantau ini di antara ASEAN, kita pun tidak dapat mewujudkan satu pasaran yang bebas, bagaimana kita hendak bersaing dengan *continents* yang lain semacam Asia...

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Bukit Bintang.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Bandar Kuching. Saya amat tertarik dengan ucapan. Adakah Yang Berhormat bagi Bandar Kuching sedar bahawa harga kereta yang dijual, bukan sahaja kereta nasional dan juga kereta pemasangan tempatan seperti contoh Honda City yang dijual di pasaran di Malaysia berharga lebih kurang RM90,000 sebuah berbanding dengan yang dipasang di Thailand, negara jiran kita, harganya hanya RM50,000 sahaja. Dan juga seperti contoh, Toyota Fortuner yang baru-baru yang dipasarkan di negara kita, harga yang dijual di sini adalah RM180,000 tetapi dijual di Thailand hanya RM100,000 sahaja, 8% perbezaan.

Inilah yang mengakibatkan satu dasar perlindungan yang akan membebaskan rakyat jelata di negara kita dan rakyat terpaksa membeli kereta yang lebih mahal walaupun kualitinya dan jenisnya yang sama. Adakah setuju dengan saya bahawa kerajaan haruslah mengkaji semula semua kereta haruslah diturunkan harga mengikut pasaran dunia? Terima kasih.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Memang setuju kerana Bukit Bintang pakar dalam penjualan kereta dan inilah yang saya telah ucapkan tadi iaitu *additional economic cost to our people*. Akhirnya siapa yang mendapat manfaat daripada dasar perlindungannya? Proton, CEO Proton yang memandu kereta besar-besar dan kroni-kroni syarikat yang mendapat manfaat. Tengok apa yang telah dilakukan, melabur di luar negara, membeli Augusta dan selepasnya jual dengan RM1 dan mengenakan kerugian yang berpuluh-puluh *million*. Itulah akibatnya, pembaziran

Kenapa ada keputusan yang begitu? Kerana dari segi CEO Proton, dia tidak payah menghadapi persaingan yang hebat. Oleh itu walaupun Proton telah rugi dalam pelaburan di luar negara tetapi dia dapat mengaut keuntungan yang banyak dalam negara kita dan rakyat kita yang akhirnya yang menderita.

Mengenai *retaliation* itu, tindak balas daripada *foreign country* dan saya ingin tahu kerana di bawah AFTA, kita seharusnya membuka industri automobil kita dalam tahun 2003 tetapi kerajaan melanjutkan perlindungannya ke 2005. Saya ingin tahu berapa pampasan yang kerajaan telah kena bayar atau *in other form, whatever*, berapa duit yang kita perlu bayar kepada Thailand dan sekarang nampaknya perlindungan itu akan dilanjutkan ke tahun 2007 lagi.

Saya ingin tahu apakah pendirian kerajaan dalam perkara ini. Saya juga amatlah kesal kerana telah kedengaran banyak ucapan daripada ramai Ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional yang menyokong dasar perlindungan itu. Ada juga yang menegaskan bahawa menyeru kerajaan supaya meningkatkan dasar perlindungan itu. Adakah itu menunjukkan satu subsidi mentaliti bahawa kita ada kekurangan-kekurangan keyakinan untuk bersaing, *on a level playing field* dan bagaimana negara kita dapat maju sekiranya pemimpin-pemimpin negara kita, khasnya daripada BN yang sangat ketakutan untuk bersaing dengan orang lain dan hanya menyeru kerajaan meningkatkan perlindungan. *[Disampuk]* Inilah satu subsidi mentaliti.

Sekiranya kerajaan dan negara kita hendak maju dan membangun, *attitude* ini haruslah ditukar dan kita haruslah *be prepared for competition*. Maka, macam ini barulah negara kita boleh maju dan bersaing dengan negara lain.

**Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Tuaran bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Penjelasan dahulu. Adakah Yang Berhormat bagi Bandar Kuching ini mencadangkan supaya semua subsidi kepada para petani kita ditarik balik dan semua bentuk subsidi termasuklah subsidi diesel yang kerajaan berikan sekarang ini ditarik balik? Sebab Yang Berhormat bagi Bandar Kuching ini seolah-olah menyatakan sebelah sini semua berfikir subsidi, semua subsidi ditarik balik. Sedangkan dalam pilihan raya di Sarawak, itulah yang dia guna, mengatakan Kerajaan Barisan Nasional ini menaikkan harga diesel dan petrol. Bukankah subsidi yang menurunkan harga ini? Mohon penjelasan Yang Berhormat bagi Bandar Kuching.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Pada pendapat saya mengenai diesel atau petrol, ini adalah sumber semula jadi negara kita. Hak miliknya adalah rakyat, bukan kerajaan. Kerajaan telah mendapat keuntungan yang begitu besar daripada pengeluaran minyak mentah. Oleh itu, keuntungan itu haruslah diberi manfaat kepada rakyat.

Itulah soalan tidak berkenaan. Tetapi sekarang apa yang kita bincangkan di sini adalah dasar perlindungan. Dasar perlindungan mengenai automobil industri negara kita, yang kini telah - *there's evidence that it is a total failure*.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ini cuba lari daripada perbahasan tadi. Jangan lari. Jangan pergi automobil. Tadi menuduh mengatakan kita ini berfikir subsidi. Saya tanya tadi adakah Yang Berhormat mencadangkan supaya semua subsidi yang kita berikan kepada petani itu ditarik balik. Jawab itu.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ini bukan subsidi. Subsidi adalah satu bahan bukan milik awam, saya beri awak. Tapi...

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Yang Berhormat ini boleh ceritalah apa-apa semualah.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tapi kalau keuntungan minyak daripada Petronas, ini adalah hak milik rakyat.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Saya ada dua soalan tadi. Satu mengenai diesel dan petrol. Yang pertama tadi itu subsidi kepada petani. Ada bermacam-macam subsidi. Adakah Yang Berhormat bercadang supaya ia ditarik balik?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Subsidi terhadap petani-petani, ya. Itu haruslah diberi sebagai satu *temporarily measure*. *You cannot subsidize forever* kerana kita adalah sebagai satu *close economy*. Apa subsidi yang diberi kepada petani, sektor lain akan kekurangan sumber itu. Oleh itu, subsidi haruslah diberi sebagai *temporarily measure*.

**Datuk Wilfred Madius Tangau (Tuaran):** Satu *point* lagi. Yang Berhormat, kita ini negara membangun. Berbanding dengan negara New Zealand yang sudah negara maju, ekonomi New Zealand berasaskan ekonomi kepada pertanian yang sudah begitu maju, tetapi masih lagi kerajaan memberi subsidi. Kalau kerajaan tidak memberi subsidi kepada petani-petani di New Zealand, ekonomi New Zealand akan hancur.

Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa soal subsidi ini adalah satu strategi pembangunan sesebuah negara. Yang Berhormat janganlah senang-senang menyatakan orang yang di sebelah sana, Barisan Nasional 'berfikirkan subsidi'. Sikit-sikit berpolitik.. Jangan berpolitiklah, Yang Berhormat, ya?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Kerajaan New Zealand memberi subsidi adalah atas pertimbangan politik, bukan atas pertimbangan ekonomi. Saya berharap Yang Berhormat boleh membezakan ini. Saya fikir kita tidak dapat menafikan bahawa *automobile policy* negara kita telah gagal dan kesan-kesan yang saya telah sebut tadi ialah mudarat kepada rakyat yang terpaksa memikul beban ekonomi itu. Keduanya, ia telah mewujudkan satu *industrial autonomy* yang tidak berkompitif; dan ketiganya adalah ia telah mendatangkan *retaliation* - tindak balas daripada negara-negara jiran. Sekiranya kita tidak bekerjasama dengan negara

jiiran, bagaimana ASEAN ini dapat bersaing dengan Eropah atau Amerika Syarikat yang ekonominya begitu pesat.

Oleh itu saya harap kerajaan sudi membuka industri automobil negara kita supaya rakyat kita boleh menikmati harga kereta yang lebih murah. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Tuaran.

#### **5.14 petang**

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya pun ingin turut serta membahar Rang Undang-undang Perlindungan 2006 dan saya ingin menyokong. Cuma saya ingin memberi sedikit perbahasan dalam Fasal 40, iaitu soal obligasi antarabangsa kita dalam soal perdagangan.

Tuan Yang di-Pertua, sudah banyak perkara yang telah dibincangkan oleh rakan-rakan berhubung dengan soal perdagangan antarabangsa dan soal perlunya perlindungan bagi negara kita. Dua perkara yang kita lihat di sini, pertamanya dari segi kesan perlindungan ini terhadap daya saing ekonomi negara kita, dan di sebelah pihak lain, soal melindungi industri negara kita yang masih lagi perlu perlindungan.

Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa dalam soal meluluskan perjanjian perdagangan antarabangsa yang dibuat oleh WTO, dibuat secara berterusan di Geneva. Kerajaan kita diwakili oleh pegawai-pegawai kita yang berada di Geneva untuk membuat keputusan-keputusan tertentu. Sebahagian besar daripada keputusan-keputusan perjanjian yang dibuat ini, rakyat kita sebenarnya tidak tahu, termasuklah kumpulan-kumpulan yang berkepentingan dalam masyarakat kita. Kita juga, sebagai Ahli-ahli Parlimen pun tidak mengetahui apakah keputusan-keputusan yang telah dibuat oleh para pegawai kita.

Dalam hal ini barangkali Tuan Yang di-Pertua, dalam ekonomi kita yang semakin liberal dalam era globalisasi ini, kita tidak dapat lari daripada persaingan dengan antarabangsa dalam soal perdagangan. Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan rakan-rakan sebentar tadi termasuklah Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam yang mengatakan bahawa dalam hal tertentu perlulah kita pertingkatkan penglibatan Ahli-ahli Parlimen dalam soal perjanjian perdagangan antarabangsa ini. Sebab kita ini adalah mewakili rakyat dalam sesuatu kawasan dan kita adalah sebenarnya yang melihat kepentingan-kepentingan orang yang menerima kesan daripada perjanjian-perjanjian ini.

Kita juga yang bertanggungjawab untuk memberi penjelasan kepada rakyat kita tentang apakah perjanjian-perjanjian yang telah ditandatangani oleh pihak kerajaan kita. Tetapi sehingga pada hari ini, sebenarnya peranan kita sebagai Ahli-ahli Parlimen tidak jelas berbanding dengan negara-negara tertentu seperti Amerika Syarikat. Pegawai-pegawai mereka berada di Geneva, terlibat dalam proses perbincangan sebelum menandatangani apa-apa perjanjian. Mereka akan kembali ke negara mereka dan Kongres Amerika, perjanjian tersebut dijadikan sebagai satu

Rang Undang-undang dan dibentangkan di kongres. Ahli-ahli Kongres akan membahaskan dan akhirnya meluluskan kalau diluluskan. Tetapi bagi kita selama dalam hampir dua penggal saya berada di sini, saya belum pernah dengar satu Rang Undang-undang yang Ahli-ahli Parlimen membahaskan perjanjian-perjanjian negara kita telah tandatanganinya di bawah WTO. Barangkali masa sudah tiba bagi kita untuk memperkasakan lagi Parlimen, mempertingkatkan lagi penglibatan kita, Ahli-ahli Parlimen dalam perjanjian-perjanjian ini. Ini adalah amat penting sebab dalam konteks Rang Undang-undang yang kita bahaskan sekarang ini, perlindungan yang diberikan ada yang muktamad dan ada yang sementara dan sebagainya. Tetapi dalam hal perjanjian dengan WTO, ini adalah sesuatu yang berterusan. Oleh sebab itu kesannya bukan sahaja berpanjangan tetapi ia mempunyai kesan terhadap sama ada sesuatu sektor ataupun industri itu akan tumbuh ataupun tidak.

Oleh sebab itu dalam soal obligasi antarabangsa ini saya ingin mencadangkan supaya pihak kerajaan mempertimbangkan bagaimana penglibatan Ahli-ahli Parlimen ini dalam soal perjanjian perdagangan di bawah WTO.

Satu lagi perkara, Tuan Yang di-Pertua, ialah dalam negara kita ini di mana kedudukan geografinya berbeza iaitu kalau kita lihat di Semenanjung, Sabah dan Sarawak, kadang-kadang kita lihat dari segi harga barangannya ataupun hasil-hasil keluaran negara kita yang kita eksport berbeza. Jadi, kita ambil getah sebagai contoh. Sekarang ini di Semenanjung, satu kilo, harga dia RM7.00, tetapi di Sarawak lebih kurang RM6.00 lebih, di negeri Sabah baru RM4.00 lebih, tidak sampai pun RM5.00. Jadi dalam hal ini, apabila kita melihat dari segi perlindungan, ya, perlindungan. Apabila kita mengeksportlah barangan ini, ini bererti bahawa sebenarnya pengeksport daripada Sabah itu dia punya pendapatan lebih rendah berbanding dengan di Semenanjung dan di Sarawak.

Jadi saya ingin bertanya apakah peranan kementerian, pihak menteri dalam hal ini untuk memastikan supaya harga, harga keluaran komoditi negara di seluruh negara ini kita dapat selaraskan. Selaraskan supaya pengeluar yang kita lindungi ini dapat diberi pembelaan yang sewajarnya. Satu lagi perkara yang saya ingin bangkitkan Tuan Yang di-Pertua dalam soal perdagangan antarabangsa ini ialah kesan dari segi pengangkutan. Kita lihat di Malaysia ini ada beberapa tempat tertentu telah *designate* sebagai *entry* ataupun *entry point* untuk barang-barang import dan juga untuk eksport, dan oleh sebab itu apabila sesuatu barang yang kita import itu hendaklah dimasukkan ke tempat-tempat tertentu sahaja. Sebagai contoh, di Pelabuhan Klang, ia tak boleh masuk pada pelabuhan tertentu. Dan oleh sebab barangan itu hanya boleh dimasukkan ke pelabuhan-pelabuhan tertentu seperti Pelabuhan Klang dan sebagainya dan dia tidak boleh memasuki pelabuhan misalannya Kota Kinabalu ataupun Bintulu dan sebagainya, maka ini kesannya ialah kos barangan. Barangan yang seharusnya destinasiya di Kota Kinabalu atau di negeri Sabah ataupun di Sarawak, terpaksa dia masuk di Pelabuhan Klang terlebih dahulu dan selepas itu baru diangkut ke negeri Sabah.

Oleh sebab apabila kapal itu balik, barangkali ia kosong, tidak ada isi, jadi terpaksa kapal yang berkenaan di*charter*. Jadi seolah-olah di*charter*. Oleh sebab itu, kosnya tinggi. Maka ini akan mengakibatkan akhirnya, barangan yang diimport itu begitu tinggi harganya apabila sampai ke destinasi dan terutama sekali di Sabah dan Sarawak. Sebenarnya inilah salah satu daripada *soft point*, dalam kita sebagai sebuah negara Persekutuan, Malaysia ini, di mana di negeri Sabah, barang-barangan tertentu lebih tinggi berbanding dengan kawasan lain terutama sekali di Semenanjung. Sudah sekian lama kita menyatakan bahawa seharusnya, bukan sahaja dalam soal integrasi nasional, tetapi juga untuk ia melindungi pedagang-pedagang kita, peniaga kita supaya kita akan dapat melahirkan satu, apa yang dipanggil kita "*Pan Malaysian Price*". Bolehkah kita dapat melahirkan satu "*Pan Malaysian Price*", sama ada dari segi import ataupun dari segi eksport? Jadi sekarang ini, yang kita eksport pun, harga kita rendah. Macam getah yang saya bagi contoh tadi. Lepas itu bila kita mengimport barangan dari luar, harganya lebih mahal berbanding dengan yang di Semenanjung.

Akhirnya, bahagian tertentu di negara kita misalannya di Sabah dan Sarawak ini, kos sara hidup dia lebih tinggi. Jadi, dalam hal ini, saya tahu dia kementerian, MITI, mempunyai cawangan di Kota Kinabalu, di negeri Sabah. Saya ingin tahu sebenarnya, apakah peranan MITI yang cawangannya di negeri Sabah, khususnya dalam soal perdagangan. Saya tahu, ada yang buat perniagaan lain, termasuklah membawa pelabur-pelabur yang membuat FDI dan sebagainya, tetapi dalam soal perdagangan apakah pula peranan yang semestinya dijalankan? Apakah pihak kementerian selama ini melihat kos ini, sama ada kos import dan eksport ini telah difikirkan oleh pihak kementerian sebagai salah satu faktor yang boleh membantu dalam pembangunan negara, khususnya di Sabah dan Sarawak ini? Sama ada dari segi peningkatan pelaburan di negeri Sabah mahupun dalam mempertingkatkan lagi bilangan usahawan dan peniaga tempatan? Jadi, dengan kata-kata demikian, Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri keluaran jawapan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

**5.25 ptg.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ng Lip Hong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Tanjong, Jasin, Kuala Terengganu, Jerai, Tanah Merah, Bukit Mertajam, Bandar Kuching, dan Tuaran yang telah berucap dan berbahas dalam rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mulakan dengan sedikit latar belakang tentang WTO dan mengapa kita ada memperkenalkan rang undang-undang ini? Negara Malaysia menjadi ahli GATT pada tahun 1947, semasa di bawah penjajahan British ketika itu. Apabila WTO ditubuhkan pada tahun 1995, Malaysia menjadi salah satu ahli WTO secara automatik dan melalui WTO

Malaysia telah menikmati banyak faedah perdagangan liberalisasi. Banyak barangan atau produk-produk Malaysia dapat akses pasaran dunia, di negara-negara luar, terutamanya negara-negara maju.

WTO adalah juga sebuah organisasi yang mengiktiraf kategori-kategori negara iaitu negara maju atau *developed countries*, negara membangun *developing countries* dan juga negara sedang membangun, *less developed countries*. Hanya WTO sebagai satu pertubuhan ada kategori macam ini. Walaupun tidak kesemuanya ahli WTO adalah setaraf dari segi perdagangan dan pembangunan, WTO adalah *platform* untuk memberi manfaat dan faedah perdagangan kepada semua ahli WTO di mana semua ahli hendaklah diberi layanan perdagangan sama rata atau *Most Favourite Nation Status*, MFN. Barangan diimport dilayan sama dengan barangan domestik atau *national treatment*. Sekiranya sesebuah negara ahli WTO merasai bahawa ia tidak dapat faedah atau *dinullified the benefits from trade*, dengan izin.

Walaupun tidak ada pelanggaran obligasi di bawah WTO, ahli-ahli berkenaan boleh mengadakan konsultansi dengan negara WTO berkenaan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa yang berkenaan, ataupun di bawah mekanisme penyelesaian pertikaian ataupun *dispute settlement body*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita berbincang tentang kebaikan atau sebaliknya menyertai WTO kita mesti tengok dari segi apakah alternatif? Kalau kita tidak menyertai WTO, atau kita tidak jadi ahli salah satu ahli dalam WTO, kita tidak akan menikmati perdagangan yang lebih meluas. Kita tidak ada akses pasaran di negara-negara ahli WTO dan mungkin kita kena bayar cukai yang lebih tinggi apabila kita eksport ke negara-negara itu. Kalau kita tengok negara kita ini adalah negara perdagangan, *trading nations*, Malaysia adalah *trading nations*, dan kita adalah dapat banyak, terima banyak faedah dari perdagangan antarabangsa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, boleh sambung jawapan esok?

**Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat:** Ok, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kita ada usul penangguhan.

### USUL

#### **MENANGGUHKAN MESUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3) mesyuarat ini ditangguhkan sekarang”.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

### UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

#### **KEUTAMAAN PERUNTUKAN KEMUDAHAN AWAM DI LUAR BANDAR**

##### **5.33 ptg.**

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Minta kerajaan memberi keutamaan kepada pemberian peruntukan untuk bekalan elektrik luar bandar, projek jalan kampung dan bekalan air luar bandar di seluruh negara demi merapatkan jurang pembangunan wilayah.

Titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Ke Sebelas pada 21 Mac 2006 yang lalu, telah menyatakan pertumbuhan tidak seimbang di kalangan wilayah dan antara bandar dan luar bandar perlu diatasi. Perhatian khusus hendaklah diberikan kepada pembangunan negeri yang kurang maju. Sehubungan ini, usaha-usaha pengimbangan akan dilaksanakan secara meluas melalui pembangunan moden. Dari sudut ini pelaksanaan pembangunan prasarana asas dan utiliti seperti bekalan air, elektrik, jalan kampung akan diteruskan terutamanya di Sabah, Sarawak dan kawasan-kawasan terpencil di Semenanjung.

Tuan Yang di-Pertua, dasar dan hasrat kerajaan yang dititahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini telah diterjemahkan dalam bentuk program dan projek dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Dalam konteks ini sememangnya ada peningkatan dalam peruntukan untuk pembangunan luar bandar, khususnya bekalan elektrik luar bandar, projek jalan kampung, bekalan air luar bandar, sebagai contoh peruntukan untuk menaiktarafkan jalan kampung di Sabah dan Sarawak telah diberikan sebanyak RM1.114 bilion. Daripada itu sebanyak RM702 juta diperuntukkan bagi negeri Sabah. Selain daripada itu sebanyak RM396 juta juga diperuntukkan untuk menyediakan bekalan air luar bandar. Tentu sekali peruntukan tersebut tidak mencukupi untuk menyelesaikan masalah bekalan elektrik luar bandar sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan. Begitu juga dengan jalan luar bandar, jalan kita berlopak-lopak, berlubang, licin dan sememangnya tidak selesa untuk dilalui oleh kenderaan terutama sekali kenderaan bukan pacuan empat roda dan yang disediakan tidak mencukupi untuk menyelesaikan masalah jalan luar bandar sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempertikaikan peruntukan yang terbesar kepada Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Cuma setelah saya kaji, peruntukan bekalan elektrik luar bandar untuk Sabah bagi tahun 2006, kerajaan Negeri Sabah telah meminta sebanyak RM146 juta daripada Kerajaan Persekutuan tetapi yang diluluskan hanyalah RM47 juta sahaja.

Bagi Kawasan Parlimen Tuaran daripada 33 buah kampung yang belum ada bekalan elektrik dan menurut surat daripada Menteri Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah kepada saya, selaku Ahli Parlimen Tuaran, hanya lima buah kampung yang telah diluluskan pada tahun ini iaitu Kg Pahu, Kg. NuLu, Kg. Bongol, Kg Parad dan Kg. Sinulihan yang akan diberi bekalan elektrik solar. Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya kita hanya boleh beri bekalan elektrik empat kampung dalam setahun, maka bagi kawasan Parlimen Tuaran kita memerlukan tujuh tahun lagi untuk menyelesaikan masalah bekalan elektrik. Sedangkan untuk menyelesaikan bekalan elektrik bagi kawasan Parlimen Tuaran kita cuma memerlukan lebih kurang RM12 juta sahaja.

Bagi jumlah peruntukan untuk projek Jalan Luar Bandar Negeri Sabah yang telah diberikan hanyalah RM44.6 juta sahaja untuk tahun ini di mana untuk kawasan Parlimen Tuaran hanya RM1.3 juta sahaja sedangkan kita memerlukan lebih RM500 juta untuk menyelesaikan penaiktarafan jalan luar bandar bagi kawasan Parlimen Tuaran.

Dalam konteks Sabah Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kerajaan Negeri sudah menzahirkan Wawasan Pembangunan Luar Bandar dan Wawasan ini juga telah menggariskan iaitu;

- (i) meningkatkan taraf hidup rakyat secara menyeluruh, terutamanya di luar bandar dan seterusnya mengurangkan bilangan isi rumah miskin dan termiskin;
- (ii) mengurangkan jurang perbezaan dan ketidaksamaan pencapaian pembangunan infrastruktur, sosioekonomi dan lokasi di antara subwilayah dalam Sabah;
- (iii) mengasaskan satu suasana pertumbuhan dalam negeri yang dinamik, kompetitif dan menuntungkan menerusi penggemblengan nadi-nadi penggerak pembangunan domestik secara berkesan;
- (iv) mengurus proses transformasi ekonomi desa secara berkesan untuk melahirkan struktur baru yang boleh mengintegrasikan ekonomi luar bandar khususnya di Sabah untuk berperanan secara aktif dalam ekonomi global menerusi strategi memajukan kluster industri moden dan strategik mengikut analisis kelebihan bandingan lokasi dan ekonomi;

- (v) mengurus, melindungi dan memajukan khazanah alam sekitar dan keindahannya untuk mencapai matlamat pembangunan yang lasteri, berkekalan, efisien, efektif, seimbang dan optimum;
- (vi) mengekalkan fungsi sebagai pengeluaran makanan dalam memenuhi keperluan strategik negara dan
- (vii) menjadikan Sabah sebagai pusat pertumbuhan dan pelaburan yang menarik, dinamik, kompetitif dan menguntungkan melalui penyertaan aktif dalam pembangunan ekonomi serantau, terutamanya BIMP-EAGA.

Tuan Yang di-Pertua, hasrat Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong untuk mempercepatkan pembangunan seimbang di antara wilayah dan mengurangkan jurang pembangunan di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak tidak akan kesampaian jika sekiranya kerajaan tidak memberi keutamaan untuk menyelesaikan keperluan peruntukkan kewangan prasarana asas seperti bekalan elektrik luar bandar, bekalan air luar bandar dan menaik taraf jalan luar bandar dan sebagainya. Oleh itu saya mohon mencadangkan dan meminta Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan supaya senantiasa memberi keutamaan kepada penyediaan prasarana asas luar bandar seperti mana yang dihasratkan oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Selagi peruntukan untuk jalan luar bandar, bekalan elektrik luar bandar dan bekalan air luar bandar tidak diberi keutamaan, kita wakil-wakil rakyat dari luar bandar akan terus bersuara dalam hal ini. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, ya Yang Berhormat Timbalan Menteri sila.

### **5.36 petang**

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Dr. Tiki anak Lafe]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya dari Tuaran. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Tuaran yang prihatin terhadap keperluan penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas terutamanya di kawasan luar bandar seluruh negara dalam usaha untuk merapatkan jurang pembangunan antara negeri dan wilayah.

Oleh yang demikian, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah akan meneruskan pelaksanaan projek-projek pembangunan prasarana utiliti dan emuniti sosial melalui lima program utama iaitu Projek Jalan Kampung, Jalan Luar Bandar, Bekalan Air Luar Bandar, Bekalan Elektrik Luar Bandar dan Program Emuniti Sosial. Justeru itu, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, sejumlah RM6.076 bilion

siling peruntukan telah disediakan oleh kerajaan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan tersebut. Peruntukan ini adalah 52% lebih tinggi berbanding dengan RM4 bilion yang diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Keutamaan pelaksanaan projek-projek adalah kepada kawasan-kawasan dan negeri-negeri tumpuan yang masih ketinggalan dari segi liputan infrastruktur dan kemudahan asas. Oleh itu, sejumlah RM3.0 bilion ataupun 50% daripada keseluruhan peruntukan Rancangan Malaysia Kesembilan telah diagihkan bagi melaksanakan kelima-lima program tersebut khususnya untuk Negeri Sabah dan Sarawak.

Kementerian ini juga mengambil perhatian mengenai kampung-kampung di kawasan Yang Berhormat bagi Tuaran yang masih belum menerima bekalan elektrik. Perancangan dan tindakan sedang diatur untuk menyelesaikan perkara tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan telah meluluskan peruntukan bagi melaksanakan projek bekalan elektrik luar bandar berjumlah RM1.025 bilion. Dari jumlah itu, Negeri Sabah telah diperuntukkan sebanyak RM411.25 juta ataupun 40.12%. Di Negeri Sabah keutamaan pemilihan kampung diselaraskan oleh Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah ataupun JPPS dengan kerjasama agensi-agensi di peringkat negeri termasuk Sabah Electricity Sdn. Bhd ataupun SESB. Ini bertujuan untuk memastikan agihan projek tersebut adalah seimbang antara kawasan serta mempunyai punca bekalan elektrik yang mencukupi dari talian utama Sabah Electricity Sdn. Bhd.

Untuk makluman Yang Berhormat juga baru-baru ini Kementerian Kewangan telah pun meluluskan pelaksanaan projek bekalan elektrik luar bandar, talian grid negeri Sabah yang bernilai RM100 juta. Diharapkan projek ini dapat dilaksanakan dalam tempoh 2006/2007 ini. Jadi sehubungan dengan itu, satu Mesyuarat Penyelarasan Pemilihan Projek dengan Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah, KPLB Sabah dan juga SESB telah diadakan pada 26 Jun baru-baru ini dan memutuskan supaya senarai muktamad Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar, talian grid negeri Sabah dapat diperoleh tak lama lagi.

Jadi untuk makluman Dewan yang mulia ini, senarai itu sudah kita terima dan kita akan membuat keputusan muktamad kepada siapa yang akan mendapat projek ini nanti. Walau bagaimanapun memandangkan keupayaan punca bekalan elektrik oleh Sabah Electricity Sdn. Bhd. dan peruntukan yang diluluskan adalah terhad. Kementerian akan melaksanakan projek-projek yang dirancang secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan. Untuk makluman Yang Berhormat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, sejumlah RM1.2 bilion telah diperuntukkan untuk Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB). Daripada jumlah tersebut sebanyak RM783.93 juta ataupun 65% telah diagihkan untuk negeri Sabah dan Sarawak.

Selain projek-projek sistem retikulasi dan sistem alternatif, Kementerian ini juga turut melaksanakan projek menaik taraf dan bina baru loji bagi membantu pihak berkuasa air negeri. Untuk meningkatkan tekanan dan juga kapasiti air di kawasan luar bandar supaya liputan bekalan air dapat dipercepatkan. Menyentuh mengenai Jalan Luar Bandar ataupun JALB dalam

tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, sejumlah RM2.5 bilion telah diperuntukkan. Dari jumlah tersebut sebanyak RM527.25 juta adalah bagi negeri Sabah untuk pembinaan 78 batang jalan sepanjang 600.71km. Kementerian ini juga akan memastikan supaya kesemua jalan luar bandar di Sabah dapat dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja jawapan saya terhadap ucapan penangguhan oleh Yang Berhormat bagi Tuaran. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila Yang Berhormat Bukit Bintang.

#### **PEMBINAAN RUMAH SAMPAH (SPIRAL WASTE BIN) BERDEKATAN KAWASAN PERUMAHAN MEMBIMBANGKAN PENDUDUK**

##### **5.43 ptg.**

**Tuan Fong Kui Lan [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kerana telah menyediakan peruntukan yang begitu besar bagi aktiviti membersihkan bandar berbanding peruntukan sektor lain dalam Bajet DBKL 2006 berjumlah RM168,351,140 sedangkan peruntukan 2004 hanya RM153,583,947. Sebagai bukti, DBKL memang mementingkan kebersihan bandar kerana menguruskan lebih 2,500 tan sampah sarap sehari yang mana sampah domestik berjumlah 1,700 tan sehari. Sekarang, Jabatan Pengurusan Perumahan DBKL dan Jabatan Arkitek dan Projek-projek Khas sibuk membina sampah *house*, Spiral Waste Bin di kawasan perumahan sekitar Kuala Lumpur seperti Sri Johor, Sri Melaka, Jalan Loke Yew, Jalan Hang Tuah, Razak Mansion di Jalan Sungai Besi.

Berdekatan blok-blok perumahan bagi menggantikan penggunaan tong terbuka. Para penduduk bimbang pembinaan rumah sampah akan lebih mendatangkan keburukan dari kebaikan. Pertamanya, ia bukan sahaja menguasai beberapa petak letak kereta para penduduk yang menyebabkan mereka terpaksa meletakkan kereta di kawasan lain yang kadang kala menimbulkan masalah seperti menghalang laluan kenderaan lain. Tetapi ia dibina berdekatan unit-unit rumah. Banyak contoh rumah sampah yang sudah siap terletak berhampiran pintu, beranda, dan tingkap rumah. Penduduk-penduduk bimbang dan akan timbul gangguan bau busuk. Kekotoran air dilihat dari rumah sampah yang mengalir ke dalam longkang yang mengundang serangan-serangan seperti lalat dan tikus.

Para penduduk akan mudah dijangkiti penyakit. Para penduduk faham bahawa sistem rumah sampah akan membolehkan sampah sarap diuruskan lebih baik dan teratur tetapi jika ia dibina di depan mata, menutup pemandangan dan menjadikan kawasan lebih sempit kepada pergerakan kenderaan. Bukan sahaja penduduk-penduduk dari kawasan saya sahaja yang membantah pembinaan rumah sampah berdekatan blok kediaman tetapi perumahan awam

kawasan lain juga tidak terkecuali. Para penduduk musykil mengapa DBKL tidak berbincang dahulu dengan mereka mengenai cadangan tapak projek tetapi hanya mengambil kira segelintir penduduk atau ahli persatuan yang tidak mewakili pandangan semua penduduk. Oleh kerana itu, saya ingin DBKL supaya merancang pembinaan rumah sampah dengan baik dalam satu-satu kawasan perumahan. Pandangan penduduk hendaklah diambil kira dalam menentukan tapak projek asalkan ia tidak berdekatan dengan unit kediaman.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham mengapa projek rumah sampah ini memakan masa bertahun-tahun lama untuk disiapkan kerana ada kawasan perumahan seawal tahun 2002 telah dibina rumah sampah. Tetapi rumah sampah itu terbiar, terbengkalai tanpa digunakan lantas menjadi tempat pembuangan sampah. Ini berlaku di Sri Johor, Sri Melaka, Sri Pulau Pinang. Kini dibina pula rumah sampah dalam kawasan lain seperti Loke Yew, Jalan Hang Tuah, Razak Mansion dan sebagainya yang mendapat bantahan penduduk-penduduk. Saya mahu jaminan DBKL bahawa rumah sampah yang dibina dan akan dibina kelak tidak akan menimbulkan kekacauan, gangguan baru kepada penduduk seperti pencemaran bau busuk, kotor, tidak terurus dan boleh mendatangkan penyakit.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, DBKL hendaklah memperhebatkan gerakan pembersihan blok kediaman yang kotor dengan sampah sarap tetapi tangga dipenuhi najis kotor yang menjijikkan yang mana DBKL dan penduduk-penduduk saling salah menyalahi dan tuduh menuduh.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan pembinaan rumah sampah, Perumahan Awam Razak Mansion, Jalan Sungai Besi Kuala Lumpur yang dicadangkan oleh DBKL. Mengapakah DBKL boleh mengambil persetujuan Ketua Bahagian MCA Bukit Bintang untuk membina atas tapak yang dipertikaikan penduduk-penduduk tanpa merujuk kepada wakil rakyat iaitu saya dan penduduk-penduduk yang terlibat. Walaupun saya telah membawa bantahan penduduk-penduduk kepada pihak pengurusan tertinggi DBKL yang bersetuju untuk berpindah tapak.

Tetapi mengapakah pegawai-pegawai DBKL dan kontraktor terpaksa akur dengan kemahuan Ketua Bahagian MCA Bukit Bintang. Saya tidak faham, malah rakyat sendiri pun tidak faham mengapa pegawai-pegawai DBKL lebih suka bekerja dan meminta pandangan pemimpin politik dari mendapatkan pandangan Wakil Rakyat sendiri yang telah dipilih dan mewakili suara penduduk. Sikap pegawai suka bekerja dan mendapatkan pandangan dan persetujuan dari mendapatkan pandangan dan persetujuan Wakil Rakyat atau Ahli Parlimen sendiri sebenarnya sama seperti satu tindakan membelakangkan suara pilihan rakyat. Pegawai kerajaan sepatutnya bebas dan berkecuali dari menyokong mana-mana pemimpin politik. Mereka sepatutnya bekerjasama dengan Ahli Parlimen atau Wakil Rakyat yang dipilih. Apa gunanya melaksanakan satu projek untuk rakyat sedangkan projek itu secara teknikal boleh menjejaskan kehidupan rakyat sendiri. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kementerian Wilayah Persekutuan, sila jawab. Ya, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila.

**5.50 ptg**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan [Tuan Yew Teong Look]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, DBKL memperuntukkan sebanyak RM15,026,800 untuk kerja-kerja pembersihan di perumahan awam dan PPR. Sebanyak 30 buah syarikat kontraktor pembersihan telah dilantik untuk menjalankan kerja-kerja ini.

Dakwaan bahawa pegawai DBKL lebih mengutamakan kutipan tunggakan sewa dari mengambil daya usaha untuk kerja-kerja pembersihan adalah tidak benar. Pegawai-pegawai DBKL sering mengadakan perjumpaan dan perbincangan dengan kontraktor pembersihan setiap dua minggu sekali di pejabat pengurusan zon untuk membincangkan prestasi dan kebersihan kawasan masing-masing.

Adalah tidak dinafikan bahawa kekotoran ada di kawasan perumahan awam. Salah satu punca utama adalah daripada sikap penduduk itu sendiri. Ini termasuklah membuang sampah di merata-rata tempat lebih-lebih lagi pernah berlaku membuang najis di dalam lif dan di tepi-tepi jalan, di tepi-tepi longkang dan ini menyusahkan lagi kutipan sampah oleh kontraktor pembersihan.

Tuan Yang di-Pertua, DBKL tidak pernah mengambil langkah untuk mengurangkan kos kontrak pembersihan sehingga menimbulkan masalah kekurangan penyediaan pembersihan di blok kediaman perumahan awam sebagaimana yang didakwa oleh Yang Berhormat Ahli Parlimen bagi Bukit Bintang dan peruntukan ini meningkat saban tahun seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang di awal Ucapan Penangguhan beliau tadi.

DBKL sedar bahawa kontraktor pembersihan memerlukan bayaran setiap bulan untuk membayar gaji pekerja masing-masing. Proses pembayaran kepada kontraktor pembersihan bagi perumahan awam mengambil masa antara empat minggu hingga enam minggu dari tarikh invois diterima. Walau pun begitu, terdapat juga kes gaji lewat dibayar oleh kontraktor sendiri setelah bayaran dibuat oleh DBKL pada setiap bulan.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan kebimbangan penduduk berkenaan pembinaan rumah sampah, *spiral waste bin* dengan izin, iaitu SWB berdekatan dengan blok kediaman mereka. DBKL memberi jaminan sistem ini akan memberikan manfaat kepada semua penduduk kerana sistem ini lebih sistematik, tertutup dan bersih berbanding sistem konvensional RCP yang terbuka yang mana kotor, mengundang serangan lalat dan tikus.

Melalui sistem SWB yang tertutup ini pencemaran bau dapat dielakkan di mana pintu rumah sampah ini akan sentiasa tertutup dan air lelehan iaitu *leached* akan terus dialihkan ke

tangki *septic* atau *manhole*. Ini juga dapat mengatasi masalah penyebaran penyakit yang berpunca dari tempat pembuangan sampah terbuka.

Sistem SWB ini adalah selaras dengan usaha kerajaan menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar raya bertaraf dunia dengan sistem pengurusan sampah yang bersih, cekap dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, DBKL telah pun memulakan proses rumah sampah sistem SWB melalui dua fasa. Fasa pertama 45 unit telah pun siap dan fasa kedua, 60 unit sedang dalam kerja-kerja pembinaan. Untuk makluman, sememangnya terdapat kelewatan projek fasa pertama di kawasan perumahan awam Sri Johor dan Sri Melaka. Kelewatan ini berpunca dari kegagalan kontraktor Kelas F yang dilantik menyiapkan rumah sampah di kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, tindakan telah diambil untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memilih tapak-tapak rumah sampah SWB ini, adalah melalui perbincangan dengan Persatuan Penduduk yang mewakili penduduk setempat mengikut kriteria-kriteria berikut:

- i. ia perlulah berdekatan dengan kawasan kediaman bagi memudahkan penduduk membuang sampah;
- ii. tapak yang dipilih itu mestilah tidak menghalang dan memudahkan lori pengangkut mengambil sampah dari rumah SWB; dan
- iii. bagi sesetengah kawasan, tapak rumah sampah SWB yang dipilih adalah tapak RCP asal dan kawasan ini didapati tidak menjadi masalah kepada penduduk.

Berkaitan dengan pengambilan kawasan letak kereta sebagai tapak rumah SWB pula, bagi kawasan-kawasan tertentu, DBKL sedaya upaya akan mencari kawasan lapang yang sesuai untuk menggantikan kawasan tempat letak kereta yang diambil.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dakwaan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang di mana pegawai DBKL tidak suka berbincang dan meminta pandangan Wakil Rakyat, perkara ini tidak sepatutnya timbul. Ini adalah kerana pihak DBKL memberi keutamaan kepada pihak persatuan penduduk yang sah yang mewakili keseluruhan penduduk di kawasan perumahan terbabit untuk memberi pandangan dan mendapat maklum balas.....

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, tidak perlulah Yang Berhormat. Dia beri jawapan, tak payahlah Yang Berhormat.

**Tuan Yew Teong Look:** ..... bagi menentukan kawasan yang sesuai. Dalam masa yang sama, pandangan dan penglibatan Wakil Rakyat serta pemimpin politik juga diambil kira.

Seperti contoh, untuk pemilihan tapak di perumahan Lok Yew dan Hang Tuah, Yang Berhormat Ahli Parlimen Cheras telah bersama-sama turun padang bersama pegawai DBKL. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, urusan kita hari ini selesai. Dewan yang mulia ini ditangguh sehingga jam 10.00 pagi esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.56 petang***